

JILID 2, 2019

ISSN 2326 - 9338



Jurnal **PENDIDIKAN SAINS SOSIAL**

JABATAN SAINS SOSIAL
IPG KAMPUS BATU LINTANG



JURNAL PENDIDIKAN SAINS SOSIAL

“PENYELIDIKAN PEMACU MINDA KREATIF DAN INOVATIF”

**Diterbitkan Oleh:
Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan
Jabatan Sains Sosial**

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Jurnal Pendidikan Sains Sejarah
Tahun 2019, Jilid 2

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan
Jabatan Sains Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang
Jalan College
93200
Sarawak
Tel: +060-082-228000
Faks: +60-082-252382
<http://www.ipbl.edu.my>

ISSN: 2600-9684

Cetakan Pertama: 2019

@Hak Cipta Terpelihara IPG KBL. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan Jurnal Pendidikan Sains Sosial, Jabatan Sains Sosial dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan IPG K Batu Lintang, Tahun 2019, Jilid 2 ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penyunting Jurnal Pendidikan Sains Sosial, Jabatan Sains Sosial dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Tahun 2019, Jilid 2, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Jalan College, 93200 Kuching, Sarawak. Pembaca diingatkan bahawa hasil penulisan pada jurnal ini adalah semata-mata pandangan para

penyumbang dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Penyunting Jurnal Pendidikan Sains Sosial, Tahun 2019, Jilid 2.

**JAWATANKUASA PENERBITAN
JURNAL PENDIDIKAN SAINS SOSIAL
TAHUN 2019, JILID 2**

Penaung

Encik Jamiran Bin Salam
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Penasihat

Encik Awang Hopeni Bin Awang Onget
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Pengerusi 1

Encik Hasnan Bin Rambli
Ketua Jabatan Sains Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Pengerusi 2

Dr.
Ketua Jabatan Penyelidikan
& Inovasi Profesionalisme Keguruan
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Ketua Editor

Dr. Tiwi binti Kamidin

Editor

Roziyah Binti Mohamad Ali

Panel Penilai

Dr. Haminah Binti Suhaibo
Encik Awang Hopeni Bin Awang Onget

Sidang Pengarang

Pelajar PISMP Jun 2015 Kumpulan Sejarah

KANDUNGAN

Kandungan	
Kata Aluan Pengarah	vi
Kata Aluan Ketua Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan	vii
Kata Aluan Ketua Jabatan Sains Sosial	viii
Sekapur Sirih Dari Ketua Editor	ix

JILID 2	2019
1 Penggunaan Laman Web “SejarahNet” dalam membantu murid Tahun 4 menguasai tajuk Parameswara sbagai sebagai pengasas Melaka Ahmad Farid Bin Abdul Karim	1 - 9
2 Penggunaan Kad Flip Kembara dalam meningkatkan penguasaan murid Tahun 4 dalam tajuk pengembaraan Parameswara Austein Harry Dward Anak Lumpoh	10 – 21
3 Menguasai kemahiran kronologi perjuangan kemerdekaan negara melalui “Kembara Merdeka” dalam kalangan murid Tahun 5 Nurizyani Binti Kafli@Masri	22 – 33
4 Penggunaan “JEJARED” dalam meningkatkan penguasaan murid Tahun 4 dalam tajuk Kerajaan-Kerajaan Melayu Awal Nur Hidayah Binti Mostaffa	34 - 45
5 Amalan penerapan kemahiran pemikiran Sejarah dalam kalangan guru-guru Sejarah Tahun 5 di Petrajaya: Satu Kajian Kes Azrul Azeem Bin Selamat	46 – 54

JILID 2		2019
8	Pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah: Satu Kajian Kes Muhammad Haziq Bin Mang	73 – 82
9	Amalan Dimensi Kewarganegaraan (Perasaan Kekitaan) dalam kalangan murid di sebuah sekolah rendah di Daerah Padawan: Satu Kajian Kes Hanna Cecelia Anak Ragie	83 - 89
10	Kemahiran kolaboratif dalam pengajaran guru Sejarah dan penerimaan murid terhadap kaedah tersebut Nur Atiqah Binti Ali	90 - 97
11	Amalan Dimensi Kewarganegaraan iaitu keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan murid: Satu Kajian Kes Larryson Anak Roslan	98 - 104
12	Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru Sejarah Tahun 5 bagi Unit-Unit Terpilih: Satu Kajian Kes Shellen Suri Anak Anthony	105 - 112
13	Penggunaan TMK dan faktor penghalang dalam pembelajaran dan pengajaran Sejarah: Satu Kajian Kes Mohd Zulfadzley Helmy Bin Mohd Hejemi	113 - 121
14	Pelaksanaan program rancangan integrasi murid untuk perpaduan di sebuah sekolah rendah di Daerah Padawan: Satu Kajian Kes Nor Farina Binti Zulkipli	121-128
15	Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pengajaran Sejarah di sekolah rendah: satu Kajian Kes Melviro Micky	129-135

KATA ALUAN PENGARAH



Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, jurnal Pendidikan Sains Sosial, Jilid 2, Tahun 2019 dapat diterbitkan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Sains Sosial dan Jabatan Inovasi dan Profesionalisme Keguruan kerana berjaya menerbitkan jurnal ini.

Sesuatu penambahbaikan bermula daripada amalan penyelidikan. Ini kerana tanpa penyelidikan, kita tidak akan tahu kekuatan dan kelemahan sesuatu perkara yang sudah menjadi rutin. Oleh itu, kerjaya sebagai seorang guru memerlukan guru sentiasa melakukan penyelidikan bagi meningkatkan tahap profesionalisme selaras dengan tuntutan perkembangan ilmu sejagat. Justeru, pendokumentasian hasil penyelidikan siswa pendidik tahun akhir ini dapat menambah lagi koleksi penyelidikan dalam usaha membudayakan penyelidikan dalam kalangan para pendidik.

Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan percambahan fikiran dan perkongsian ilmu dapat dimanfaatkan oleh warga pendidik bagi meningkatkan profession keguruan khususnya dalam amalan pedagogi di dalam bilik darjah.

Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan kepada pelajar-pelajar PISMP Jun 2015 Kumpulan Sejarah yang berjaya menyempurnakan kajian tindakan sehingga menghasilkan artikel untuk dimuatkan dalam jurnal ini. Semoga hasil-hasil kajian ini menjadi rujukan warga pendidik dan menyumbang kepada peningkatan profesionalisme keguruan.

Sekian.

A handwritten signature in black ink, consisting of several fluid, overlapping strokes that form a stylized name.

JAMIRAN BIN SALAM
Pengarah
IPG Kampus Batu Lintang

**KATA ALUAN KETUA JABATAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
PROFESIONALISME KEGURUAN**



Salam Sejahtera,

Penerbitan jurnal ini adalah bukti kesungguhan Institut Pendidikan Guru dalam usaha menerapkan budaya penyelidikan kepada para bakal guru. Para bakal guru didedahkan dengan budaya membuat penyelidikan khususnya penyelidikan tindakan agar dapat dimanfaatkan semasa menjadi guru sebenar nanti. Budaya penyelidikan amat penting kepada guru khususnya bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di samping memahami sesuatu isu dalam pendidikan.

Besar harapan saya, agar bakal guru meneruskan budaya penyelidikan dengan meluas ketika menjadi guru sebenar nanti. Melalui penyelidikan juga akan membantu guru dalam mengetengahkan inovasi-inovasi yang sesuai mengikut latar belakang murid dan amalan sendiri. Namun, kejayaan menerbitkan jurnal ini amat bermakna bagi tujuan menyebarkan dapatan kajian dan inovasi yang dilaksanakan dalam subjek Sejarah. Oleh itu, ianya amat sesuai untuk dijadikan panduan oleh guru-guru Sejarah untuk memahami sesuatu isu dan apabila hendak mengajar tajuk-tajuk yang berkaitan.

Tahniah kepada pelajar PISMP Jun 2015 Kumpulan Sejarah dan Jabatan Sains Sosial kerana berjaya menerbitkan Jurnal Pendidikan Sains Sosial Jilid 2.

Sekian, terima kasih

Dr. Lee Chuo Hiong
Ketua Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Profesionalisme Keguruan
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

KATA ALUAN KETUA JABATAN SAINS SOSIAL



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, tahniah diucapkan kepada pelajar PISMP Jun 2015 Kumpulan Sejarah yang telah berjaya menerbitkan artikel hasil penyelidikan bagi memenuhi kehendak projek akhir semester 8. Penyelidikan tindakan dan konvensional perlu dibudayakan dalam kalangan guru-guru khususnya bagi memahami sesuatu isu atau perkara yang berlaku dalam dunia pendidikan.

Pada tahun ini, pelajar dibenarkan untuk memilih reka bentuk penyelidikan yang hendak digunakan sama ada penyelidikan tindakan ataupun penyelidikan konvensional yang lain. Sudah sampai masanya, para guru memperluaskan penyelidikan dalam dunia pendidikan untuk dijadikan panduan kepada para pendidik. Oleh itu, IPG Kampus Batu Lintang memberikan komitmen yang tinggi dalam memperkasakan amalan penyelidikan dalam kalangan siswa pendidik. Justeru, usaha menerbitkan jurnal ini amat berharga bagi menyebarkan luas dapatan penyelidikan dalam pendidikan Sains Sosial khususnya bagi subjek Sejarah.

Besarliah harapan saya agar guru-guru dan pensyarah dapat terus menyumbang artikel di dalam Jurnal ini sebagai rujukan pelaksanaan pedagogi bagi subjek-subjek Sains Sosial pada masa akan datang.

“Selamat Membaca”

Sekian, terima kasih


(HASNAN BIN RAMBLI)
Ketua Jabatan Sains Sosial
IPG Kampus Batu Lintang, Kuching

SEKAPUR SIRIH DARI KETUA EDITOR



Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Penyayang,

Terlebih dahulu, syukur kepada Allah kerana dapat menerbitkan Jurnal Pendidikan Sains Sosial, Jilid 2, Tahun 2019. Pada kali ini, tumpuan jurnal ini adalah hasil penyelidikan pelajar PISMP Jun 2015 Kumpulan Sejarah. Kebanyakan pelajar memilih reka bentuk penyelidikan tindakan dan kajian kes dari pelbagai isu dan dapatan penyelidikan tersebut dimuatkan dalam jurnal ini.

Rakaman penghargaan juga diberikan kepada Pengarah dan Timbalan Pengarah IPGKBL atas galakan dan sokongan dalam pelbagai bentuk dalam memperkasakan pembudayaan penyelidikan dalam kalangan bakal guru dan pensyarah. Begitu juga jutaan terima kasih kepada Ketua Jabatan Sains Sosial dan Ketua Jabatan Inovasi dan Profesionalisme Keguruan di atas sokongan. Jutaan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah dan staf yang membantu dalam penerbitan jurnal ini. Akhir kata, kami berharap jurnal ini dapat memberi manfaat kepada pelajar, pendidik, penyelidik dan mereka yang berminat dalam memulakan langkah bagi menjalankan penyelidikan.

Sekian, Terima kasih

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Tiwi Binti Kamidin'. The signature is fluid and cursive, written on a white background.

Dr. TIWI BINTI KAMIDIN
Ketua Editor

PENGUNAAN LAMAN WEB “SEJARAHNET” DALAM MEMBANTU MURID TAHUN 4 MENGUASAI TAJUK PARAMESWARA SEBAGAI PENGASAS MELAKA

AHMAD FARID BIN ABDUL KARIM

farid.sejarah2015@jpgkbl.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid Tahun 4 menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka di samping meningkatkan amalan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) guru melalui penggunaan laman web “SejarahNet”. Kajian ini telah dirangka berdasarkan masalah yang dihadapi oleh murid Tahun 4 dalam penguasaan fakta mengenai rentetan peristiwa perjalanan Parameswara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian tindakan. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid kelas 4D yang dipilih berdasarkan tahap pencapaian mereka dalam tajuk tersebut. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, catatan nota lapangan dan senarai semak. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah temubual berstruktur dan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan laman web “SejarahNet” berjaya membantu peserta kajian menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Ketiga-tiga peserta kajian berjaya menjawab soalan kuiz dan mendapat markah lulus dalam lingkungan 65% hingga 90%. Dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan laman web “SejarahNet” dapat meningkatkan amalan PdPc guru. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa bahan pengajaran berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dapat membantu penguasaan murid dan meningkatkan amalan PdPc guru dalam mata pelajaran Sejarah

Kata kunci: “SejarahNet”, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), amalan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

ABSTRACT

This study aims to help Year Four pupils to master Year 4 History subject's unit 'Parameswara sebagai Pengasas Melaka' as well as to improve teacher trainee's teaching and learning practices through the use of 'SejarahNet' website. This research was conducted based on the problems faced by the Year 4 pupils in their mastery of the chronology of Parameswara's journey. This research uses a qualitative approach as research design. There were 3 pupils from 4D class involved in the research who was selected based on their mastery in the particular unit. The instruments used in this research were observation, field notes and checklists. The researcher also used structured interview and questionnaires. The findings showed that the use of 'SejarahNet' website helped the participants to master the 'Parameswara sebagai Pengasas Melaka' unit. All participants successfully answered the quiz and scored 65% to 90%. The findings also showed that the use of 'SejarahNet' had improved teacher trainee teaching and learning practices. The implication of this research showed that the teaching and learning materials using Information and Communication Technology (ICT) able to help Year 4 pupils in mastery the facts and improve teacher's teaching and learning practices in History subject.

Keywords: 'SejarahNet', Information and Communication Technology (ICT) & teacher's teaching and learning practices


Pengenalan

Bagi memenuhi tuntutan kajian dan pengajian di Institut Pendidikan Guru, pengkaji telah menjalani dua fasa praktikum. Sepanjang tempoh praktikum tersebut pengkaji mendapati beberapa masalah telah timbul terutama sekali kesukaran murid Tahun 4 untuk menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Hal ini timbul

disebabkan mata pelajaran Sejarah mengandungi banyak idea abstrak serta fakta yang kadangkala sukar dikuasai oleh murid. Pernyataan ini turut disokong oleh Zahara Aziz dan Nurliah Jahir (2009), dimana penulis telah menyatakan bahawa murid tidak akan memahami sesuatu konsep jika tidak mengetahui maksud atau makna perkataan tertentu. Kegagalan para guru untuk melakukan perubahan melalui kaedah dan teknik pengajaran juga menjadi punca masalah ini timbul. Ini adalah kerana kaedah yang digunakan hanya berpusatkan guru sahaja. (Norazura et al, 2010).

Fokus Kajian

Semasa menjalani praktikum fasa pertama dan kedua yang berlangsung selama 12 minggu, saya telah mendapati bahawa murid Tahun 4 sukar untuk menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Perkara ini berlaku disebabkan murid tidak mahu melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran yang telah dirancang oleh guru. Mereka telah menyatakan bahawa pembelajaran yang dijalankan oleh guru adalah bosan dan kurang menarik. Ini telah menyebabkan objektif yang telah ditetapkan sukar untuk dicapai. Rajah 1 menunjukkan lembaran kerja peserta kajian yang tidak dapat menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka.



Rajah 1. Hasil lembaran kerja Jojo, Mola dan Kutil

Oleh hal yang demikian pengkaji telah mendapati bahawa pembelajaran secara koperatif kurang berkesan kerana murid mempunyai pelbagai tahap kecerdasan. Murid juga lebih cenderung menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) semasa mendapatkan maklumat untuk tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Bahan komik dan video merupakan bahan yang diinginkan oleh murid semasa mempelajari tajuk tersebut.

Ini membuktikan bahawa murid lebih berminat untuk mempelajari tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka menggunakan bahan-bahan seperti nota ringkas, video dan komik. Bahan seperti ini mampu menyediakan murid-murid dengan pengalaman yang lebih realistik, menarik perhatian serta membantu dalam memahami

sesuatu peristiwa Sejarah. Ia juga membantu mengaktifkan minda melalui pendengaran visual (Rasul, Bukhsh, & Batool, 2011). Oleh hal yang demikian, pengkaji telah membuat keputusan untuk menghasilkan sebuah laman web iaitu "SejarahNet". Laman web ini mengandungi ketiga-tiga bahan seperti nota ringkas, komik dan video bagi membantu murid Tahun 4 untuk menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Melalui kajian yang telah dilaksanakan oleh (Zurina Yasak *et al.*, 2009) mengenai kaedah pengajaran berasaskan laman web terhadap pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik Mekatronik di Politeknik, beliau telah menyatakan bahawa laman web merupakan intergrasi grafik, teks dan bunyi ke dalam satu halaman paparan. Hal ini turut disokong oleh Zolkepli *et al.* (2001) dan beliau turut menyatakan bahawa semua bahan dapat diakses dengan hanya mengklik bahagian yang ingin dibaca.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Membantu murid Tahun 4 menguasai tajuk Parameswara sebagai pengasas Melaka melalui penggunaan laman web "SejarahNet".
2. Meningkatkan amalan PdPc guru bagi tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka melalui penggunaan laman web "SejarahNet".

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Adakah penggunaan "SejarahNet" dapat membantu murid Tahun 4 menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka?
2. Bagaimanakah penggunaan laman web "SejarahNet" dapat membantu meningkatkan amalan PdPc guru?

Peserta Kajian

Peserta kajian merupakan aspek yang sangat penting dalam menjalankan kajian ini kerana ia merupakan subjek yang diperhatikan dan dianalisis oleh penyelidik. Seperti yang telah dinyatakan setiap kelas mempunyai tahap penguasaan yang berbeza. Tiga orang murid daripada kelas tahun 4D telah dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji telah melakukan semakan lembaran kerja murid pada pembelajaran yang lalu sebagaimana yang boleh dilihat pada bahagian pengumpulan data awal. Hasil daripada semakan tersebut, pengkaji mendapati bahawa tiga orang murid ini sesuai dijadikan peserta kajian kerana kesalahan yang dilakukan adalah hampir sama. Nama murid sebenar tidak didedahkan bagi mematuhi etika penyelidikan dan pengkaji telah menggunakan nama samaran iaitu Jojo, Mola, dan Kutil. Latar belakang peserta kajian yang dimaksudkan dapat dilihat melalui Jadual 1.

Jadual 1

Latar belakang peserta kajian


Nama Samaran	Jojo	Mola	Kutil
Kelas	4D	4D	4D
Jantina	Lelaki	Lelaki	Lelaki
Tahap pencapaian murid	Lemah	Sederhana Lemah	Lemah
Bangsa	Melayu	Melayu	Melayu
Jawatan di sekolah	Pengawas	Murid biasa	Ketua kelas

Tindakan Yang Dijalankan

Kajian ini dibuat menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian tindakan. Model yang digunakan adalah Kemmis dan McTaggart (1988). Model ini merangkumi empat fasa iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Pada fasa merancang, pengkaji telah menjalankan aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) seperti biasa untuk tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Lembaran kerja diedarkan kepada murid Tahun 4D untuk dijadikan sebagai data awal. Tiga orang peserta kajian telah dikenal pasti berdasarkan analisis data awal. Pembinaan laman web "SejarahNet" ini menggunakan "Google Sites" dan merangkumi tiga bahan utama iaitu nota ringkas, komik dan bahan video. Seterusnya pada fasa tindakan, pengkaji telah menggunakan "SejarahNet" ke atas peserta kajian. Peserta kajian akan membaca nota ringkas terlebih dahulu kemudiannya membaca komik dan video. Pada fasa yang ketiga iaitu fasa pemerhatian dibuat berdasarkan kepada perubahan yang berlaku semasa peserta kajian menggunakan "SejarahNet".

Instrumen yang digunakan adalah senarai semak dan nota lapangan. Fasa yang terakhir iaitu fasa refleksi dibuat berdasarkan data yang dikumpul semasa proses tindakan dan pemerhatian. Pengumpulan data awal adalah berdasarkan temu bual, refleksi PdPc dan analisis dokumen. Kaedah analisis data dibuat dengan menggunakan analisis kandungan serta analisis pola. Triangulasi kaedah dilakukan dengan membuat perbandingan antara sumber data yang dikumpul.

Rajah 2 menunjukkan laman “SejarahNet” yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian tindakan ini.



Rajah 2. Laman “SejarahNet”

Dapatan Kajian

Objektif 1: Membantu murid menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka

Hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa murid-murid dapat menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka dengan mendapat markah lulus iaitu 65% ke 90%. Hasil dapatan adalah berdasarkan kepada catatan nota lapangan, senarai semak, temubual dan juga analisis dokumen. Sesi temubual dengan guru pembimbing telah dijalankan untuk memastikan keberkesanan penggunaan “SejarahNet”. Menurut respons yang telah diberikan oleh guru pembimbing, beliau telah menyatakan bahawa:

“Murid pada hari ini mampu menceritakan rentetan peristiwa perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka dengan sangat baik. Murid bukan sahaja mampu menguasai nama tempat malah dapat menjelaskan peristiwa tersebut secara kronologi.”


Bagi mengukuhkan lagi dapatan mengenai keberkesanan “SejarahNet” yang telah dibina, pengkaji turut menemubual peserta kajian dan mendapati beberapa tema telah wujud semasa sesi temubual seperti “mengetahui”, “menjelaskan” dan “faham” mengenai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Bagi peserta kajian yang pertama iaitu Jojo, beliau telah menyatakan bahawa melalui penggunaan “SejarahNet”, nama tempat yang dilalui oleh Parameswara sebelum membuka Melaka dapat diketahui dan dijelaskan. Seterusnya bagi peserta kedua iaitu Mola, beliau telah berjaya menjelaskan bahawa setiap tempat yang dilalui oleh Parameswara mempunyai peristiwa tertentu dan turut memberikan contoh yang tepat. Peserta kajian yang terakhir iaitu Kutil, beliau telah menyatakan bahawa penggunaan “SejarahNet” ini telah memudahkan penguasaan fakta mengenai Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Pernyataan ini dapat dilihat melalui Jadual 2.

Jadual 2

Dapatan Temubual bersama peserta kajian


Pengkaji	Adakah kamu mampu menguasai fakta mengenai Parameswara setelah menggunakan laman web "SejarahNet"	Kesimpulan Tema
Jojo	: Ya. Saya tahu nama tempat yang Parameswara lalu sebelum beliau membuka Melaka. Tempat yang beliau lalui adalah Palembang, Temasik, Muar dan Melaka.	Mengetahui, Menjelaskan
Mola	: Dapat saya cikgu. Setiap tempat mempunyai peristiwa tersendiri sebagai contoh Parameswara berundur ke Temasik kerana Kerajaan Majapahit menguasai Palembang.	Menjelaskan, Faham
Kutil	: Saya lebih mudah memahami dan menguasai tajuk Parameswara ini selepas menggunakan "SejarahNet".	Faham

Rajah 3 di atas menunjukkan markah kuiz bagi peserta kajian setelah menggunakan "SejarahNet". Berdasarkan markah tersebut dapat disimpulkan bahawa penggunaan "SejarahNet" sangat membantu murid Tahun 4 bagi menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Hal ini kerana, kesemua peserta kajian telah berjaya mendapat markah lulus iaitu dalam lingkungan 65% hingga 90%. Ini turut membuktikan bahawa penggunaan "SejarahNet" memberi kesan positif terhadap penguasaan murid terhadap tajuk tersebut.



Rajah 3. Markah Kuiz Peserta Kajian

Rajah 4 adalah hasil daripada senari semak yang telah menunjukkan bahawa peserta kajian telah berjaya menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka. Jika dilihat kepada graf yang telah dihasilkan, guru pembimbing telah menyatakan sebanyak 100% peserta kajian telah berjaya menguasai fakta manakala bagi rakan praktikum pula menyatakan bahawa 80% sahaja yang berjaya menguasai fakta. Ini menjelaskan bahawa peserta kajian mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan sangat baik sehingga berjaya menguasai fakta mengenai Parameswara.



Rajah 4. Graf Bar TingkaHLaku Murid semasa menggunakan “SejarahNet”

Objektif 2: Membantu Guru Meningkatkan Amalan PdPc bagi Tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka

Hasil daripada dapatan kajian ini, pengkaji telah berjaya meningkatkan amalan PdPc dengan menggunakan “SejarahNet”. Hal ini dapat dibuktikan melalui catatan nota lapangan yang dilakukan oleh guru pembimbing dan rakan praktikum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui penggunaan “SejarahNet”, pengkaji telah berjaya menarik minat murid dan menjadikan pembelajaran untuk tajuk tersebut lebih menarik. Guru pembimbing dan rakan praktikum turut menyatakan bahawa murid memberikan fokus dan mendengar setiap arahan yang diberikan oleh guru. Rajah 5 dan 6 merupakan catatan nota lapangan yang telah dinyatakan.

CATATAN NOTA LAPANGAN			
TARIKH :			
TEMPAT :			
MASA :			
Jojo	Mola	Kutli	
Jojo membaca teks yang diberikan dengan sepenuh perhatian. Jojo juga menandakan beberapa poin berkaitan tajuk tersebut.	Kelihatlah stress dan tajuk yang menggunakan "figuratif".	Tarik mengenai main-main yang ada. Cara yang menarik dan menarik. Setiap bahan yang terdapat di dalam "SejarahNet".	

Rajah 5: Catatan nota lapangan dari guru pembimbing

CATATAN NOTA LAPANGAN		
TARIKH :		
TEMPAT :		
MASA :		
Jojo	Mola	Kutil
Menunjukkan minat dan menumpukan perhatian semasa menggunakan "SejarahNet"	Lebih yakin untuk berinteraksi dengan rakan sekelas yang lain.	Lebih serius dalam mengatasi bahan dan mendengar setiap arahan yang diberikan.

Rajah 6. Catatan nota lapangan dari rakan praktikum

Melalui kedua-dua nota lapangan yang dilakukan oleh guru pembimbing dan rakan praktikum menjelaskan bahawa "SejarahNet" mempunyai unsur tarikan dan menyebabkan murid untuk lebih fokus dan berminat semasa PdPc dijalankan. Hal ini juga telah berjaya meningkatkan amalan PdPc guru ke satu tahap yang lebih baik.

Refleksi

Setelah mengaplikasikan laman web "SejarahNet" bagi tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka, pengkaji telah mengadakan sesi refleksi untuk meninjau kekuatan atau kelemahan sepanjang menggunakan bahan tersebut. Menurut Woodfolk (2004), refleksi merupakan satu pemikiran secara mendalam di mana seorang itu akan memikirkan atau merenung semula situasi yang telah dilalui untuk menganalisis apa yang telah dilakukan dan mengapa ia dilakukan sedemikian.

Semasa menggunakan "SejarahNet", pengkaji mendapati bahawa peserta kajian begitu khusyuk sekali untuk meneroka bahan-bahan yang terdapat di dalam "SejarahNet" tersebut. Selain itu, peserta kajian telah berjaya menguasai tajuk Parameswara sebagai Pengasas Melaka dengan sangat baik dan mudah. Ini dapat dibuktikan melalui sesi temubual bersama peserta kajian dimana mereka telah menyatakan bahawa mereka lebih mudah memahami tajuk yang diajar menggunakan "SejarahNet". Dengan menggunakan bahan ini juga, tumpuan murid semasa PdPc dijalankan juga dapat ditingkatkan. Kesimpulannya, penggunaan "SejarahNet" semasa mengajar tajuk Parameswara telah berjaya meningkatkan amalan PdPc pengkaji.

Cadangan Tindakan Susulan

Bagi memastikan keberkesanan penggunaan "SejarahNet", pengkaji yakin bahawa langkah penambahbaikan perlu dilakukan. Antaranya adalah dengan menyediakan manual panduan bagi penggunaan "SejarahNet" tersebut. Melalui penyediaan manual panduan ini, ia bukan sahaja dapat membantu murid untuk menggunakan "SejarahNet" ini dengan lebih mudah malah membantu guru untuk mentadbir serta menguruskan penggunaannya dengan baik. Manual ini juga hendaklah dipaparkan pada halaman "SejarahNet" bagi memudahkan pembacaan dan penggunaannya. Selain itu, pengkaji turut merasakan bahawa terdapat kesukaran bagi peserta kajian untuk mengakses laman web "SejarahNet" tersebut menggunakan pautan yang diberikan sahaja. Oleh hal yang demikian, bagi mengatasi masalah tersebut,

pengkaji telah mencadangkan dan menyediakan satu langkah penyelesaian yang boleh digunakan iaitu penggunaan “QR Code” bagi memudahkan peserta kajian untuk mengkses laman web tersebut.



Rajah 6. QR Code “SejarahNet”

Rujukan

- Norazura Tukiran, Juliza Adira Mohd Ariffin & Siti Hazwani Mohamed Rozi. (2010). *Teori Kecerdasan Pelbagai Untuk Meningkatkan Penglibatan Aktif Pelajar Di Dalam Kelas*. Guru Pelatih DPLI UKM.
- Rasul, S., Bukhsh, Q., & Batool, S. (2011). *A study to analyze the effectiveness of audio visual aids in teaching learning process at uvniversity level*. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 28, 78-81.
- Woolfolk, A. (2004). *Educational psychology*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Zahara Aziz dan Nurliah Jahar. (2009). *Penggunaan Peta Konsep untuk Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah bagi Pelajar Tingkatan Dua*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (1) (2009): 3-15. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurina Yasak, Baharom Mohamad, Ahmad Esa & Shahriza Shahbuddin. (2009). *Kaedah Pengajaran Berasaskan Laman Web Terhadap Pelajar DiplomaKejuruteraan Elektrik Mekatronik di Politeknik*. *PersidanganKebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi*. UTHM. 26-27 Oktober 2009.
- Zolkepli Haron, Effandi Zakaria, Zurina Mahadi & Hukil Sino. (2001). *Persepsi pelajar PJJ UKM terhadap pembelajaran secara online*. *Pembentangan Kertas Kerja Konvensyen Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia ke 14*. Hotel Gold course, Kelang. 11-14 September.

PENGUNAAN KAD FLIP KEMBARA MENINGKATKAN PENGUSAAN MURID TAHUN 4 DALAM TAJUK PENGEMBARAAN PARAMESWARA

AUSTEIN HARRY DWARD ANAK LUMPOH

austeinharrydward@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid Tahun 4 menguasai tajuk Pengembaraan Parameswara dengan menggunakan Kad Flip Kembara. Kajian ini telah dirangka berdasarkan masalah yang dihadapi oleh murid Tahun 4 di sebuah sekolah rendah di Kuching yakni sukar untuk menyenaraikan nama tempat pengembaraan Parameswara dan menjelaskan kronologi peristiwa secara tepat. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual berstruktur. Dapatan ditriangulasi menggunakan triangulasi kaedah dan sumber. Pelaksanaan kajian ini melibatkan seramai empat orang peserta kajian yang terdiri daripada murid Tahun 4. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan daripada 48.2% kepada 100% selepas menggunakan bahan inovasi. Kajian ini membuktikan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dalam penguasaan murid terhadap tajuk Pengembaraan Parameswara dengan menggunakan Kad Flip Kembara. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan bahan inovasi yang direka berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai (TKP) dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada murid di samping membantu guru melaksanakan PdPc yang sistematik dan berkesan.

Kata kunci: *Kad Flip Kembara, pengembaraan Parameswara, kecerdasan pelbagai, kronologi, sejarah.*

ABSTRACT

The purpose of this research is to aid the Year 4 pupils to master the topic of "Parameswara's Adventure" by using the "Adventure Card Flip" innovation. This research was conducted based on the problems encountered by the Year 4 pupils in a primary school situated in Kuching. The pupils were experiencing difficulties to list down the names of places that Parameswara had travelled along with the chronological order of all the events that had transpired accurately. The data was obtained through observation, document analysis and structured interviews. This research used method triangulation and resource triangulation to check the validity and reliability of the research findings. The implementation of this research involves participants which consists of four Year 4 pupils. The research findings indicate that there was an increment from 48.2% to 100% of the pupils performance after utilising the "Parameswara's Adventure" innovative material. This research also proves that there was a significant improvement on the pupils' mastery of the topic of "Parameswara's Adventure" by using the "Adventure Card Flip" innovation. The usage of this innovative material that was designed based on the Multiple Intelligences theory had shown that it can introduce a learning environment that is fun and meaningful to the pupils besides helping the teacher in carrying out the lesson systematically and effectively.

Keywords: *Adventure Card Flip, Parameswara's Adventure, multiple intelligences, chronology, history.*

Pengenalan

Sejarah ialah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai Tahun 4. Pengenalan mata pelajaran ini dimulakan pada tahun 2014 dengan bertujuan menyemai kefahaman murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Salah satu kemahiran yang harus dikuasai dalam mata pelajaran

Sejarah ialah memahami dan mengingati peristiwa sejarah secara kronologi. Child, Shuter & Taylor (1991) dalam karya penulisan sejarah mereka yang bertajuk “*Undertanding History*” menyatakan bahawa seseorang harus terlebih dahulu memahami kronologi sebelum dapat mengenal pasti sebab sesuatu peristiwa itu berlaku.

Pada Parktikum Fasa 2 di SK Tanjung (bukan nama sebenar), saya telah mengenal pasti bahawa murid sukar untuk memahami kronologi. Permasalahan ini dibuktikan melalui catatan refleksi Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bertarikh 24 Ogos 2018. Murid yang dapat menguasai isi pelajaran pada hari berkenaan hanyalah sebanyak 30%. Kesannya, objektif pertama pengajaran dan pemudahcaraan PdPc tidak tercapai kerana lebih daripada separuh bilangan murid kelas Tahun 4 Cempaka tidak berjaya menguasai maklumat kronologi Pengembaraan Parameswara.

Analisis dokumen telah dilakukan terhadap hasil kerja murid secara berkumpulan. Kumpulan dua mendapat markah paling rendah iaitu hanya memperolehi skor satu daripada enam markah penuh. Temu bual bersama seorang murid iaitu Zaki (bukan nama sebenar) memberi gambaran tentang penguasaannya selepas PdPc dijalankan. Zaki kelihatan diam malah tidak terlibat dengan aktif dalam aktiviti PdPc yang telah dilaksanakan. Temu bual bersama seorang guru Sejarah juga membuktikan bahawa Zaki memang menghadapi kesukaran dalam menguasai isi pelajaran. Namun, guru berkenaan menyatakan bahawa biarpun pencapaian akademik Zaki lemah, namun dia sangat berbakat dalam seni lukis. Berikut merupakan transkrip temu bual berkenaan, temu bual saya bersama Zaki selepas kelas Sejarah pada 24 Ogos 2018.

- Saya : Kenapa Zaki seperti diam saja sepanjang kelas hari ini? Seperti tidak seronok saja.
- Zaki : Saya **tidak faham**, cikgu. Saya **tahu sikit saja** dalam kelas tadi.
- Saya : Mana satu yang awak kurang faham? Semua?
- Zaki : **Susah saya nak hafal** nama tempat sejarah Melaka. Banyak nama tempat.
- Saya : Senonok tak kelas tadi?
- Zaki : **Kalau ada melukis lagi best** cikgu!

Murid masih sukar untuk memahami peristiwa sejarah yang disampaikan biarpun aktiviti PdPc menggunakan pendekatan PAK-21. Hal ini kerana, peristiwa sejarah merupakan perkara yang abstrak dan melibatkan peristiwa lampau. Disebabkan murid tidak lahir pada zaman berkenaan, maka sukar untuk mereka membayangkan peristiwa sejarah, apatah lagi untuk memahaminya (Vass, 2003). Oleh itu, pemilihan kaedah pengajaran sejarah oleh guru penting kerana ini akan mempengaruhi kualiti pengajaran sejarah di sekolah (Tho Loi Moi, 2007).

Berdasarkan pada refleksi ini, saya berhasrat untuk mewujudkan suasana PdPc yang menarik, menyeronokkan serta dapat meningkatkan motivasi murid untuk belajar. Oleh itu, bahan inovasi Kad Flip Kembara dibina untuk membantu murid dalam menguasai kronologi Pengembaraan Parameswara. Saya merancang untuk melibatkan minat murid dalam penggunaan bahan inovasi ini kerana melalui minat, motivasi murid untuk belajar dapat ditingkatkan. Pernyataan ini disokong oleh Omardin (1996) yang menjelaskan bahawa minat merupakan suatu elemen penting yang boleh dijadikan sebagai pendorong kepada murid untuk bergiat aktif dalam aktiviti PdPc yang dirancang.

Fokus Kajian

Fokus kajian mempertimbangkan beberapa perkara seperti kebolehtadbiran, kepentingan, dan kerelevanan. Bahan inovasi terdiri daripada bahan bantu mengajar yang bersaiz kecil, aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai yang mudah dan tidak kompleks menyebabkan ia mudah untuk ditadbir. Kad Flip Kembara sesuai ditadbirkan oleh guru

dan mudah digunakan oleh murid-murid yang terdiri daripada pelbagai tahap kecerdasan. Kad Flip Kembara membantu murid dalam menguasai topik Pengembaraan Parameswara dan menambahkan amalan PdPc guru. Kajian ini sangat relevan kepada penambahan PdPc guru khususnya dalam menerapkan elemen pelbagai kecerdasan. Menurut Jasmine (1996) unsur-unsur kecerdasan pelbagai boleh diintegrasikan dalam aktiviti pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran untuk mencapai objektif pembelajaran.

Objektif dan Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif berikut:

1. Membantu murid menguasai tajuk Pengembaraan Parameswara menggunakan Kad Flip Kembara.
2. Menambah baik amalan PdPc guru bagi meningkatkan penguasaan murid dalam tajuk Pengembaraan Parameswara dengan menggunakan Kad Flip Kembara.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab soalan berikut:

1. Adakah penggunaan Kad Flip Kembara dapat meningkatkan penguasaan murid dalam tajuk Pengembaraan Parameswara?
2. Bagaimanakah penggunaan Kad Flip Kembara dapat menambah baik amalan PdPc guru bagi meningkatkan penguasaan murid dalam tajuk Pengembaraan Parameswara?

Peserta Kajian

Ronisah Edinin (2011) menyatakan bahawa perkara yang diperlukan dalam proses pemilihan peserta kajian adalah memerihalkan ciri-ciri responden secara terperinci dari segi bilangan, jantina serta pencapaian akademik. Jadual 1 menunjukkan maklumat peserta kajian saya dan nama yang digunakan ialah bukan nama sebenar.

Jadual 1


Profil Kecerdasan Pelbagai peserta kajian

Nama	Jantina	Minat	Kecerdasan Pelbagai	Pencapaian Akademik
Ariff	Lelaki	Bercerita	Verbal-lingustik	Sederhana
Putri	Perempuan	Menyanyi	Muzik	Sederhana
Zaki	Lelaki	Melukis	Visual-ruang	Lemah
Anna	Perempuan	Bercerita	Verbal-lingustik	Lemah

Selain daripada kriteria pencapaian akademik, pemilihan peserta kajian ini juga dilakukan berdasarkan kecerdasan pelbagai murid yang berbeza. Pemilihan ini dilakukan untuk melihat peningkatan penguasaan PdPc apabila kecerdasan individu diterapkan dalam langkah pelaksanaan kajian.

Tindakan Yang Dijalankan

Model penyelidikan tindakan yang dipilih untuk melaksanakan kajian ini ialah Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988). Berdasarkan model ini, terdapat empat langkah kajian yang perlu dilaksanakan iaitu mereflek, merancang, bertindak dan memerhati.



Rajah 1. Model Kajian Tindakan Stephen Kemmis dan Mc Taggart (1988).

Langkah pertama dalam model ini ialah mereflek. Mereflek merujuk kepada refleksi PdPc yang telah saya lakukan berdasarkan pengalaman Praktikum Fasa 2. Pada fasa merancang, saya merancang langkah-langkah pelaksanaan kajian secara teratur dan sistematik. Peringkat bertindak pula, saya menggunakan Kad Flip Kembara sebagai bahan tindakan untuk meningkatkan penguasaan murid dalam Pengembaraan Parameswara. Langkah akhir ialah memerhati. Langkah memerhati dilakukan terhadap data-data yang telah dikumpul untuk tujuan analisis. Menurut Akhtiar dan Shamsina (2012), terdapat pelbagai pendekatan dan kaedah boleh digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data yang berkaitan bagi mencapai objektif kajian.

Kad Flip Kembara merupakan inovasi yang mengintegrasikan Teori Kecerdasan Pelbagai ke dalam PdPc yang dilaksanakan oleh guru. Dapatan kajian oleh pendidik seperti Armstrong (2000), Franzen, R.J. (1999), Campbell et al. (1996), Jasmine (1996) dan Lazear (1991) menunjukkan aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pendidikan berkeupayaan menyumbang kepada kejayaan pembelajaran murid di sesebuah sekolah. Justeru itu, aplikasi teori ini ke dalam pembinaan Kad Flip Kembara bertujuan untuk menyelesaikan masalah murid Tahun 4 Cempaka yang sukar untuk memahami kronologi peristiwa Pengembaraan Parameswara. Namun, hanya tiga kecerdasan digunakan dalam Kad Flip Kembara iaitu kecerdasan bahasa, visual dan muzik. Penggunaan bahan inovasi ini akan memberi peluang untuk murid mengaplikasi kecerdasan masing-masing sama ada verbal-linguistik, visual-ruang atau muzik dalam penyelesaian masalah iaitu melengkapkan lembaran kerja yang diberi semasa kajian dilaksanakan.

Selain itu, penggunaan elemen warna dalam Kad Flip Kembara merupakan salah satu inisiatif pengkaji untuk meningkatkan kefahaman konsep dan isi pelajaran yang dipelajari oleh murid. Hal ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Hajjah Hassan (2008) dan Juliza Rosli (2010) yang mendapati penglibatan elemen warna dalam proses PdPc mampu membantu murid untuk memahami konsep dan isi pembelajaran. Oleh itu, tiga komponen utama dalam Kad Flip Kembara itu Kad Tempat, Kad Lambang dan Kad Peristiwa menggunakan tiga warna asas iaitu hijau, kuning dan merah di mana penggunaannya untuk mendapatkan maklumat isi pelajaran dibaca secara melintang dari kiri ke kanan mengikut urutan lampu isyarat. Hal ini merupakan penekanan pembacaan secara kronologi kerana tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk menyelesaikan masalah murid yang sukar untuk memahami rentetan peristiwa kembara Parameswara yang disampaikan secara kronologi. Rajah 2 menunjukkan Kad Flip Kembara yang digunakan dalam kajian ini.

Rajah 2. Kad Flip Kembara dibaca dari kiri ke kanan mengikut kronologi



Rajah 2. Kad Flip Kembara dibaca dari kiri ke kanan mengikut kronologi.

Rajah 3 menunjukkan penerangan penggunaan Kad Flip Kembara di mana unsur pelbagai kecerdasan dimasukkan.

KAD TEMPAT	KAD LAMBANG	KAD PERISTIWA
<p>Aplikasi TKP pada kad ini ialah kecerdasan verbal-linguistik yakni melibatkan perkataan dan abjad. Selain itu, pada Kad Tempat juga terdapat enam jenis logo yang popular. Kegunaan logo ini nanti akan diaplikasikan semasa mengisi Lembaran TKP pada fasa selepas inovasi. Murid yang memilih untuk menggunakan kecerdasan verbal-linguistik akan mengarang cerita pendek secara kreatif. Mereka akan bercerita tentang Pengembaraan Parameswara secara kreatif menggunakan nama-nama logo ini.</p>	<p>Kad Lambang memasukkan penggunaan visual. Pada Kad Lambang, terdapat beberapa jenis visual, gambar atau perlambangan yang berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di tempat-tempat yang dilalui oleh Parameswara sepanjang pengembaraannya</p>	<p>Kad Peristiwa juga dikenali sebagai Kad Merah. Kad Merah mendapat namanya daripada lampu isyarat yakni kad berhenti. Simbol warna merah merupakan tanda berhenti: berhati-hati kepada peristiwa yang berlaku. Menyedari betapa pentingnya perkara ini dalam memastikan murid menguasai kronologi peristiwa, kad ini diwarnakan dengan warna merah kerana mengandungi isi penting tentang peristiwa sejarah. Kad Peristiwa ini dinyanyikan menggunakan irama lagu kanak-kanak iaitu 'Bapaku Pulang'.</p>

Rajah 3. Penerangan Mengenai Kad Flip Kembara

Saya telah memilih untuk menggunakan tiga pendekatan iaitu pemerhatian berstruktur, analisis dokumen dan temu bual berstruktur. Setelah melakukan analisis dan interpretasi data, dapatan ditriangulasi bagi mengukuhkan lagi kesahan data yang telah diperolehi. Menurut Merriam (1998), triangulasi merupakan satu kaedah kesahan data

yang boleh meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan khususnya penyelidikan berbentuk kualitatif. Justeru itu, saya telah memilih untuk menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber dalam kajian ini.

Dapatan Kajian

Objektif 1: Membantu murid menguasai tajuk Pengembaraan Parameswara menggunakan Kad Flip Kembara.

Berdasarkan hasil analisis data lembaran kerja peserta kajian sebelum dan selepas inovasi, terdapat peningkatan dalam tahap penguasaan isi pelajaran oleh peserta kajian. Murid sederhana meningkat kepada penguasaan 100% manakala murid lemah menunjukkan peningkatan paling signifikan ialah masing-masing meningkat sebanyak 67% dan 84% selepas inovasi seperti dalam Jadual 2 dan 3. Peningkatan ini jelas menunjukkan Kad Flip Kembara dapat meningkatkan penguasaan peristiwa Pengembaraan Parameswara dalam kalangan murid Tahun 4 berdasarkan objektif 1 kajian.

Jadual 2

Analisis lembaran kerja peserta kajian sebelum dan selepas inovasi.

Bil	Peserta Kajian	Sebelum Inovasi		Selepas Inovasi	
		Markah (per 18)	Peratusan (per 100%)	Markah (per 18)	Peratusan (per 100%)
1.	Arif	11	61%	18	100%
2.	Putri	15	83%	18	100%
3.	Zaki	6	33%	18	100%
4.	Ana	3	16%	18	100%

Jadual 3

Peratusan peningkatan peserta kajian selepas inovasi.

Bil	Peserta Kajian	Peratusan Peningkatan
1.	Arif	39% ↑
2.	Putri	17% ↑
3.	Zaki	67% ↑
4.	Ana	84% ↑

Triangulasi data dapatan juga dibuat melalui rumusan dapatan pemerhatian seperti dalam Jadual 4. Dapatan menunjukkan peserta kajian boleh menyusun nama tempat dengan betul, dapat menjelaskan rentetan peristiwa apabila diminta menjelaskan rentetan peristiwa pengembaraan Parameswara. Peserta kajian juga dapat menjawab lembaran kerja dengan tepat.

Jadual 4

Rumusan pemerhatian tingkah laku murid

Tingkah laku	Zaki	Ana	Arif	Putri
1. Boleh mengendalikan dengan betul	√	√	√	√
2. Boleh menyusun nama tempat	√	√	√	√
3. Boleh menjelaskan rentetan peristiwa	√	√	√	√
4. Dapat menjawab lembaran kerja	√	√	√	√
5. Menunjukkan kesungguhan menjawab lembaran kerja	√	√	√	√
6. Dapat belajar berdasarkan kecerdasan diri.	√	√	√	√

Hasil temu bual bersama peserta kajian selepas mereka menggunakan Kad Flip Kembara juga menunjukkan respon yang sangat baik. Antara tema yang saya perolehi semasa sesi temu bual bersama peserta kajian ialah “faham”, “dapat”, “mengetahui” dan “boleh” seperti dalam transkrip temu bual tersebut. Semua tema ini menjurus pada indikator kefahaman mereka terhadap peristiwa Pengembaraan Parameswara selepas menggunakan bahan inovasi.

Triangulasi juga dilakukan dengan menjalankan temu bual dengan guru Sejarah yang turut melakukan pemerhatian semasa pelaksanaan Pdpc. Berikut adalah transkrip temu bual bersama Cikgu Sara (bukan nama sebenar) yang bersetuju bahawa penggunaan Kad Flip Kembara telah berjaya membantu peserta kajian menguasai tajuk pengembaraan Parameswara.

- Saya : Apakah pendapat cikgu tentang penggunaan Kad Flip Kembara yang saya perkenalkan kepada peserta kajian saya?
- Cikgu Sara : Satu **pendekatan yang bagus**. Bukan hanya **seronok**, tetapi murid **dapat menjawab** soalan yang diedarkan dengan betul.
- Saya : Pada pandangan cikgu, penggunaan Kad Flip Kembara dapat membantu murid memahami dan menjelaskan rentetan peristiwa pengembaraan Parameswara atau tidak? Boleh cikgu jelaskan sedikit pandangan cikgu?
- Cikgu Sara : Sudah pasti dapat. Pada awalnya bila murid guna buku teks untuk jawab, jawapan mereka salah sedangkan kandungan isi pelajaran sama sahaja. Tetapi bila guna kad flip ini, mereka **dapat senaraikan** nama tempat tersebut. Mereka **lebih faham** kerana kad flip ini **menarik, banyak warna, ada gambar**. Jauh beza dengan buku teks yang lebih banyak perkataan.
- Saya : Berkaitan penguasaan murid pula, cikgu?
- Cikgu Sara : Tadi saya bertanya pada Ana, murid lemah. Saya minta dia cerita apa yang telah dia belajar guna kad flip. Dia **boleh cerita** dan **sebut** semua nama tempat kembara Parameswara. Bila saya minta dia tulis, dia **dapat tulis** dan **senaraikan** enam tempat tersebut dalam kertas latihan dia. Jawapan dia betul.

Objektif 2: Menambah baik amalan PdPc guru bagi meningkatkan penguasaan murid dalam tajuk Pengembaraan Parameswara dengan menggunakan Kad Flip Kembara

Rumusan borang pemerhatian tingkah laku peserta kajian yang dimuatkan dalam Jadual 5 pula menunjukkan bahawa semua peserta kajian memenuhi item pola perasaan minat yang dinyatakan pada borang pemerhatian berkenaan. Kesahan data ini dilakukan dengan bantuan seorang guru Sejarah selaku pemerhati kedua sebagai triangulasi sumber. Hasil pemerhatian menunjukkan keputusan tingkah laku positif yang sama. Tingkah laku ini membuktikan bahawa suasana PdPc yang menyeronokkan berjaya diwujudkan apabila menggunakan bahan inovasi.

Jadual 5

Rumusan borang pemerhatian tingkah laku peserta kajian.

Tingkah laku semasa menjalankan aktiviti menggunakan Kad Flip Kembara	Zaki	Ana	Arif	Putri
1. Memaparkan rasa teruja apabila Kad Flip Kembara ditunjukkan.	√	√	√	√
2. Seronok dan gembira belajar menggunakan Kad Flip Kembara.	√	√	√	√
3. Boleh mengendalikan Kad Flip Kembara dengan betul dan teratur .	√	√	√	√
4. Dapat belajar berdasarkan Kecerdasan Pelbagai	√	√	√	√

Selain daripada dapatan pemerhatian dan analisis dokumen, temu bual bersama Cikgu Sara juga membuktikan keberkesanan bahan inovasi Kad Flip Kembara ini dalam membantu murid menguasai tajuk Pengembaraan Parameswara. Melalui temu bual berkenaan (Jadual 6), beberapa kategori dan pola tema telah dikesan dalam memberi indikator kepada penambahbaikan amalan PdPc guru semasa menggunakan Kad Flip Kembara untuk mengajar murid tentang topik Pengembaraan Parameswara.

Secara keseluruhannya, dapatan daripada pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen membuktikan keberkesanan penggunaan Kad Flip Kembara dalam meningkatkan amalan PdPc guru. Apabila seronok belajar, maka guru tidak memiliki masalah dapat mengendalikan sesi PdPc kerana semua murid menunjukkan minat untuk belajar. Apabila murid terlibat aktif dalam aktiviti, maka guru tidak menghadapi sebarang masalah berkaitan murid pasif ataupun murid yang menyendiri dan enggan terlibat dalam aktiviti yang dijalankan. Apabila murid menunjukkan rasa teruja terhadap bahan inovasi, maka guru tidak menghadapi masalah berkaitan murid yang mengganggu rakan sekelas yang lain disebabkan rasa bosan. Kawalan kelas tidak akan menjadi masalah buat guru untuk menjalankan aktiviti PdPc yang sistematik dan berkesan.

Jadual 5

Pengkategorian data tentang keberkesanan Kad Flip Kembara

Guru	Petikan Transkrip Temu Bual	Kategori	Tema
Cikgu Sara	: Murid nampak teruja bila Austein tunjukkan Kad Flip Kembara. <i>Excited</i> mereka.	Nampak teruja	Tingkhilaku murid minat Sejarah
Cikgu Sara	: Keempat-empat mereka terlibat dengan aktif sepanjang aktiviti guna kad flip.	Terlibat dengan aktif	
Cikgu Sara	: Zaki selalu jawab soalan suka hati, tapi tadi cikgu tengok dia jawab dengan baik dan bersungguh-sungguh.	Bersungguh-sungguh	
Cikgu Sara	: Guna kad ini, nampak yang murid mudah untuk faham.	Faham	
Cikgu Sara	: Bila mereka dibenarkan untuk melukis, bercerita dan nyanyi tadi, nampak yang mereka berminat untuk belajar.	Berminat untuk belajar	
Cikgu Sara	: Bila Austein kata masa sudah tamat, Arif kata “alaaa, nak lagi cikgu”, menunjukkan dia masih ingin meneruskan aktiviti walaupun masa sudah tamat.	“Nak lagi cikgu”	

Tuntasnya, objektif menambahbaik amalan PdPc guru menggunakan Kad Flip Kembara berjaya dicapai dalam kajian ini.

Refleksi

Kekuatan utama Kad Flip Kembara yang diperkenalkan dalam penyelidikan tindakan ini ialah dari aspek amalan PdPc guru. Murid menunjukkan minat dan rasa teruja semasa menggunakan bahan inovasi untuk menjawab lembaran kerja yang diedarkan berkaitan topik Pengembaraan Parameswara. Pembinaan Kad Flip Kembara yang mengaplikasikan Teori Kecerdasan Pelbagai telah berjaya memasukkan unsur minat murid dalam pembelajaran Sejarah. Hasilnya, dapatan kajian membuktikan bahawa murid sentiasa bermotivasi, seronok dan menunjukkan tingkah laku yang positif. Maka, hasrat saya dalam menambahbaik amalan PdPc guru melalui penggunaan bahan inovasi ini telah berjaya.

Cadangan Tindakan Susulan

Kad Flip Kembara ini dapat dikembangkan pada masa hadapan dengan membina bahan inovasi yang sama berbentuk digital. Hal ini akan memudahkan pembelajaran berasaskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam sesi PdPc. Bukan itu sahaja, Kad Flip Kembara Digital akan lebih mudah untuk diakses oleh semua guru dan murid kerana bahan inovasi berbentuk digital dapat dibuat duplikasi untuk kegunaan banyak pihak. Melalui usaha murni ini, sudah pasti PdPc guru Sejarah dapat ditingkatkan pada masa mendatang.

Rujukan

- Akhtiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin. (2012). *Pengantar Penyelidikan Tindakan*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Anuar Ahmad dan Nelson Jingga. (2015) Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asas Pasifik*. 3:(2), 81 – 105.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahman dan Nur Atiqah T. Abdullah. (2009). Keberkesanan Penggunaan Animasi Statik Berdialog dalam Pembelajaran Sejarah. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4*:14-25.
- Armstrong, T. (2000). *Multiple Intelligences in the Classroom*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Campbell, L., Campbell, B. and Dickinson, D. (1996). *Teaching and Learning Through Multiple Intelligences*. London: Allyn & Bacon.
- Chan, D.W. (2006). Perceived multiple intelligences among male and female chinese gifted students in Hong Kong: The structure of the student multiple intelligence profile. *ProQuest Educational Journals*, 50 (4), 325-338.
- Chow, F.M., dan Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep dan Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Franzen, R.J. (1999). Perception of Multiple Intelligences Among Students from Middle School in The Midwest (Unpublished doctoral dissertation). Universiti South Dakota.
- Gardner, H. (1983). *Frames of Mind: A Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Book.
- Gardner, H. (1988). *Multiple Intelligences: The Theory in Practice*. New York: Basic Book.
- Gardner, H., & Hatch, T. (1989). Multiple intelligences go to school: Educational implications of the theory of multiple intelligences. *Educational Reasearcher*, 18(8), 4-9.
- Ghulam Shabiralyani et.al, (2015). Impact of Visual Aids in Enchancing the Learning Process Case Research: District Dera Ghazi Khan. *Journal of Education dan Practice*. ISSN 2222-1735. Vol. 6, No. 19, 2015.
- Hajijah Hassan. (2008) *Kaedah Mesra Warna dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Jasmine, J. (1996). *Teaching with Multiple Intelligence*. Westminster: Teacher Created Materials.
- Juliza Rosli. (2007). Mengurangkan Kesalahan Murid Tahun Dua Membaca Tanda Fathah, Kasrah dan Dhammah dengan Menggunakan Kaedah Mesra Warna. *Prosiding Penyelidikan Tindakan 2010 PISMP Ambilan Januari 2007*. Pp. 71-78
- Kahn, R. L., & Cannell, C. F. (1957). *The Dynamics of Interviewing; Theory, Technique, And Cases*. Oxford, England: John Wiley & Sons.
- Merriam S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohammad Amin Zakaria (2007). Penilaian pelaksanaan model pengayaan seluruh sekolah (MPSS) untuk pelajar pintar cerdas di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM): Satu kajian kes. Tesis Doktor Falsafah. Tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.
- Ronisah Edinin. (2011) *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemaid Horizons Sdn. Bhd.
- Stephen Kemmis & Mc Taggart. (1988). *The Action Research Planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Pres.
- Tho Loi Moi. (2007). Self-Efficacy and Student Performance in and accounting Course. *Masalah Pendidikan*. Jilid 30 (2). 65 - 80.

MENGUASAI KEMAHIRAN KRONOLOGI PERJUANGAN KEMERDEKAAN NEGARA MELALUI KEMBARA MERDEKA DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5

Nurizyani Binti Kafli @ Masri
nurizyani.sejarah2015@jgkbl.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran kronologi dalam tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara dengan menggunakan Kembara Merdeka. Kajian ini telah dirangka berdasarkan data awal yang menunjukkan murid-murid Tahun 5 menghadapi kesukaran dalam menyusun fakta sejarah mengikut kronologi dengan tepat. Pelaksanaan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian tindakan. Pengumpulan data dibuat melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Peserta kajian terdiri daripada dua orang murid yang dipilih berdasarkan tahap pencapaian mereka bagi tajuk tersebut. Analisis data dalam kajian ini menggunakan triangulasi kaedah bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam lembaran kerja sebelum dan selepas pelaksanaan tindakan. Kesimpulan kajian mendapati penggunaan Kembara Merdeka dapat membantu murid menguasai kemahiran kronologi di samping meningkatkan amalan pedagogi guru. Implikasi kajian menunjukkan bahawa Kembara Merdeka dapat mewujudkan suasana pembelajaran bermakna untuk murid di samping meningkatkan kualiti pengajaran guru.

Kata kunci: Kembara Merdeka, kemahiran kronologi

ABSTRACT


The purpose of this research is to help Year 5 pupils to master the chronological skills entitled Perjuangan Kemerdekaan Negara by using Kembara Merdeka. The study was based on preliminary data showing that Year 5 pupils had difficulties in accurately compiling historical facts using chronological skills. The implementation of this study used a qualitative approach with action research. Data collection was done through observation, interviews and document analysis. The participants of the study consisted of two pupils who were selected based on their level of achievement related to the title. Triangulation methods were used to obtain validity and reliability in the data analysis. It was shown in the findings that there had been improvements made by the pupils in the worksheet before and after the implementation of the action. The conclusion of the study shows that the use of Kembara Merdeka could help pupils in mastering the chronological skills as well as improving the practice of teacher pedagogy. The implication of the study shows that Kembara Merdeka could create meaningful learning environment for pupils as well as improve the quality of teacher's teaching practices.

Keywords: Kembara Merdeka, chronological skills

Pengenalan


Menurut Ismail bin Said dan Rosanah binti Nik Ali (2013) matlamat kurikulum sejarah adalah untuk memberikan kefahaman kepada murid terhadap mata pelajaran sejarah bagi membantu murid memperoleh dan menguasai pengetahuan serta kemahiran sejarah dari peringkat awal lagi. Salah satu kemahiran yang merangkumi mata pelajaran Sejarah ialah menyusun fakta secara ber-kronologi. Hal ini kerana, menyusun fakta sejarah secara kronologi merupakan kemahiran yang terkandung dalam Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah. Oleh hal yang demikian, Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dimasukkan dalam kurikulum Sejarah supaya dapat menerapkan perasaan empati terhadap peristiwa sejarah dan cinta akan negara dalam diri murid-murid (Rosy Talin & Mazlan Abdullah, 2014). Pada minggu kedua berpraktikum, saya telah mengajar tajuk 7

iaitu Perjuangan Kemerdekaan Negara Tahun Lima. Semasa mengajar tajuk ini saya dapati murid lemah dalam menguasai kemahiran menyusun fakta sejarah dengan tepat melalui analisis dokumen dan temu bual. Melalui lembaran kerja yang telah saya berikan menunjukkan beberapa orang murid tidak berjaya menyusun semula peristiwa kemerdekaan negara mengikut susunan yang tepat. Hal ini boleh dilihat pada Rajah 1.



Rajah 1. Hasil lembaran kerja murid

Saya juga melakukan penilaian semula terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang telah saya jalankan melalui catatan refleksi pada Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang bertarikh 7 Ogos 2018. Catatan refleksi pada Rajah 2 menunjukkan terdapat beberapa orang murid keliru akan rentetan peristiwa yang berlaku walaupun menggunakan gambar.



Rajah 2. Refleksi PdP bertarikh 7 Ogos 2018

Di samping itu, saya turut menjalankan temu bual bersama guru pembimbing mengenai masalah yang saya hadapi bagi tajuk tersebut. Hasil daripada temu bual yang saya jalankan, guru pembimbing juga bersetuju bahawa murid memang sukar menguasai kemahiran kronologi. Menurutnya:

"Murid memang sukar untuk menguasai kronologi sejarah."

Melalui pengumpulan data awal sepanjang saya menjalani praktikum, dapat disimpulkan bahawa murid mempunyai masalah dalam menyusun peristiwa perjuangan kemerdekaan negara dengan susunan yang tepat. Proses pembelajaran sejarah menjadi

tidak sempurna apabila murid gagal memahami urutan peristiwa sejarah mengikut kronologi yang betul (Kamarul Afendey dan Ishak saat, 2013). Isu yang timbul membuatkan saya terpanggil untuk mengatasinya dengan memilih strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk meningkatkan minat dan motivasi dalam kalangan murid. Saya telah menghasilkan bahan bantu mengajar iaitu Kembara Merdeka yang berasaskan multimedia dengan menggunakan *PowerPoint*. Menurut Ramakrishnan et.al (2013), penggunaan multimedia sebagai bahan bantu mengajar dalam proses PdP akan menjadikan murid aktif dalam pembelajaran sejarah.

Fokus kajian

Fokus kajian ini adalah untuk meningkatkan penguasaan murid terhadap kemahiran kronologi bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara dan meningkatkan amalan PdP saya. Terdapat beberapa kriteria yang saya pilih sebagai fokus kajian. Pertama dari aspek kebolehtadbiran, kajian ini mudah ditadbir dan diuruskan kerana Kembara Merdeka mudah digunakan oleh murid. Kembara Merdeka juga sesuai digunakan oleh mana-mana guru untuk mengajar tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara.

Seterusnya bagi aspek kepentingan adalah untuk membantu murid menguasai kemahiran kronologi dan menggalakkan rasa minat murid terhadap mata pelajaran sejarah. Kajian ini juga penting kepada saya sebagai bakal guru Sejarah kerana hasil kajian ini dapat membantu saya untuk meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran apabila menjadi guru sebenar kelak.

Akhir sekali, penggunaan Kembara Merdeka yang berunsurkan multimedia sangat relevan pada era teknologi yang semakin berkembang ini. Penggunaan bahan multimedia semasa sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan aliran terkini dalam dunia pendidikan (Mohd Mahzan Awang et.al, 2016).

Objektif kajian

1. Membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran kronologi sejarah dalam tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara dengan menggunakan Kembara Merdeka.
2. Membantu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran guru bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara dengan menggunakan Kembara Merdeka.

Soalan kajian


1. Adakah Kembara Merdeka dapat membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran kronologi dalam tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara?
2. Bagaimanakah Kembara Merdeka dapat meningkatkan pengajaran dan pembelajaran guru bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara?

Peserta kajian

Saya telah memilih dua orang peserta kajian iaitu Muaz dan Kelly (bukan nama sebenar) yang merupakan murid lemah dalam akademik serta menunjukkan beberapa tingkah laku negatif ketika saya menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas. Misalnya, Muaz sering tidak memberi tumpuan, tidak menyiapkan tugas yang diberi dan suka berbual di dalam kelas walaupun duduk di hadapan sekali. Manakala Kelly seorang murid yang agak pasif di dalam kelas, pendiam dan kurang melibatkan diri secara aktif khususnya dalam aktiviti berkumpulan. Pemilihan peserta kajian juga berdasarkan lembaran kerja yang telah saya berikan bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara. Saya dapati Muaz dan Kelly mendapat skor terendah di dalam kelas. Selain itu, saya juga menjadi peserta kajian yang merupakan pelajar semester akhir PISMP Sejarah Jun 2015.

Tindakan yang dijalankan


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian tindakan. Saya telah menggunakan model penyelidikan tindakan berdasarkan Model Kurt Lewin (1948). Menurut Rosinah Edinin (2011), Model Kurt Lewin digunakan apabila pengkaji telah mengenal pasti masalah atau isu yang timbul supaya dapat melaksanakan perancangan kajian yang sesuai dengan masalah yang dihadapi.



Rajah 3. Lingkaran Model Penyelidikan Tindakan Kurt Lewin (1948)

Model ini menggariskan empat fasa tindakan iaitu fasa pertama ialah merancang. Saya telah merancang dari aspek tempoh masa penyediaan bahan inovasi Kembara Merdeka dan langkah pelaksanaannya. Pada fasa bertindak, peserta kajian dipanggil untuk mengaplikasikan Kembara Merdeka dalam PdP. Seterusnya, pada fasa memerhati adalah dengan mengumpul dan menganalisis data yang diperoleh semasa dan selepas tindakan dijalankan. Akhir sekali ialah fasa mereflek iaitu menilai semula PdP yang saya jalankan dan keberkesanan Kembara Merdeka dalam membantu murid menguasai kemahiran kronologi. Analisis dokumen menunjukkan peserta kajian masih lemah dalam menguasai tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara.

Oleh demikian, kitaran ini berterusan sehingga ke kitaran seterusnya yang melibatkan perancangan semula. Justeru, bagi fasa merancang adalah menambah baik Kembara Merdeka dengan memasukkan audio dan meringkaskan kandungannya. Seterusnya bagi fasa bertindak saya telah memanggil peserta kajian untuk menggunakan Kembara Merdeka yang telah ditambah baik. Bagi tindakan seterusnya iaitu fasa memerhati, saya mengumpul data-data yang telah saya peroleh. Fasa terakhir iaitu mereflek, saya menilai semula PdP yang telah saya jalankan melalui kutipan data yang diperoleh selepas mengaplikasikan Kembara Merdeka. Saya dapati Kembara Merdeka dapat membantu peserta kajian menguasai kemahiran kronologi dengan baik di samping menambah baik amalan PdP saya. Justeru, saya telah memutuskan untuk menamatkan kajian ini pada kitaran kedua.



Rajah 4. Kembara Merdeka

Langkah-langkah tindakan

Beberapa langkah dilakukan dalam melaksanakan pengajaran menggunakan Kembara Merdeka bagi membantu murid menguasai kemahiran kronologi. Langkah-langkah tersebut ialah:

Langkah 1

Guru memperkenalkan Kembara Merdeka kepada peserta kajian dengan memberi penerangan ringkas tentang cara menggunakan Kembara Merdeka.

Langkah 2

Peserta kajian diberi masa selama 20 minit untuk meneroka sendiri Kembara Merdeka dan guru hanya bertindak sebagai fasilitator.

Langkah 3

Peserta kajian diminta untuk menjawab latihan pengukuhan mengikut topik yang diedarkan oleh guru.

Langkah 4

Saya meminta kedua-dua peserta kajian untuk menceritakan semula peristiwa perjuangan ke arah kemerdekaan negara.

Kaedah Mengumpul, Menganalisis dan Menyemak Data


Pengumpulan data terhadap peserta kajian amat penting bagi mengukuhkan dapatan kajian bagi mengatasi isu yang timbul. Antara kaedah pengumpulan data yang saya pilih dalam kajian ini ialah analisis dokumen, temu bual berstruktur, catatan nota lapangan dan pemerhatian berstruktur. Dalam kajian tindakan ini, analisis kandungan digunakan bagi menganalisis data yang dikumpul bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan. Menurut Neuendorf (2002) dalam Engku Nurul Solihah (2017), analisis kandungan adalah kaedah analisis yang dijalankan terhadap penyelidikan berbentuk kualitatif. Seterusnya, dapatan yang diperolehi ditriangulasi menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber untuk membuktikan kesahan dan kebolehpercayaan data.

Dapatan kajian

Soalan 1 – Adakah Kembara Merdeka dapat membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran kronologi dalam tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara?

Melalui analisis dokumen, saya telah menganalisis data lembaran kerja murid sebelum dan selepas menggunakan Kembara Merdeka dan melalui latihan pengukuhan bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara. Tujuannya adalah untuk mengetahui tahap penguasaan murid terhadap kemahiran kronologi sejarah sama ada murid telah

menguasai atau tidak selepas menggunakan Kembara Merdeka. Merujuk kepada Rajah 1 dan Rajah 5 merupakan hasil lembaran kerja peserta kajian sebelum dan selepas tindakan ketika kitaran pertama dijalankan. Dapatan menunjukkan berlakunya peningkatan terhadap kemahiran kronologi bagi tajuk tersebut. Namun, berada pada tahap sederhana.



Rajah 5. Hasil lembaran kerja selepas tindakan (kitaran pertama)


Secara keseluruhan, peserta kajian menunjukkan peningkatan dari aspek kemahiran menyusun fakta sejarah secara kronologi dengan tepat iaitu Muaz dan Kelly masing-masing menunjukkan peratus peningkatan sebanyak 57% dan 42%. Perbandingan markah lembaran kerja peserta kajian dalam menyusun kronologi Perjuangan Kemerdekaan Negara dimuatkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Jumlah Peningkatan dalam Menyusun Kronologi Perjuangan Kemerdekaan Negara

Nama	Sebelum tindakan		Selepas tindakan (Kitaran 1)		Jumlah peningkatan
	Skor	Markah	Skor	Markah	
Muaz	1/7	14%	5/7	71%	57%
Kelly	2/7	29%	5/7	71%	42%

Pemerolehan data daripada lembaran kerja murid ditriangulasi dengan menganalisis data daripada latihan pengukuhan yang dijawab oleh peserta kajian selepas tindakan ketika kitaran kedua dijalankan seperti yang terdapat pada Rajah 6.



Rajah 6. Hasil latihan pengukuhan Muaz dan Kelly

Melalui latihan pengukuhan menunjukkan peserta kajian berjaya menyusun peristiwa sejarah ke arah kemerdekaan negara dengan susunan yang tepat walaupun tahap soalan yang diberikan lebih sukar berbanding lembaran kerja yang diberikan pada kitaran pertama. Hal ini menunjukkan mereka menguasai kemahiran kronologi bagi tajuk tersebut.

Pemerolehan data daripada analisis dokumen dikukuhkan lagi dengan menganalisis data pemerhatian berstruktur berkaitan tingkah laku murid semasa tindakan pada kitaran kedua dijalankan. Rajah 7 merupakan borang senarai semak hasil pemerhatian tingkah laku Muaz dan Kelly menunjukkan mereka berjaya menguasai tajuk ini. Hal ini kerana, apabila peserta kajian diminta untuk menceritakan semula peristiwa ke arah kemerdekaan negara, mereka mampu menceritakan semula dengan baik dan mengikut urutan peristiwa.

7.	Murid dapat menceritakan peristiwa perjuangan kemerdekaan secara kronologi dan baik.	✓
----	--	---

Rajah 7. Senarai semak borang pemerhatian tingkah laku peserta kajian

Saya turut melakukan analisis data temu bual bagi menyokong dan mengukuhkan bahan inovasi saya, Kembara Merdeka dalam membantu murid menguasai kemahiran kronologi bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara. Muaz dalam temu bual menyatakan secara ringkas bahawa dia dapat mengingat peristiwa kemerdekaan negara yang mana sebelum ini dia tidak dapat mengingatinya. Menurutnya:

“Boleh cikgu. Dolok sik ingat (dulu tidak ingat).”

Kelly juga memberi jawapan yang hampir sama dengan Muaz. Tema yang diperolehi daripada data data temu bual seperti “boleh” dan “dapat” menunjukkan Kembara Merdeka berjaya membantu peserta kajian menguasai kemahiran kronologi sejarah. Kesimpulannya, dapatan daripada analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual telah menjawab soalan pertama dalam kajian ini sekali gus objektif pertama dalam kajian ini berjaya dicapai.

Soalan 2 – Bagaimanakah Kembara Merdeka dapat membantu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran guru bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara?

Saya telah menjalankan temu bual bersama rakan praktikum, guru pembimbing dan kedua-dua peserta kajian saya untuk mendapatkan pendapat dan pandangan mereka mengenai Kembara Merdeka dalam meningkatkan PdP guru. Rakan praktikum saya iaitu Danny (bukan nama sebenar) secara ringkas menyatakan bahawa Kembara Merdeka

dapat membantu dan menarik perhatian murid melalui gambar, video dan muzik yang telah disediakan. Menurutny :

*"Pada pendapat saya, inovasi yang telah dihasilkan ni memang dapat **membantu murid-murid**. Sebab kalau kita lihat penggunaan **bahan multimedia**, kita ada **video** sangat membantulah. Dari segi **gambar-gambar** yang digunakan, **bentuk-bentuk simbol** yang digunakan, sangat membantu murid."*

Guru pembimbing juga turut memberi pendapat yang hampir sama dengan Danny iaitu Kembara Merdeka dapat membantu murid memahami susunan peristiwa yang berlaku dan isi pelajaran yang disampaikan oleh guru, lebih-lebih lagi bagi murid yang mempunyai masalah dalam membaca. Menurutny:

*"Bahan ini **menarik dan ada unsur-unsur interaktif**. Saya lihat untuk pelajar yang bermasalah dalam membaca **dia boleh dengar dan memahami isi kandungan**."*


Tambahan pula, dapatan temu bual bersama Muaz menyatakan "best" manakala Kelly menyatakan "gembira" menunjukkan bahan inovasi saya iaitu Kembara Merdeka disukai oleh mereka. Hal ini kerana mereka menyatakan Kembara Merdeka mempunyai gambar-gambar yang menarik, video dan muzik. Penggunaan Kembara Merdeka memberikan perubahan tingkah laku positif peserta kajian dan menunjukkan keterlibatan peserta kajian dalam PdP sejarah yang telah dijalankan. Dapatan daripada temu bual menunjukkan amalan PdP sejarah saya berjaya ditingkatkan kerana isi pelajaran sejarah dapat disampaikan dengan mudah khususnya bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara. *Jadual 2* menunjukkan data-data daripada temu bual yang telah dikelaskan mengikut tema.

Jadual 2

Tema daripada temu bual

Kategori	Tema	Peserta kajian	
		Muaz	Kelly
Gembira	Pola perasaan		/
Best		/	
Muzik		/	
Lagu	Bahan inovasi		/
Video		/	
Gambar		/	/

Dapatan daripada catatan nota lapangan pada Rajah 8 turut dianalisis kandungannya. Peserta kajian menunjukkan keyakinan yang tinggi semasa menjawab kuiz serta mampu menjelaskan peristiwa perjuangan kemerdekaan negara dengan baik. Hal ini menunjukkan satu peningkatan yang baik berbanding sebelum tindakan dijalankan iaitu murid keliru untuk menjelaskan peristiwa sejarah ini mengikut susunan yang betul.



Rajah 8. Catatan nota lapangan

Merujuk kepada Jadual 3, pemerolehan data ditriangulasikan dengan menganalisis data pemerhatian berstruktur berkaitan tingkah laku murid semasa tindakan pada kitaran kedua. Hasil pemerhatian terhadap tingkah laku peserta kajian menunjukkan tingkah laku yang positif sepanjang mengaplikasikan Kembara Merdeka. Melalui pemerhatian yang telah dijalankan peserta kajian bukan sahaja dilihat bersedia untuk belajar malah menunjukkan minat dan tertarik mempelajari tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara dengan menggunakan Kembara Merdeka. Secara keseluruhannya, perubahan tingkah laku positif peserta kajian menunjukkan objektif kedua iaitu amalan PdP guru berjaya ditingkatkan.

Jadual 3

Rumusan borang pemerhatian tingkah laku peserta kajian.

Tingkah laku semasa menjalankan aktiviti	Muaz	Kelly
Murid fokus dan bersedia untuk belajar.	/	/
Murid menunjukkan minat mempelajari tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara semasa guru sedang mengajar.	/	/
Murid tertarik menggunakan Kembara Merdeka.	/	/
Murid menjawab pertanyaan guru dengan yakin dan melibatkan diri secara aktif.	/	/
Murid menunjukkan mimik muka, respon dan reaksi yang menyeronokkan.	/	/
Murid menyiapkan tugas yang diberi dalam masa yang ditetapkan.	/	/

Secara keseluruhannya, Kembara Merdeka yang saya hasilkan bukan sahaja dapat membantu mengatasi masalah murid malah dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran sejarah saya.

Refleksi

Sepanjang tempoh pelaksanaan penyelidikan tindakan ini, saya melihat bahawa kajian ini telah memberi impak yang positif sama ada terhadap diri saya sendiri sebagai seorang guru sejarah dan terhadap kedua-dua peserta kajian saya. Penyelidikan tindakan ini telah memberi peluang kepada saya untuk memperbaiki amalan PdP Sejarah dengan menggunakan kaedah dan bahan yang berbeza daripada PdP sebelumnya. Guru Sejarah hendaklah bersedia dengan mempunyai pengetahuan mengenai kemahiran pemikiran sejarah untuk dilaksanakan dalam PdP (Zahara Aziz dan Nik Azleena, 2007). Pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas juga menjadi lebih menarik dan bersifat interaktif di samping memudahkan saya untuk menyampaikan isi pelajaran bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara dengan menggunakan Kembara Merdeka.

Selain itu, Kembara Merdeka juga dapat membantu peserta kajian menguasai kemahiran kronologi bagi tajuk Perjuangan Kemerdekaan Negara. Hal ini dapat dilihat apabila sebelum tindakan dijalankan, Muaz dan Kelly amat lemah dalam menceritakan semula peristiwa perjuangan ke arah kemerdekaan negara. Setelah menggunakan Kembara Merdeka dalam PdP, ternyata Kembara Merdeka sangat membantu Muaz dan Kelly menguasai kemahiran kronologi bagi tajuk tersebut.

Cadangan tindakan susulan

Saya berhasrat untuk meneruskan kitaran kajian tindakan saya ini apabila menjadi guru sebenar kelak. Saya melihat Kembara Merdeka yang saya bina menggunakan perisian aplikasi *PowerPoint* ini mempunyai beberapa kelemahan terutamanya daripada aspek teknikal. Justeru, untuk penambahbaikan bahan, saya akan menggunakan perisian aplikasi lain seperti *Adobe Flash* atau pun *Scratch*. Selain itu, saya juga akan menambah bilangan soalan kuiz dalam Kembara Merdeka dan keputusan akhir bagi jawapan kuiz dapat diakses oleh guru. Hal ini kerana, Kembara Merdeka yang saya bina, tidak dapat melihat keputusan akhir kuiz yang dijawab oleh peserta kajian.

Tambahan pula, saya melihat potensi bahan bantu mengajar yang berasaskan multimedia sangat membantu murid yang lemah untuk menguasai sesuatu tajuk. Justeru, untuk tindakan akan datang, saya akan menghasilkan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia yang lebih inovatif untuk tajuk-tajuk lain dalam mata pelajaran Sejarah.

RUJUKAN

- Engku Nurul Solihah dan Wan Mohd Khairul. (2017). Konsep Istita'ah Dalam Ibadah Haji Menurut Mazhab Empat. *The International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society*. Unisza, 4-5 Mac 2017.
- Ismail Bin Said dan Rosadah Binti Nik Ali. (2013). *Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah*. Perlis: MSR Grafik.
- Kamarul Effendi dan Ishak Saat. (2013). Kemahiran Pelestarian Pemikiran Dalam Pendidikan Sejarah. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi. UMS, 29-30 Ogos 2013.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad dan Nur Syazwani Abdul Talib. (2016). Penggunaan Multimedia Dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 Dan Hubungannya Dengan Minat Belajar Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 7, 44–56.
- Ramakrishnan, Renuka, Norizan Esa dan Siti Hawa Abdullah. (2013). *Kesan Penggunaan Sumber Digital Sejarah Terhadap Amalan Pemikiran Sejarah*. In: 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014). Pulau Pinang: USM.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah Dan Penulisan (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon.

- Rosy Talin dan Mazlan Abdullah. (2014). *Hala Tuju Memperkasakan Pendidikan Sejarah dan Geografi*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Zahara Aziz Dan Nik Asleena. (2007). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah kepada Para Pelajar, *Jurnal Pendidikan*, 32, 119-137.

PENGGUNAAN JEJARED MENINGKATKAN PENGUASAAN MURID TAHUN 4 DALAM TAJUK KERAJAAN-KERAJAAN MELAYU AWAL

NUR HIDAYAH BINTI MOSTAFFA
nurhidayahmostaffa@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid Tahun 4 menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal dan menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran guru dengan menggunakan kaedah JejarEd. Pengumpulan data awal menunjukkan murid menghadapi kesukaran dalam menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kaedah kajian tindakan. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah temubual berstruktur, pemerhatian berstruktur dan analisis dokumen. Analisis data menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber. Pelaksanaan kajian ini melibatkan dua orang murid Tahun 4 sebagai peserta kajian dan pemilihan dibuat berdasarkan tahap prestasi terhadap penguasaan Tajuk Kerajaan Melayu Awal. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan daripada 0% kepada 100% selepas menggunakan bahan inovasi tersebut. Impikasi kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan inovasi yang direka melalui pembelajaran maya dan pembelajaran interaktif dapat menarik minat murid untuk belajar mata pelajaran Sejarah serta membantu menambahbaik amalan PdPc guru Sejarah.

Kata Kunci ; *JejarEd, Kerajaan Melayu Awal, pembelajaran maya, pembelajaran interaktif*

ABSTRACT

This study aims to help Year 4 pupils master the topic "Kerajaan Melayu Awal" and to improve teachers' teaching and learning practices using the JejarEd method. Early data collection shows that students have difficulties in mastering the "Kerajaan Melayu Awal" topic. This study uses a qualitative approach by using action research methodology. Data collection in this study uses structured interviews, structured observations and document analysis. All the data were analysed using triangulation methods and source triangulation. The implementation of this study involves two Year 4 pupils as the participants of the study and selection was made based on the level of performance towards the mastery of the "Kerajaan Melayu Awal" topic. The findings showed that there was an increase from 0% to 100% after using the innovated materials. The research shows that the use of innovative materials designed through virtual learning and interactive learning can attract students to study History subjects as well as improving the practice of PdPc for History teachers.

Keywords ; *JejarEd, Kerajaan Melayu Awal, virtual learning, interactive learning*

Pengenalan

Kemahiran pemikiran sejarah adalah lebih spesifik kepada disiplin ilmu sejarah itu sendiri. Ini kerana kemahiran tersebut perlu dipupuk dalam kalangan murid bagi membolehkan mereka memahami bagaimana sejarawan merekonstruksi peristiwa lalu dengan menggunakan sumber yang menjadi bukti untuk menentukan signifikan sesuatu tarikh, tokoh, peristiwa, lokasi dan aktiviti manusia masa lalu (Baharuddin Jabar, 2006). Salah satu kemahiran pemikiran sejarah yang perlu diterapkan dalam kalangan murid iaitu mengenal pasti lokasi atau peristiwa sejarah menggunakan peta. Kemahiran pemikiran sejarah mengenal pasti lokasi atau peristiwa sejarah menggunakan peta telah diterapkan dalam matapelajaran Sejarah Tahun 4 Tajuk Kerajaan Melayu Awal.

Semasa menjalani praktikum fasa pertama, saya mendapati bahawa terdapat beberapa orang murid Tahun 4 lemah dalam mengenal pasti lokasi Kerajaan Melayu Awal


pada peta serta tidak dapat menguasai maklumat Kerajaan Melayu Awal. Perkara ini dapat dibuktikan dengan analisis dokumen iaitu Ujian Topikal Tajuk Kerajaan Melayu Awal. Saya telah menjalankan Ujian Topikal Tajuk Kerajaan Melayu Awal kepada semua murid dalam Kelas 4A. Melalui ujian tersebut terdapat dua orang murid mendapat markah yang rendah daripada 5%. Rajah 1 menunjukkan contoh kertas yang telah dijawab oleh murid yang mendapat markah yang rendah.

UJIAN PENILAIAN TOPIKAL

A) Namakan dan kenal pasti lokasi Kerajaan-kerajaan Melayu Awal pada peta tersebut dengan mengisi tempat kosong.

GANGGA NEGARA	SUNGAI DINDING	SUNGAI SARAWAK	TEMASIK
LEMBAH BUJANG	SUNGGAI SINGAPURA	CHIH-TU	SANTUBONG

3%



1	Kerajaan :	Kedah Tua
	Lokasi :	JAMBONG ✗
2	Kerajaan :	SUNGGAI SINGAPURA ✗
	Lokasi :	Sungai Kelantan ✗
3	Kerajaan :	Beruas
	Lokasi :	CHIH-TU ✗
4	Kerajaan :	TEMASIK ✗
	Lokasi :	Sungai Dinding ✗
5	Kerajaan :	GANGGA NEGARA ✗
	Lokasi :	SUNGAI DINDING ✗
6	Kerajaan :	LEMBAH BUJANG ✗
	Lokasi :	SUNGGAI SINGAPURA ✗

Rajah 1 Kertas Ujian Topikal Kerajaan Melayu Awal

Kertas ujian pada Rajah 1 membuktikan bahawa murid tidak dapat menyatakan lokasi Kerajaan Melayu Awal pada peta Malaysia dengan betul. Menurut Liben dan Downs (1993) kanak-kanak sukar untuk menguasai kemahiran mengingat peta berbanding pelajar yang sudah berada di alam remaja.

Seterusnya, saya juga dapat mengenalpasti terdapat dua orang murid yang menunjukkan sikap yang negatif sewaktu saya menjalankan proses PdP saya. Perkara ini dapat dibuktikan pada pemerhatian berstruktur pada Rajah 2.

Borang Pemerhatian Berstruktur

Aspek

1. Makan semasa guru mengajar.
2. Berjalan dari satu tempat ke tempat lain semasa aktiviti PdP dilaksanakan.
3. Membuat rakan lain menangis.
4. Melaksanakan aktiviti dengan paksaan dan bermasam muka.
5. Melukis komik.
6. Mengganggu rakan lain.
7. Mengajak rakan lain bercakap mengenai perkara luar pangajaran.
8. Sering kali meminta izin untuk ke tandas.
9. Tidak melakukan kerja kumpulan.
10. Tidak dapat menjawab soalan yang diajukan.

Jadual Pemerhatian Tingkah Laku Murid semasa PdP dilaksanakan

Nama Murid	Skan										
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Syahrini			//	/			/	/		/	/
Syokima	/			/	/				///	/	/

Rajah 2 Pemerhatian berstruktur tingkah laku murid

Borang pemerhatian pada Rajah 2 menterjemahkan terdapat dua orang murid yang tidak mahu memberikan kerjasama dan menunjukkan perasaan yang tidak minat terhadap proses PdP yang saya telah jalankan. Melalui pengumpulan data awal semasa saya menjalankan praktikum pertama saya dapat simpulkan bahawa terdapat dua orang murid yang masih tidak dapat menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal serta menunjukkan tidak minat terhadap PdP saya. Guru seharusnya prihatin kepada setiap orang murid dan bertanggungjawab untuk melibatkan setiap orang murid dalam proses PdP. Perkara ini juga telah dinyatakan oleh Norfazila Abdul Malik (2013) bahawa guru perlu lebih prihatin terhadap keperluan dan kehendak pelajar kerana guru berperanan sebagai pembimbing dan fasilitator dalam membantu para pelajar dalam proses pembelajaran. Oleh sebab itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengaplikasikan satu inovasi dari segi bahan bantu mengajar PdP yang dikenali sebagai *JejarEd*. *JejarEd* ini akan menggabungkan bahan sumber digital secara dan aplikasi pembelajaran maya secara serentak.

Fokus Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk membantu murid menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal. Saya telah memilih beberapa kriteria sebagai fokus kajian. Aspek pertama iaitu kebolehtadbiran, *JejarEd* mudah digunakan kerana guru dan pelajar mengakses maklumat pendidikan secara tersusun, pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Hal ini kerana, *JejarEd* sejajar dengan perubahan teknologi pada masa ini iaitu murid dapat belajar menggunakan *JejarEd* menggunakan telefon pintar dan Komputer dengan pencapaian internet.

Selain itu, aspek kedua iaitu kepentingan mengenal pasti lokasi peristiwa sejarah merupakan salah satu asas kepada kemahiran pemikiran sejarah. Dalam mengenal pasti lokasi peristiwa sejarah berlaku. Murid akan didedahkan dengan kemahiran mengenal pasti lokasi melalui peta. Hal ini demikian kerana, murid dapat memahami peristiwa sejarah dengan lebih jelas apabila murid telah berjaya memahami dan menguasai kemahiran mengenal pasti lokasi peristiwa sejarah itu berlaku dalam peta. Ahmad Rafeai Ayudin (2011) menyatakan bahawa kebolehan murid untuk menguasai KPS akan melahirkan murid yang mampu untuk berfikir secara kritis dan membuat perkaitan antara satu peristiwa dengan satu peristiwa yang lain.

Objektif dan Soalan Kajian

Objektif Kajian

1. Membantu murid Tahun 4 untuk menguasai Tajuk Kerajaan-kerajaan Melayu Awal menggunakan *JejarEd*.
2. Menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran guru bagi Tajuk Kerajaan Melayu Awal dengan menggunakan *JejarEd*

Soalan Kajian

1. Adakah penggunaan *JejarEd* dapat membantu murid menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal ?
2. Bagaimanakah penggunaan *JejarEd* dapat menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran guru bagi Tajuk Kerajaan Melayu Awal

Peserta Kajian

Saya telah memilih dua orang peserta kajian iaitu seorang murid lelaki dan seorang murid perempuan dari kelas Tahun 4A iaitu Syahmi dan Syakira (bukan nama sebenar) yang dipilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Melalui data awal saya dapat mengenal pasti bahawa kedua-dua peserta kajian ini mendapat markah yang rendah iaitu 5% daripada Ujian Topikal Kerajaan Melayu Awal. Serta menunjukkan sikap yang negatif

semasa proses PdP berlangsung. Selain itu, saya juga telah memilih diri saya sendiri sebagai peserta kajian.

Tindakan Yang Dijalankan


Reka bentuk kajian ini ialah kajian tindakan iaitu penggunaan *JejarEd* untuk membantu murid Tahun 4 menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal dengan menggunakan kaedah kualitatif. Saya telah menggunakan model penyelidikan tindakan berdasarkan model Kemmis dan Mc Taggart (1988). Model ini menggariskan empat fasa perkembangan iaitu Fasa pertama ialah mereflek. Saya telah membuat pemerhatian dan refleksi terhadap PdP sebelum menggunakan bahan tindakan. Seterusnya, pada fasa kedua iaitu merancang, saya telah merancang tindakan dengan mereka bentuk bahan tindakan iaitu *JejarEd*. Pada fasa ketiga iaitu bertindak, saya telah menggunakan *JejarEd* kepada peserta kajian semasa PdP Tajuk Kerajaan Melayu Awal. Akhir sekali pada fasa keempat, saya telah mengumpul data untuk memerhati keberkesanan penggunaan *JejarEd*. Melalui pemerhatian daripada data tersebut menunjukkan peningkatan penguasaan murid terhadap Tajuk Kerajaan Melayu Awal masih lemah.

Oleh sebab itu, saya telah melakukan kitaran kedua. Pada kitaran kedua saya telah melakukan fasa pertama iaitu mereflek dengan membuat refleksi kelemahan dan kekuatan penggunaan *JejarEd* pada kitaran pertama. Seterusnya, pada fasa kedua saya telah merancang penambahbaikan *JejarEd*. Kemudian, saya telah menjalankan fasa ketiga iaitu saya melaksanakan PdP Tajuk Kerajaan Melayu Awal dengan menggunakan *JejarEd* yang telah ditambahbaik terhadap peserta kajian. Akhir sekali, pada fasa keempat saya telah mengumpul data untuk memerhati keberkesanan penggunaan *JejarEd* dalam membantu murid menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal.

Tujuan saya memilih kaedah *JejarEd* adalah selaras dengan tujuan untuk menyelesaikan isu yang telah dikenalpasti. Maksud perkataan "Jejar" ialah singkatan kepada perkataan Jejak Sejarah manakala perkataan "Ed" diambil disebabkan saya menggunakan perisian Edmodo. Kaedah *JejarEd* ini merupakan gabungan kaedah pembelajaran maya yang menggunakan perisian Edmodo dan digabungkan menggunakan kaedah penggunaan bahan sumber digital yang dibina menggunakan perisian PowerPoint.

Penggunaan aplikasi Edmodo dapat menjadikan pembelajaran yang sistematik kerana salah satu ciri yang ada dalam Edmodo adalah "resources". "Resources" membolehkan pelajar memuat naik gambar profil, dokumen, pautan dan video. ciri utama laman Edmodo membolehkan pelajar membuka dan melihat dokumen yang dikehendaki pada bila-bila atau di mana-mana sahaja. Seterusnya, pembelajaran maya menggunakan Edmodo ini memberi peluang dan kemudahan untuk pelajar berinteraksi dengan guru dan ahli dalam komuniti pembelajaran yang mereka sertai.

Seterusnya, Jejak Sejarah merupakan bahan sumber digital yang dibangunkan menggunakan perisian PowerPoint. Hal ini menjadikan, bahan Jejak Sejarah merupakan sumber digital yang mampu menarik minat murid untuk mempelajari Tajuk Kerajaan-kerajaan Melayu Awal. Jejak Sejarah merangkumi beberapa pakej pembelajaran yang penting. Pakej yang pertama ialah bahan permainan Puzzle untuk melengkapkan Peta Kerajaan Melayu Awal. Pakej Pembelajaran seterusnya yang terdapat dalam Jejak Sejarah ialah terdapat bahan nota berbentuk grafik yang ringkas dan berfokus. Selain itu, terdapat juga nota yang disediakan dalam bentuk Video yang mampu menerangkan maklumat Kerajaan Melayu Awal secara visual dan menarik. Rajah 3 menunjukkan bahan-bahan *JejarEd*.



Rajah 3. Bahan *JejarEd*

Langkah-langkah Tindakan

Semasa melaksanakan PdP menggunakan *JejarEd* dalam Tajuk Kerajaan Melayu Awal saya telah menjalankan proses pengajaran dan dan pembelajaran mengikut beberapa langkah iaitu :

Langkah 1

Guru memperkenalkan *JejarEd* dan menerangkan penggunaan *JejarEd* kepada peserta kajian secara ringkas.

Langkah 2:

Murid meneroka aplikasi *Edmodo* dan dikehendaki memuat turun bahan sumber Jejak Sejarah.

Langkah 3:

Murid mempelajari Tajuk Kerajaan Melayu Awal dengan menggunakan Jejak Sejarah. Kemudian, Murid diminta menyiapkan latihan dalam Jejak Sejarah dan memuat naik dalam aplikasi *Edmodo*.

Langkah 4:

Murid menjawabt kuiz Kerajaan Melayu Awal pada aplikasi *Edmodo*.

Kaedah Mengumpul Data

Chow dan Jaizah (2011) menyatakan bahawa dalam kajian kualitatif kaedah mengumpul data bergantung kepada kesesuaian situasi dan objektif kajian serta kemahiran penyelidik. Oleh hal yang demikian, saya telah menggunakan empat kaedah pengumpulan data iaitu analisis dokumen, pemerhatian berstruktur, temu bual berstruktur dan soal selidik.

Kaedah Menganalisis Data

Menurut Othman Lebar (2007) kaedah menganalisis data banyak bergantung kepada persoalan, tujuan dan konteks kajian itu sendiri. Oleh sebab itu, saya telah memilih untuk membuat analisis kandungan terhadap data yang diperolehi daripada kaedah temu bual dan pemerhatian. Manakala, analisis deduktif telah dijalankan terhadap data yang diperolehi daripada kaedah analisis dokumen dan soal selidik.

Kaedah Menyemak Data

Kajian kualitatif memerlukan triangulasi bagi meyakinkan dan meningkatkan kesahan data yang dikumpul. Perkara ini turut disokong oleh Merriam (1998) yang juga berpendapat bahawa triangulasi merupakan satu daripada kaedah yang boleh meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan kualitatif. Oleh itu, terdapat dua jenis triangulasi yang akan saya gunakan dalam kajian ini, iaitu triangulasi kaedah dan triangulasi sumber.

Dapatan Kajian

Soalan 1 – Adakah penggunaan JejarEd dapat membantu murid menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal ?

Melalui kaedah pengumpulan data iaitu analisis dokumen dan sumber kaedah yang digunakan iaitu ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan (kitaran 1 dan kitaran 2) menunjukkan berlakunya peningkatan peratusan pemarkahan. Jadual 1 menunjukkan analisis terhadap kesemua ujian yang telah saya jalankan.

Pada ujian sebelum tindakan menunjukkan murid mendapat markah yang 0% iaitu tidak dapat menjawab semua jawapan dengan betul. Namun selepas, peserta kajian belajar menggunakan *JejarEd* pada kitaran 1 menunjukkan peserta kajian masih mendapat markah yang rendah iaitu 18% dan 13%. Setelah saya melakukan penambahbaikan terhadap *JejarEd*, kedua-dua peserta kajian telah mendapat markah sebanyak 100%. Ini menunjukkan peningkatan markah iaitu sebanyak 100%. Peningkatan markah ujian yang tinggi ini jelas menunjukkan murid telah berjaya menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal.

Jadual 1

Analisis Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan (Kitaran 1 dan Kitaran 2)

Peserta Kajian	Ujian Sebelum		Ujian Selepas (Kitaran 1)		Ujian Selepas (Kitaran 2)		Peningkatan Peratus Sebelum- Selepas (%)
	Kekerapan (a)	Peratus(%) (a/44 x100)	Kekerapan (a)	Peratus(%) (a/44x100)	Kekerapan (a)	Peratus(%) (a/44x100)	
Syahmi	0	0	8	18	44	100	100
Syakira	0	0	6	13	44	100	100

Dapatan kajian yang saya perolehi daripada analisis dokumen dikukuhkan lagi dengan data yang saya perolehi daripada kaedah pemerhatian. Sumber kaedah yang diguna dalam kaedah pemerhatian ini ialah nota lapangan. Rajah 4 dan 5 menunjukkan catatan nota lapangan saya semasa saya menajalankan PdP menggunakan *JejarEd*.

Syahmi dan Syakira juga dapat melengkapkan latihan mengenal pasti lokasi Kerajaan Melayu Awal dengan tepat tanpa merujuk nota.

Rajah 4. Catatan Nota Lapangan

Malah mereka juga dapat menjawab ujian banding beza maklumat Kerajaan Melayu Awal dengan baik.

Rajah 5. Catatan Nota Lapangan

Berdasarkan catatan nota lapangan pada Rajah 4 dan 5 analisis kandungan telah dilakukan dengan menetapkan kategori Keyakinan dan Kefahaman. Kategori Keyakinan merupakan kategori yang menunjukkan murid telah yakin dengan pengetahuan yang dimiliki di mana, keyakinan itu timbul setelah murid dapat menguasai sesuatu maklumat. Kategori Kefahaman pula menunjukkan murid telah faham dengan maklumat yang diperolehi. Justeru itu, terdapat kategori Keyakinan dan Kefahaman yang terdapat dalam catatan nota lapangan. Jadual 2 menunjukkan kategori dan kod yang telah dikenal pasti.

Jadual 2

Analisis kandungan catatan nota lapangan

Kategori	Kod
Keyakinan	dengan tepat tanpa merujuk nota
Kefahaman	dapat menjawab ujian banding beza dengan baik

Kategori Keyakinan telah dikodkan kepada “dengan tepat tanpa merujuk nota”. Kategori ini menunjukkan bahawa murid telah yakin dengan maklumat yang telah dipelajari dan dapat menjawab semua soalan dalam Ujian Selepas Tindakan Kitaran 2 dan latihan dalam Jejak Sejarah yang telah diberikan dengan tepat dan keyakinan yang tinggi. Selain itu, kategori Kefahaman telah dikodkan kepada “dapat menjawab ujian banding beza dengan baik”. Kemahiran berfikir Taksonomi Bloom menyatakan bahawa pada tahap Domain Kognitif Kefahaman seseorang individu dapat mencapai kemahiran berfikir iaitu mengingat semula maklumat yang telah dikenal pasti. Menghuraikan, membanding bezakan, meringkaskan dan menghubungkan (Rajendran, 2010). Ini menjelaskan bahawa apabila murid dapat mencapai tahap kefahaman pada maklumat Kerajaan Melayu Awal maka murid dapat membuat banding beza maklumat tersebut. Ini jelas membuktikan bahawa murid telah menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal.

Seterusnya, dapatan daripada analisis dokumen dan temu bual telah ditranskripsikan dengan dapatan yang diperolehi daripada kaedah temu bual. Menurut Syahmi :

“Saya **sudah dapat senaraikan** nama enam Kerajaan Melayu awal. Saya juga **dapat ingat** mana tempat Kerajaan Melayu Awal pada peta.”

Seterusnya, dapatan daripada temu bual bersama Syakira turut di analisis. Menurut Syakira :

“...Saya **dapat terangkan bagaimana keadaan Kerajaan Melayu Awal** dahulu. Sebab saya **mudah faham pada Nota dalam Jejak Sejarah**...”

Berdasarkan dialog temubual bersama peserta kajian saya iaitu Syahmi dan Syakira saya telah melakukan analisis kandungan dengan menetapkan Kategori Keyakinan dan Kategori Kefahaman bagi mengesahkan dapatan yang saya perolehi daripada pemerhatian. Jadual 3 menunjukkan analisis temu bual bersama murid.

Jadual 3

Analisis Kandungan transkrip Temubual

Kod	Penentuan Kod	Kategori
1	dapat senaraikan nama enam Kerajaan Melayu awal juga dapat ingat mana tempat Kerajaan Melayu Awal pada peta.	Keyakinan
2	dapat terangkan bagaimana keadaan Kerajaan Melayu Awal dahulu saya mudah faham	Kefahaman

Kategori Keyakinan dan Kefahaman yang telah dikenalpasti ini membuktikan bahawa murid sudah dapat menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal. Kesimpulannya, dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual dapat menjawab soalan 1.

Soalan 2- Bagaimanakah penggunaan JejarEd dapat menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran guru bagi Tajuk Kerajaan Melayu Awal?

Dapatan kajian melalui pemerhatian dapat menjelaskan penggunaan *JejarEd* dapat menambah baik amalan PdP guru dengan berlakunya perubahan tingkah laku murid dan timbul perasaan minat murid terhadap proses PdP guru. Menurut Abdul Rasid Jamian (2013) menyatakan bahawa guru perlu menarik minat murid semasa proses PdP bagi menjadikan hasil pembelajaran lebih bermakna kepada murid. Justeru itu, Rajah 6 menunjukkan catatan nota lapangan yang telah saya lakukan sepanjang proses PdP berlangsung seperti dalam Rajah 6.

- Rukle wajah Syakira dan Syahmi menunjukkan minat dan seronok menggunakan Tejar Ed tentamannya semasa melakukan permainan puzzle dan melihat video nota kerajaan Melayu Awal.
- Syahmi dan Syakira dapat memberikan kerjasama yang baik dan sepenuhnya semasa pelaksanaan PdP berlangsung.

Rajah 6. Catatan Nota Lapangan

Analisis catatan nota lapangan telah dilakukan dengan menetapkan kategori Tingkah Laku dan Kategori Perasaan. Kategori Tingkah Laku menunjukkan perubahan tingkah laku positif murid. Kategori Perasaan pula merupakan perasaan yang ditunjuk oleh murid terhadap PdP yang telah dilaksanakan. Jadual 4 menunjukkan analisis kandungan catatan nota lapangan.

Kategori Tingkah Laku telah dikodkan kepada "memberikan kerjasama yang baik dan sepenuhnya semasa pelaksanaan PdP berlangsung". Kategori jelas menunjukkan perubahan tingkah laku peserta kajian di mana pada dapatan awal saya menunjukkan bahawa peserta kajian tidak mahu terlibat dan melakukan kerja lain telah berubah menjadi murid yang mahu terlibat dan memberikan kerjasama sepanjang proses PdP dilaksanakan. Selain itu, kategori Perasaan telah dikodkan kepada "menunjukkan minat dan seronok". Kategori perasaan ini jelas menunjukkan perasaan yang seronok dan minat dalam proses PdP dilaksanakan.

Jadual 4

Analisis kandungan catatan nota lapangan

Kategori	Kod
Tingkah Laku	memberikan kerjasama yang baik dan sepenuhnya semasa pelaksanaan PdP berlangsung.
Perasaan	menunjukkan minat dan seronok

Seterusnya, dapatan saya telah ditriangulasikan dengan dapatan yang diperolehi kaedah temu bual. Dapatan temu bual juga telah dianalisis dengan menentukan kategori dan pengkodaan. Menurut Syahmi ;

"Saya suka belajar guna komputer....Adanya nota, latihan dan permainan suruh saya untuk lebih fokus belajar Kerajaan Melayu Awal.."

Berdasarkan tembual bersama Syahmi saya juga telah melakukan analisis kandungan dengan menetapkan Kategori Tingkah Laku dan Kategori Perasaan bagi mengesahkan dapatan yang saya perolehi daripada pemerhatian. Jadual 5 menunjukkan analisis temu bual bersama murid.

Jadual 5

Analisis Kandungan transkrip Temubual

Kod	Penentuan Kod	Kategori
3	lebih fokus	Tingkah Laku
4	saya suka belajar	Perasaan

Kategori Tingkah Laku telah dikodkan kepada "lebih fokus". Hal ini menunjukkan terdapat perubahan tingkah laku murid di mana peserta kajian dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya ketika proses PdP dilaksanakan. Malah Kategori Perasaan yang telah dikodkan "saya suka belajar" menunjukkan murid perasaan seronok dan suka akan proses PdP yang telah dilaksanakan. Ini menjelaskan bahawa PdP guru dapat ditambah baik dengan menggunakan *JejarEd* apabila murid menunjukkan perasaan yang minat serta berlakunya perubahan tingkah laku murid yang positif. Hal ini demikian kerana, Berdasarkan Standard Jemaah Nazir ada menyatakan elemen 9.13(a) (vi) tentang sumbangan guru terhadap suasana pembelajaran yang kondusif, dan standard ini menggariskan bahawa guru perlu mewujudkan suasana riang dan merangsang pembelajaran (Jemaah Nazir Sekolah, 2004). Kesimpulannya, dapatan kajian yang diperolehi daripada pemerhatian dan temu bual dapat menjawab soalan 2.

Refleksi

Penggunaan *JejarEd* ternyata menunjukkan kesan yang positif dalam menambah baik amalan PdPc saya untuk membantu murid menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal. *JejarEd* ini juga telah membantu saya untuk menyampaikan isi pelajaran dengan lebih mudah, lancar dan berkesan serta menarik minat murid untuk terlibat dalam proses PdPc saya.

Sepanjang sesi PdPc dilaksanakan bersama dengan peserta kajian saya, penggunaan *JejarEd* ini dapat membantu murid menguasai Tajuk Kerajaan Melayu Awal dengan mengenal pasti lokasi Kerajaan Melayu Awal pada peta dengan tepat serta menunjukkan kefahaman dengan membuat banding beza maklumat Kerajaan Melayu Awal.

Cadangan tindakan susulan

Pada kajian seterusnya, fokus kajian saya boleh dipertingkatkan dan diperluaskan yang mana saya bukan hanya memfokuskan kepada Kemahiran Pemikiran Sejarah iaitu kemahiran mengenal pasti lokasi sahaja tetapi dalam masa yang sama saya boleh memasukkan Elemen Kewarganegaraan yang bersesuaian dalam kajian ini. Misalnya menyatakan kepentingan menghargai kemakmuran negara dengan melihat Sejarah Kerajaan Melayu Awal dan dihubungkan dengan kehidupan masa kini. Hal ini supaya murid bukan sahaja dapat mengenal pasti lokasi Kerajaan Melayu Awal mereka juga dapat menilai kepentingan Sejarah Kerajaan Melayu Awal.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Rfaai Ayudin. (2011). *Keberkesanan Pengajaran Sejarah Berasaskan Pencapaian Matlamat Pembelajaran, Kesediaan Belajar, Kefahaman Konsep dan Pemikiran Sejarah*. Tesis Dr. Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Baharuddin Jabar. (2006). *Pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru sejarah: Satu kajian kes di daerah Hilir Perak*.
- Chow, F.M., & Jaizah Mahmud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep dan Amalan dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Jemaah Nazir Sekolah. (2004). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. Pernyataan Standard SKPM 1 - Edisi Disember 2004*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Liben, L. S., and Downs, R. M., (1993), Understanding person-space-map relations: Cartographic and developmental perspectives, *Developmental Psychology*, v. 29, p. 739-752
- Merriam S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Othman Lebar (2007). *Penyelidikan kualitatif : pengenalan kepada teori dan metod* Penyelidikan kualitatif : pengenalan kepada teori dan metod. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rajendran, N. S. (2010). Teaching thinking skills at institutions of higher learning: Lesson learned. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 18, 114.

AMALAN PENERAPAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH DALAM KALANGAN GURU-GURU SEJARAH TAHUN 5 DI PETRAJAYA: SATU KAJIAN KES

AZRUL AZEEM BIN SELAMAT
azrul.sejarah2015@ipgkbl.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan dan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru Sejarah Tahun 5. Kemahiran pemikiran sejarah yang dikaji ini dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu memahami kronologi, meneroka bukti dan membuat interpretasi. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Data diperolehi melalui temu bual semi struktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen. Data tersebut dianalisis menggunakan perisian Nvivo 12. Pemilihan peserta kajian adalah secara pensampelan bertujuan iaitu seramai empat orang Guru Cemerlang Sejarah di Kuching, Sarawak. Kajian mendapati guru-guru mempunyai kefahaman yang jelas tentang tiga kategori kemahiran pemikiran sejarah yang dikaji serta dapat menerapkan tiga kemahiran pemikiran tersebut di dalam pengajaran mereka dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran. Walau bagaimanapun, peserta kajian menyatakan bahawa masih terdapat kekangan dalam menerapkan tiga kemahiran pemikiran sejarah tersebut dalam pengajaran mereka kerana kurangnya latihan, kekangan masa, sikap guru yang kurang membaca, dan kurang memahami mengenai kemahiran pemikiran tersebut. Dapatan juga menunjukkan guru masih kurang kemahiran dalam menerapkan tiga kategori kemahiran pemikiran sejarah ini di dalam kelas. Adalah diharapkan dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah.

Kata Kunci: Kemahiran Pemikiran Sejarah, Memahami Kronologi, Menerokai Bukti, Membuat Interpretasi, Guru-guru Sejarah Tahun 5.

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the implementation and practice of historical thinking skills in the teaching of History Year 5 teachers. These historical thinking skills are divided into three main categories, namely chronology, exploration of evidence and interpretation. This qualitative study uses case study design. Data were obtained through semi structural interviews, teaching observation and document analysis. The data were analyzed using Nvivo 12. The survey participants were purposely sampling with a total of four Historical Distinguished Teachers in Kuching, Sarawak. The study found that teachers had a clear understanding of the three categories of historical thinking skills studied and could apply the three thinking skills in their teaching using various teaching methods. However, the study participants stated that there was still a constraint in applying the three historical thinking skills in their teaching because of lack of training, time constraints, lack of reading attitude, and lack of understanding of the thinking skills. The findings also show that teachers are still less skillful in applying these three categories of historical thinking skills in the classroom. It is hoped that this study can be used as a guide to implement the application of historical thinking skills in the teaching of the History subject.

Key Words: History Thinking Skills, Understanding Chronology, Exploring Evidence, Creating Interpretation, History Teachers 5.

Pengenalan

Pendidikan Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Mata pelajaran ini mempunyai pelbagai objektif dan matlamat yang terkandung bagi melahirkan para pelajar yang bukan sahaja mengetahui

secara fakta perkembangan sejarah di Malaysia mahupun di seluruh dunia tetapi mampu untuk merangsang pemikiran pelajar melalui proses pembelajaran yang dilalui oleh mereka. Pengajaran Sejarah di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah sepatutnya tidak bersifat jumud. Ia tidak seharusnya tertumpu kepada ledakan fakta daripada guru kepada pelajar. Walau bagaimanapun, mata pelajaran ini mestilah lebih bercorak pemikiran sejarah, iaitu situasi di mana pelajar berfikir secara kritis, mampu untuk membuat perkaitan antara satu peristiwa dengan satu peristiwa yang lain, membuat interpretasi, mencari bukti, membuat pertimbangan dan ramalan serta imaginasi. Pengajaran dan pembelajaran sebegini bukan sahaja berjaya menarik minat pelajar terhadap subjek Sejarah tetapi mampu meletakkan pelajar pada kedudukan ciri – ciri seorang ahli sejarah.

Menurut Zahara Aziz dan Nik Azleena (2007), Sejarah adalah satu mata pelajaran yang dapat merangsang pemikiran dan proses pemikiran secara kritis dan analitis. Semasa mempelajari mata pelajaran Sejarah itulah yang dikatakan sebagai pemikiran sejarah. Oleh yang demikian, guru-guru Pendidikan Sejarah mempunyai peranan yang penting untuk menerapkan pemikiran sejarah melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan pelajar berfikir. Bagi Krishnaveni (2013) menyatakan bahawa penonjolan sejarah hendaklah dilakukan sebagai satu kuasa yang hidup serta boleh mengaitkan peristiwa masa lalu dengan hakikat semasa. Para pelajar pula perlu difahamkan bahawa setiap permasalahan yang berlaku pada masa kini atau masa akan datang hanya boleh diketahui melalui peristiwa-peristiwa masa lalu, dan corak pengajaran di bilik darjah oleh guru-guru Sejarah akan memberi pengaruh penting kepada kualiti pengajaran Sejarah di sekolah (Wineburg, 2006)

Oleh itu, kemahiran pemikiran sejarah (KPS) sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah. Hal ini dibuktikan oleh Yilmaz (2008), menyatakan bahawa Sejarah merupakan satu bidang ilmu yang boleh dibuat pelbagai interpretasi dari semasa ke semasa. Guru tidak perlu lagi menyediakan pelajar dengan segala fakta dan penjelasan sejarah, malah dalam kerangka pemikiran sejarah era '*new history*' ia lebih kepada penumpuan untuk mengasah intelek pelajar secara kritikal dan analitikal. Jadi, kemahiran pemikiran sejarah perlulah difahami oleh pelajar agar mereka dapat dilatih menjadi sejarawan. Pemikiran Sejarah pula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran, merupakan satu bentuk proses kognitif yang murid-murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru. Kenyataan ini selari dengan takrifan pemikiran Sejarah yang dibuat oleh Paul & Elder (2006) ialah satu cara berfikir yang unik.

Dengan itu, konsep kemahiran pemikiran sejarah bolehlah difahami sebagai satu corak dan proses pembelajaran Sejarah yang merangsang pemikiran pelajar melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif yang melibatkan proses mencari bukti, membuat pertimbangan dan rasionalisasi, interpretasi dan imaginasi dengan bimbingan daripada guru khususnya (Baharuddin, 2006). Oleh itu, para guru Sejarah sendiri hendaklah bersedia dengan mempunyai pemahaman dan pengetahuan mengenai kemahiran pemikiran sejarah untuk dilaksanakan dalam pengajaran mereka.

Pernyataan Masalah

Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah KSSR telah menyatakan bahawa, pengajaran dan pembelajaran Sejarah perlu menjurus kepada pemupukan kemahiran berfikir dan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah. Objektif pendidikan Sejarah, telah menyatakan bahawa kemahiran berfikir haruslah membolehkan pelajar untuk menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah negara secara rasional dan meningkatkan daya pemikiran dan memperolehi kematangan berfikir dalam mempelajari Sejarah (Zarina Md Yaasin, 2013).

Namun demikian, pelaksanaan pengajaran kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran Sejarah masih kurang diamalkan. Fenomena ini dapat dilihat dalam laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Rendah (dipetik dalam Rosli 1998) mendapati amalan biasa di bilik darjah masih bersifat tradisional iaitu guru masih menggunakan sebahagian besar masa pengajaran dan pembelajaran untuk bercakap dan memberi penerangan. Malah menurut Abd Rahim (1999), dalam bukunya Pendidikan Sejarah, pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah bersifat 'Reproduction' iaitu mengeluarkan semula apa yang dipelajari.

Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa satu kajian perlu dijalankan dalam melihat keberkesanan dan bagaimanakah penekanan diberi terhadap kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di dalam bilik darjah serta kesan penerapan kemahiran ini terhadap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian seperti ini juga amat bersesuaian dalam konteks keperluan Malaysia untuk melahirkan generasi yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sosial.

Objektif dan Soalan Kajian

Objektif Kajian

Beberapa objektif kajian telah dikenalpasti di dalam kajian ini:

1. Mengenal pasti amalan penerapan tiga komponen kemahiran pemikiran sejarah (menerokai bukti, memahami kronologi dan membuat interpretasi) yang telah dilaksanakan oleh guru – guru Sejarah Tahun 5.
2. Mengenal pasti amalan pengajaran guru Sejarah Tahun 5 dalam menerapkan tiga komponen kemahiran pemikiran sejarah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tahun 5.

Soalan Kajian

Secara khusus, kajian ini adalah untuk menjawab soalan – soalan berikut:

1. Bagaimanakah ketiga-tiga komponen kemahiran pemikiran sejarah yang telah dikenal pasti telah dilaksanakan oleh guru dalam mengajar mata pelajaran Sejarah
2. Apakah amalan pengajaran guru Sejarah Tahun 5 yang sesuai dalam menerapkan tiga komponen kemahiran pemikiran sejarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tahun 5 berlangsung?

Metodologi

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti amalan penerapan KPS dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah. Oleh itu, reka bentuk kajian kes ini adalah dengan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kajian kes dipilih kerana kajian ini ingin melihat amalan penerapan elemen KPS di dua sekolah yang berbeza secara terperinci. Dalam kajian ini, instrumen yang akan digunakan ialah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini ialah empat orang guru Sejarah Tahun 5 yang mengajar di dua buah Sekolah Kebangsaan yang berbeza dan terletak di daerah Petrajaya, Kuching, dua orang Ketua Panitia Sejarah, enam orang pelajar bagi setiap guru yang mewakili dua kumpulan dan seorang Jurulatih Utama Sejarah. Data-data yang diperolehi daripada instrumen tersebut akan ditriangulasi

dengan menggunakan analisis kandungan dan bahan. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan kepada persampelan bertujuan. KPS yang dikaji terbahagi kepada tiga iaitu membuat interpretasi, menerokai bukti dan memahami kronologi.

Dapatan dan Perbincangan

1. Mengenal pasti amalan penerapan tiga komponen kemahiran pemikiran sejarah (menerokai bukti, memahami kronologi dan membuat interpretasi) yang telah dilaksanakan oleh guru – guru Sejarah Tahun 5.

Dapatan kajian mendapati peserta kajian mempunyai pandangan yang positif bahawa pelaksanaan ketiga-tiga komponen ini amat perlu dalam menjana murid agar dapat menjadi insan yang berfikir secara kritis dan kreatif dan membantu mereka agar dapat berfikir dengan rasional. Dapatan ini juga mendapati komponen KPS juga mudah diterapkan jika guru mempunyai kefahaman yang kukuh terhadap kemahiran pemikiran yang dibincangkan.

Hasil kajian mendapati peserta kajian menerapkan komponen pemikiran sejarah seperti menerokai bukti, memahami kronologi dan membuat interpretasi sebagai sebuah komponen pemikiran yang perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, dapatan kajian mendapati guru-guru menghadapi masalah dalam melaksanakan penerapan kemahiran pemikiran sejarah secara bersepadu dengan penyampaian isi kandungan mata pelajaran Sejarah. Kekangan-kekangan yang dihadapi dalam menerapkan komponen pemikiran ini meliputi kekangan dari aspek masa iaitu masa yang tidak mencukupi, sukatan mata pelajaran Sejarah yang padat dan penekanan berlebihan terhadap aspek akademik dan peperiksaan, beban tugas guru, kekangan daripada segi latihan, dan sikap guru sendiri yang tidak mahu mengambil kisah tentang kepentingan komponen pemikiran ini di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah.

Walaupun bagaimanapun peserta kajian tetap menyatakan penerapan kemahiran pemikiran sejarah ini adalah perlu sebagai cara untuk mewujudkan pelajar yang mampu berfikir secara kritis, kreatif dan berfikir rasional. Peserta kajian juga berpendapat bahawa penerapan komponen pemikiran sejarah juga adalah sebahagian daripada tuntutan subjek Sejarah dan merupakan salah satu kemahiran pemikiran yang boleh diaplikasikan dalam kalangan murid. Penerapan kemahiran pemikiran sejarah ini juga merupakan salah satu cara guru meningkatkan profesionalisme mereka. Maksudnya di sini ialah melalui penerapan kemahiran pemikiran sejarah tersebut guru boleh menarik minat mereka untuk belajar Sejarah, dan dengan adanya penguasaan guru terhadap komponen pemikiran tersebut juga boleh membantu murid untuk memahami fakta dan peristiwa yang sukar bagi murid, begitu juga daripada segi pengamatan murid terhadap peristiwa sejarah tersebut dalam bilik darjah. Berikut adalah transkrip temu bual dengan Ketua Panitia Sejarah di dua buah sekolah tersebut:

“cikgu sejarah di sekolah saya memang mengetahui dan memang sudah mempraktikkan kemahiran pemikiran sejarah, sebabtu kalau ada kursus ataupun taklimat mengenai kemahiran pemikiran ini, memang saya akan suruh mereka pergi” (T/KP1/1/2).

“antara guru-guru sejarah di sekolah ini, saya mengetahui ada beberapa orang yang tahu dan yang tak tahu tentang kemahiran pemikiran sejarah, tetapi saya berusaha untuk menjadikan guru-guru ini untuk faham tentang kemahiran pemikiran sejarah” (T/KP2/1/1).

Berdasarkan kepada triangulasi data yang dilakukan, didapati bahawa kesemua peserta kajian telah menulis komponen kemahiran pemikiran sejarah dalam rancangan pengajaran harian mereka. Ini dinyatakan melalui analisis yang dilakukan terhadap rancangan pengajaran harian kesemua peserta kajian seperti dalam jadual 1.

Jadual 1

Analisis terhadap rancangan pengajaran harian

Elemen Merentasi Kurikulum	Kemahiran Pemikiran Sejarah: Memahami Kronologi, Kritis dan inovatif, Membuat interprestasi, Meneroka bukti (AD/R01/1/1)
Elemen Merentasi Kurikulum	Kemahiran Pemikiran Sejarah: Memahami kronologi, Membuat Interpretasi, Membuat Imaginasi (AD/R02/1/1)
Elemen Merentasi Kurikulum	Kemahiran Pemikiran Sejarah: Memahami kronologi, Membuat Interpretasi, Menerokai Bukti, Membuat Imaginasi (AD/R03/1/1)
Elemen Merentasi Kurikulum	Kemahiran Pemikiran Sejarah: Membuat Interpretasi, Meneroka Bukti, Membuat Imaginasi dan Memahami Kronologi (AD/RO4/1/1)

Dapatan juga menunjukkan bahawa Jurulatih Utama sejarah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kompetensi guru-guru Sejarah dalam menerapkan pemikiran sejarah. Berikut dibuktikan apabila kesemua peserta kajian juga telah menyatakan bahawa Jurulatih Utama memainkan peranan dalam mengadakan perbincangan mengenai pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah di sekolah. Perkara ini dibuktikan melalui petikan temubual tersebut:

“kami selalu mengadakan perbincangan bersama guru –guru sejarah yang lain dan Jurulatih Utama mengenai subjek sejarah, kami akan membincangkan mengenai teknik mengejar, alat bantu mengajar yang sesuai serta pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah di dalam kelas. Kadang-kadang kami akan berbincang mengenai kaedah-kaedah yang sesuai untuk digunakan untuk menerapkan kemahiran pemikiran sejarah.” (T/R01/1/5)

“Di peringkat sekolah, kami akan berbincang sesama panitia sejarah, kadang-kadang Jurulatih Utama pun akan datang berbincang juga mengenai subjek sejarah. Beliau sangat membantu dalam menerangkan bagaimana nak mengajar sejarah terutamanya cara pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah di dalam kelas” (T/R02/1/4)

Temubual tersebut ditriangulasikan dengan dapatan temubual daripada Jurulatih Utama. Hal ini dijelaskan melalui petikan berikut:

“saya selalu pergi ke sekolah sekitar Kuching dan perbincangan akan dilakukan di setiap sekolah tersebut, antara perkara yang selalu kami bincangkan adalah mengenai penerapan elemen-elemen pemikiran sejarah, elemen kewarganegaraan dan bahan bantu mengajar subjek sejarah” (T/JU/1/4).

Dapatan daripada analisis dokumen terhadap catatan perbincangan peserta kajian dalam komuniti pembelajaran profesional memperlihatkan bahawa kesemua peserta kajian telah menunjukkan pelaksanaan dan perbincangan terhadap kemahiran pemikiran sejarah yang ingin diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Dalam perbincangan yang dilakukan oleh kesemua peserta kajian telah membincangkan mengenai kemahiran pemikiran sejarah dengan baik. Ini dinyatakan melalui analisis dokumen terhadap catatan peserta kajian tersebut:

“Perbincangan bersama Jurulatih Utama telah mengatakan kaedah-kaedah dan langkah-langkah penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam subjek sejarah” (AD/R01/1/5)

“Berdasarkan kepada perbincangan kami pada hari ini, saya telah mengetahui tentang cara kemahiran pemikiran sejarah ini diterapkan di dalam bilik darjah” (AD/R02/1/4)

“Kemahiran pemikiran sejarah ini telah diterangkan oleh guru-guru sejarah yang lain dan serba sedikit saya tahu tentang kemahiran ini” (AD/R03/1/3)

“Perbincangan yang telah dilakukan membuatkan saya memahami tentang cara penerapan dan langkah yang perlu digunakan untuk menerapkan kemahiran pemikiran sejarah ini ke dalam kelas” (AD/R04/1/5)

Selain itu, data yang diperolehi daripada analisis terhadap minit mesyuarat panitia telah menunjukkan bahawa komuniti pembelajaran profesional telah dipertekankan sebagai salah satu medium perbincangan antara guru. Perkara ini dapat dibuktikan melalui analisis minit mesyuarat setiap panitia sejarah di setiap kawasan kajian tersebut. (27.1.2018, 28.6.2018, 15.11.2018, 20.2.2018, 4.7.2018, 24.10.2018) (AD/MM).

Dapatan ini juga ditunjukkan dalam kajian ini yang telah mendapati bahawa komponen meneroka bukti dan memahami kronologi selalu diamalkan di sekolah dan komponen membuat interpretasi kurang diamalkan.

2. Mengenal pasti amalan pengajaran guru Sejarah Tahun 5 dalam menerapkan tiga komponen kemahiran pemikiran sejarah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tahun 5.

Dalam menerapkan tiga komponen kemahiran pemikiran sejarah ini, guru-guru telah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran. Antara kaedah yang digunakan oleh guru adalah seperti kaedah penerangan dan perbincangan, forum, soal jawab dan sumbang saran dan lakonan dan simulasi seperti dalam Jadual 2. Penggunaan kaedah penerangan ini adalah untuk memberikan penerangan kepada murid tentang kepentingan sesuatu peristiwa sejarah tersebut ke dalam kehidupan murid. Kepekaan guru untuk mengaitkan peristiwa sejarah tersebut dapat mengukuhkan kefahaman murid dan didapati telah meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka.

Jadual 2

Senarai kategori, tema amalan pengajaran guru sejarah dalam menerapkan kemahiran pemikiran sejarah

Kod	Kategori	Tema
AML	Amalan	
AML-KPS		Strategi Pengajaran
AML-KPS-SS		Soal Jawab dan Sumbang Saran
AML-KPS-PP		Penerangan dan Perbincangan
AML-KPS-LS		Lakonan dan Simulasi
AML-KPS-F		Forum

Usaha sebegini menurut peserta kajian dapat membantu untuk meningkatkan penerapan komponen menerokai bukti dan membuat interpretasi murid-murid. Melalui kaedah penerangan dan perbincangan, guru menerangkan tentang keperluan dan kepentingan memberi interpretasi terhadap sesuatu peristiwa sejarah seperti kepentingan menjaga ataupun menghormati kedaulatan negara. Sebagai contoh, dalam menjelaskan kepentingan menjaga kedaulatan negara, guru telah menerangkan secara panjang lebar tentang kepentingan menjaga kedaulatan negara. Melalui penerangan tersebut murid-murid dapat menerokai bukti sebab dan musabab menjaga kedaulatan negara. Berdasarkan bukti-bukti yang dibaca, murid akan membuat interpretasi terhadap bahan-bahan tersebut.

Penggunaan kaedah lakonan dan simulasi juga diamalkan ketika mengaitkan sesuatu peristiwa sejarah yang dibincangkan dan penggunaan kaedah ini biasanya digunakan untuk kelas-kelas yang di hujung. Menurut peserta kajian, hal ini adalah disebabkan murid yang berada di kelas hujung ini mempunyai sikap 'malas menulis'. Melalui kaedah ini guru boleh memberikan contoh kepada murid, murid dapat mengeluarkan sendiri pandangan dan cerita mereka yang mereka telah rancang. Manakala pada peringkat induksi set guru menggunakan teknik imbas kembali, penggunaan teknik imbas kembali ini bersesuaian dengan sifat pelajar kelas belakang yang lemah daripada segi pencapaian mereka. Justeru, penggunaan kaedah ini juga adalah untuk memudahkan guru mengaitkan tajuk yang diajar pada hari tersebut dengan pengalaman dan realiti kehidupan seharian murid. Apa yang menggembirakan peserta kajian, kaedah ini telah mendapat respons yang baik daripada murid beliau.

Dapatan kajian mendapati hampir semua peserta kajian telah menggabungkan strategi pengajaran berpusatkan guru dan berpusatkan murid dalam menerapkan elemen-elemen kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran Sejarah. Gabung jalin strategi berpusatkan murid dan guru ini amat perlu terutama murid yang mempunyai pencapaian dan pemahaman yang pelbagai dalam mata pelajaran Sejarah.

Kesimpulan, Implikasi dan Cadangan

Kesimpulannya, kajian tentang tahap penerapan pemikiran sejarah dalam pengajaran pendidikan, amalan penerapan, kepentingan dan kekangan pelaksanaannya ini diharap akan dapat membuka ruang kepada kajian yang lebih luas, yang serupa tetapi perspektif yang berbeza. Kajian lain pada aspek dan perspektif yang berbeza perlu disarankan bagi menambah baik kajian yang telah dijalankan serta memperkayakan lagi

sumbangan daripada segi konsep, pelaksanaan serta boleh memberikan sumbangan yang bermakna terhadap teori dan amalan pengajaran guru, khususnya guru Sejarah. Kajian ini telah memberi implikasi yang jelas terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tahun 5. Golongan yang disasarkan adalah golongan pendidik dan murid sekolah, ketua panitia sejarah, pentadbir sekolah, dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan sistem pendidikan termasuk penggubal dasar pendidikan di Malaysia.

Rujukan

- Baharuddin Jabar, (2006). Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-Guru Sejarah: Satu Kajian Kes di Daerah Hilir Perak. Penyelidikan Terpilih UPSI. Tanjung Malim: Penerbit UPSI
- Krishnaveni a/p Vasudevan. (2013). Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Mata Pelajaran Sejarah dari Perspektif Guru dan Pelajar. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paul, R & Elder. L. (2006). The miniature guide to critical thinking: Concepts and tools. Dillon Beach CA: The Foundation for Critical Thinking.
- VanSledright, B.A. (2004). What Does It Mean to Think historically and How do you Teach It? *Social Education* 68(3): 230-233.
- Wineburg, S. (2006). Fostering Historical Thinking with Digitized Primary Sources. *Journal of Research On Technology in Education*. V38: P1-21: International Society For Technology in Education.
- Yilmaz, K. (2008). Social Teacher' Conception of History: Calling On Historiography. *The Journal of Social Education* 22: 146-156.
- Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail. (2007). *Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-Guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah Kepada Para Pelajar*. diakses daripada <http://journalrticle.ukm.my/196/>
- Zarina Md. Yasin, (2013). Penilaian Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) Peringkat Menengah Atas. Tesis Dr. Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia

KEFAHAMAN DAN AMALAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5: SATU KAJIAN KES

AZURA BINTI HAZMI

azura.sejarah2015@ipgkbl.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Pelaksanaan Pendidikan Sejarah didapati masih kurang lagi memberi kesan kepada pelajar dari segi pemerolehan ilmu mahupun penerapan nilai-nilai patriotisme. Dapatan kajian lalu menunjukkan bahawa penghayatan dan amalan patriotisme masih rendah dalam kalangan generasi muda. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk Kajian Kes. Data diperoleh melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Analisis data menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid mempunyai kefahaman berkaitan nilai patriotisme serta mengamalkannya. Kajian juga mendapati faktor minat murid, amalan sekolah dan Kurikulum Sejarah Tahun 5 turut mempengaruhi kefahaman dan amalan patriotisme murid. Implikasi kajian ini, menunjukkan bahawa pelbagai pihak perlu bersama menggembelng tenaga dalam usaha menerapkan nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda.

KATA KUNCI: Patriotisme, Pendidikan Sejarah, Kurikulum Sejarah Tahun 5.

ABSTRACT

This study aims to identify the understanding and practices of patriotism among the pupils as well as the factors that influence them. The implementation of History Education is found to have less impact on pupils in terms of neither acquisition of knowledge nor application of patriotism values. Based on previous findings, it is shown that appreciation and practice of patriotism is still very low among the younger generation. This study is based on a qualitative approach; Case Study. The data of this research was obtained through observation, interview and document analysis. Triangulation methods and source triangulation were used to analyse the data. The findings show that pupils had acquired the understanding and practice of patriotism. The study shows that pupils' interest, school's practice and Year 5 History Curriculum influenced pupils on the understanding and practices of patriotism. The implication of this study was various parties need to work together in instilling the value of patriotism among the younger generation.

KEYWORDS: Patriotism, History Education, Year 5 History Curriculum.

Pengenalan

Identiti Nasional merupakan satu daripada enam aspirasi bagi setiap murid yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menekankan setiap murid tanpa mengira etnik, kepercayaan, taraf sosioekonomi atau

tempat berbangga menjadi rakyat Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Matlamat Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah (KSSR) adalah bagi melahirkan warganegara yang patriotik serta menjunjung amalan demokrasi di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, fokus mata pelajaran Sejarah adalah bagi menyemai ilmu pengetahuan dan Kemahiran Pemikiran Sejarah di samping penerapan semangat patriotik melalui pengetahuan tentang masa lalu yang mempengaruhi masa kini. Hal ini, kefahaman asas tentang sejarah negara dapat melahirkan perasaan cinta akan negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Dalam artikel ini, penyelidik cuba untuk mengenal pasti kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid Tahun 5. Kefahaman dan amalan patriotisme yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan aspek patriotisme iaitu berbangga sebagai rakyat Malaysia dengan meneliti nilai menghormati lambang-lambang negara.

Pernyataan Masalah

Umumnya, patriotisme sering dikaitkan dengan semangat cintakan negara sendiri dan menunjukkan kesetiaan kepada negara. Berdasarkan kajian Haminah Suhaibo (1998) mengenai kefahaman dan amalan unsur patriotisme melalui mata pelajaran sejarah yang dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah atas, menunjukkan sebahagian besar pelajar memahami unsur-unsur patriotisme kecuali aspek lambang-lambang negara, berani dan sanggup mempertahankan negara, peka terhadap masalah dan isu negara dan muhibah. Manakala, menurut Nik Anuar Nik Mahmud (2002), semangat patriotisme kelihatan agak longgar dalam kalangan masyarakat khususnya dalam kalangan pelajar. Selain itu, menurut Norrizan (2003), pelaksanaan Pendidikan Sejarah didapati masih kurang lagi memberi kesan kepada pelajar dari segi pemerolehan ilmu mahupun penerapan nilai-nilai terutamanya nilai-nilai kewarganegaraan dan integrasi nasional. Sesungguhnya, patriotisme yang merupakan sebahagian daripada nilai-nilai murni sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaiknya pasti akan membawa kepada pembentukan generasi yang berkhemah tinggi dan berahlak mulia. Dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid.

Objektif dan Soalan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan bagi mengenal pasti kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid Tahun 5. Selain itu, kajian ini juga bertujuan bagi menyediakan maklumat berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid. Soalan kajian adalah bagaimanakah kefahaman nilai-nilai patriotisme dalam kalangan murid Tahun 5 dan apakah amalan patriotisme dalam kalangan murid Tahun 5 serta apakah faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk Kajian Kes. Menurut Cresswell (1998), kajian kes dibuat berdasarkan kewujudan kes tertentu yang hendak dikaji. Kajian kes dipilih memandangkan pengkaji hendak mengkaji secara mendalam tentang kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid Tahun 5 sahaja dan di sebuah sekolah yang mempunyai murid dari pelbagai bangsa. Pemilihan murid-murid Tahun 5 sebagai peserta kajian dibuat mengambil kira pengetahuan mata pelajaran Sejarah yang diterapkan dalam kurikulum berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Sejarah (DSKP) Tahun 5 iaitu berkaitan Tajuk 9 'Identiti Negara Kita'.

Tiga cara pengumpulan data yang digunakan iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Pemilihan peserta dalam kajian ini dibuat secara persampelan bertujuan. Peserta kajian terdiri daripada lima orang murid dan empat orang guru. Kaedah

pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan data mengenai kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid Tahun 5 serta faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman dan amalan tersebut. Menurut Chua Yan Piaw (2006), kaedah triangulasi bertujuan untuk meningkatkan kredibiliti dan kesahihan keputusan. Oleh itu, bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber.

Dapatan dan Perbincangan

1. Bagaimanakah kefahaman nilai patriotisme dalam kalangan Murid Tahun 5?

Dapatan pemerhatian melalui catatan nota lapangan menunjukkan bahawa adanya kefahaman nilai patriotisme yang dapat diperhatikan dalam kalangan murid-murid Tahun 5. Catatan nota lapangan mendapati terdapat beberapa tema yang menunjukkan adanya amalan patriotisme dalam kalangan murid Tahun seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Tema- tema Kefahaman Nilai Patriotisme Dalam Kalangan Murid-Murid Tahun 5 berdasarkan Catatan Nota Lapangan

Kefahaman Nilai Patriotisme	Catatan Nota Lapangan dan RPH Guru
Unit8: Jata Negara	<ul style="list-style-type: none"> Murid-murid dapat menyatakan lambang-lambang pada Jata Negara dan kepentingan menghormatinya
Unit 9: Bendera Berkibar	<ul style="list-style-type: none"> Memahami keperluan untuk menghormati Bendera Kebangsaan.
Unit 10: Negaraku	<ul style="list-style-type: none"> Memahami keperluan untuk menghormati lagu Negaraku
Unit 11: Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> Memahami keperluan menggunakan Bahasa Melayu dalam urusan-urusan rasmi.
Unit 12: Bunga Kebangsaan	<ul style="list-style-type: none"> Dapat menyatakan nama bunga kebangsaan Dapat membentuk menjelaskan kaitan bilangan kelopak bunga kebangsaan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara

Dapatan kajian ini menunjukkan murid-murid Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan ABC memahami nilai patriotisme tersebut. Hal ini demikian, dapat dilihat semasa pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tahun 5, ketika majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang, Majlis Penutupan sambutan Bulan Kebangsaan mahupun perhimpunan mingguan sekolah. Kesimpulannya, berdasarkan analisis catatan nota lapangan dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru yang telah dilaksanakan oleh penyelidik menunjukkan bahawa murid-murid Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan ABC sememangnya mempunyai kefahaman nilai patriotisme yang menyentuh aspek menghormati lambang-lambang negara.

Bagi mengukuhkan pemerhatian catatan nota lapangan, penyelidik menggunakan senarai semak berdasarkan lembaran kerja murid. Analisis senarai semak tersebut bagi melihat kefahaman nilai patriotisme peserta kajian. Lembaran kerja tersebut dibuat berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum (DSKP) Sejarah Tahun 5 berkaitan Tajuk 9 iaitu Identiti Negara Kita seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Analisis Keseluruhan Senarai Semak

No Unit	Nama Unit	Jumlah Item (Ya)	Jumlah Item (Tidak)
8	Jata Negara	18	2
9	Bendera Berkibar	18	2
10	Negaraku	18	2
11	Bahasa Melayu	13	7
12	Bunga Kebangsaan	14	6
	Jumlah	81	19

Berikut adalah analisis keseluruhan senarai semak unit-unit yang terdapat dalam Tajuk 9 iaitu 'Identiti Negara Kita'. Peserta kajian sangat menguasai item-item senarai semak bagi unit Jata Negara, Bendera Berkibar dan Negaraku yang menunjukkan mereka mempunyai kefahaman yang sangat baik berkaitan lambang-lambang tersebut. Manakala, peserta kajian turut dapat menjawab item-item senarai semak bagi unit Bahasa Melayu dan Bunga Kebangsaan yang menunjukkan mereka mempunyai kefahaman yang sederhana berkaitan lambang-lambang tersebut. Justeru itu, kajian ini menunjukkan dapatan yang berbeza berbanding kajian Haminah Suhaibo (1998) yang menunjukkan sebahagian besar pelajar kurang memahami unsur-unsur patriotisme berkaitan lambang-lambang negara. Hal ini demikian, dapatan kajian menunjukkan peserta kajian memahami nilai patriotisme berkaitan aspek lambang-lambang negara.

2. Apakah Amalan Patriotisme Dalam Kalangan Murid Tahun 5?

Bagi menjawab soalan kajian tentang amalan patriotisme dalam kalangan murid-murid tahun 5, pengkaji menggunakan data melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dapatan pemerhatian melalui catatan nota lapangan menunjukkan bahawa adanya amalan patriotisme yang dapat diperhatikan dalam kalangan murid-murid Tahun 5. Jadual 3 menunjukkan tema-tema amalan patriotisme yang diperolehi berdasarkan analisis catatan nota lapangan dan analisis Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru yang dilaksanakan sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Analisis catatan nota lapangan seperti dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa murid-murid Tahun 5 sememangnya mengamalkan nilai patriotisme yang menyentuh aspek menghormati lambang-lambang negara berdasarkan tingkah laku dan amalan mereka. Amalan-amalan yang berkaitan dengan unit-unit tertentu berkaitan patriotisme dapat dikenalpasti oleh pengkaji semasa pemerhatian dibuat. Rumusalan amalan-amalan patriotisme berdasarkan unit-unit tertentu adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3

Tema - tema Amalan Patriotisme Dalam Kalangan Murid-Murid Tahun 5 berdasarkan Catatan Nota Lapangan dan Analisis RPH guru.

Unit	Aktiviti/Lokasi Pemerhatian	Amalan Patriotisme
8: Jata Negara	PdP Sejarah (Bilik Darjah)	Murid-murid begitu teruja untuk mempelajari topik tersebut.
9: Bendera Berkibar	Majlis Perlancongan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang (Dewan)	Mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh bersemangat dan gembira.
10: Negaraku	Majlis Perlancongan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang (Dewan)	Menyebut seni kata lagu dengan betul dan bersemangat
	Perhimpunan Mingguan (Dewan)	Berdiri tegak, kedua-dua belah tangan diletakkan ke sisi dan diluruskan ke bawah.
11: Bahasa Kebangsaan	Majlis Penutupan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang (Dewan)	Persembahan sajak patriotik dan persembahan pentomin kemerdekaan menggunakan Bahasa Kebangsaan
	Perhimpunan Mingguan (Dewan)	Menggunakan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi
12: Bunga Kebangsaan	PdP Sejarah (Bilik STEM)	Menunjukkan minat mempelajari unit Bunga Kebangsaan

Selain itu, temu bual dan analisis dokumen digunakan sebagai sokongan analisis yang dibuat untuk menghuraikan amalan patriotisme dalam kalangan murid Tahun 5. Setelah menganalisis kandungan temu bual dan membuat pengkategorian, analisis dilakukan untuk mengenal pasti tema-tema yang terdapat dalam kajian ini. Berdasarkan analisis tema bagi kelima-lima unit lambang-lambang negara tersebut, dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian tersebut mengamalkan nilai patriotisme dalam diri mereka dari aspek menghormati lambang-lambang negara.

Jadual 4 menunjukkan rumusan dapatan temu bual dengan peserta kajian berkaitan dengan amalan patriotisme yang dilakukan bagi unit-unit tertentu. Peserta kajian menunjukkan pola amalan seperti menegur, memarahi, menasihati dan menghalang bagi perkara berkaitan jata negara ketika guru menemubual tentang jata negara dipijak. Pola perasaan seperti marah, kecewa, sedih dan tidak suka menunjukkan peserta kajian mempunyai perasaan bangga terhadap jata negara tersebut.

Hal ini demikian, mereka menyatakan perasaan tidak senang terhadap tindakan-tindakan yang tidak wajar terhadap lambang-lambang negara. Malah, menunjukkan kesedaran untuk menghormati lambang-lambang negara yang merupakan identiti negara kita. Hasil kajian ini adalah positif iaitu sama seperti dapatan kajian Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Shamsul Anuar Nasarah dan Zaheruddin Othman (2016). Oleh itu, hasil kajian tersebut menunjukkan tahap patriotisme belia di Malaysia dalam kategori tinggi adalah sebanyak 73 peratus dengan nilai min sebanyak 7.26.

Jadual 4

Rumusan tema pola perasaan dan amalan patriotisme peserta kajian

Unit	Tema (Pola Perasaan)	Tema (Pola Amalan / Tindakan)
Unit 8: Jata Negara	Berasa marah Kecewa Sedih Tidak suka	Dia berhak ditegur Memarahi mereka Menasihati Menghalangnya
Unit 9: Bendera Berkibar	Berasa bangga Gembira Marah Kecewa Berasa geram	Pernah mengibarkan Saya akan menegur
Unit 10: Lagu Kebangsaan	Bangga Gembira Berasa bosan Marah Berasa geram Tidak suka Benci	Ya saya berdiri tegak Memarahi Melarang Menegur untuk membetulkan Lagu Negaraku
Unit 11: Bahasa Melayu	Ya. Saya berasa bangga Gembira	Ya, saya fasih Boleh, sedikitlah Tidak Kadang-kadang Guna sedikit
Unit 12: Bunga Kebangsaan	Bangga Seronok Sangat marah Berasa geram	Ya. Pernah melihat Ingin bergaduh Tidak suka terhadap perbuatan tersebut Memarahi Menegur Melarangnya

3. Apakah Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kefahaman dan Amalan Patriotisme Murid?

Hasil kajian ini mendapati terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid-murid Tahun 5. Faktor-faktor tersebut adalah minat murid, amalan sekolah dimana guru dan pihak pentadbiran memainkan peranan mereka serta pelaksanaan pelaksanaan kurikulum Sejarah Tahun 5.

Kefahaman dan amalan patriotisme adalah didorong oleh diri murid-murid sendiri. Hal ini demikian, minat murid mempelajari mata pelajaran Sejarah terutamanya tajuk berkaitan lambang-lambang negara pastinya mendorong murid-murid untuk mempunyai kefahaman dan amalan patriotisme yang tinggi. Jadual 5 menunjukkan dapatan analisis temu bual bahawa kesemua peserta kajian berminat mempelajari mata pelajaran Sejarah.

Jadual 5

Rumusan dapatan temu bual tentang minat murid terhadap Sejarah

Kategori	Tema
Minat	Meminati mata pelajaran Sejarah
Sebab meminati mata pelajaran Sejarah	Dapat belajar mengenai Jata Negara Belajar sejarah negara dan lambang-lambang negara Cikgu sentiasa ceria dan membuat pelbagai aktiviti Guru membuatkan rasa bersemangat untuk belajar Sejarah
Perasaan	Gembira dan berpuas hati Berasa bangga Seronok Teruja

Oleh itu, minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dianggap satu kelebihan untuk guru-guru memupuk patriotisme dalam bilik darjah. Dalam menerapkan nilai-nilai murni, sekolah secara umumnya dan guru secara khususnya adalah memainkan peranan yang penting dalam menerapkan nilai-nilai murni. Dalam menerapkan nilai-nilai murni, sekolah secara umumnya dan guru secara khususnya adalah memainkan peranan yang penting dalam menerapkan nilai-nilai murni.

Dalam kajian ini, warga sekolah yang terdiri daripada guru-guru dan pihak pentadbir adalah merupakan antara faktor yang memainkan peranan dalam kefahaman dan amalan patriotisme murid-murid di sekolah ini. Jadual 6 adalah merupakan hasil analisis temu bual bertema bersama guru-guru Sejarah dan pihak pentadbir. guru-guru yang telah ditemu bual menyedari bahawa 'nilai patriotisme' adalah merupakan nilai-nilai murni, cinta dan setia kepada negara dan merupakan sikap-sikap yang positif. Respondan B2 menyatakan bahawa nilai patriotisme adalah ialah cinta akan negara dan setia kepada negara manakala responden B3 menyatakan nilai patriotisme adalah sifat cintakan tanah air yang merupakan sikap-sikap yang positif. Justeru itu, sekiranya guru sendiri mempunyai kefahaman berkaitan nilai patriotisme, pastinya memudahkan guru-guru memupuk unsur-unsur patriotisme dalam setiap tajuk dan tema yang diajar dan menerapkan nilai tersebut ke dalam diri murid-murid.

Rata-rata guru yang ditemu bual memberitahu bahawa mereka menerapkan pemupukan nilai patriotisme ini di dalam pengajaran dan pembelajaran mereka di dalam mahupun di luar bilik darjah. Selain itu, terdapat guru yang menambahkan pengetahuan mereka dalam aspek-aspek Sejarah serta membimbing murid menganalisis dan menilai fakta Sejarah. Oleh itu, jelaslah peranan guru dalam menerapkan nilai patriotisme di sekolah agar dapat menerapkan nilai patriotisme dalam diri mereka.

Selain itu, pihak sekolah juga telah mengadakan pelbagai program bagi meningkatkan patriotisme dalam kalangan murid memandangkan sekolah yang dipilih adalah sekolah yang mempunyai pelbagai kaum.

Jadual 6

Analisis Temu bual Bertema Guru Sejarah

Kategori	Tema
Dalam bilik darjah Di luar bilik darjah Menyediakan teks Mempromosikan keindahan negara Malaysia Menambahkan pengetahuan Membimbing murid menganalisis dan menilai fakta Sejarah	Amalan guru Sejarah
Dalam bilik darjah Semasa pengajaran dan pemudahcara (pdpc) Integrasi subjek Luar bilik darjah Perhimpunan Sekeliling kawasan sekolah	Cara/Tindakan menerapkan unsur Patriotisme
Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Sekolah Kibar Jalur Gemilang Pentomin Pertandingan pakaian kemerdekaan Pertandingan nyanyian lagu patriotik Pertandingan deklamasi sajak Pertandingan mewarna	Program-program Pemupukan Patriotisme
Murid - Amat mengalakkan Memberikan komitmen luar biasa Ibu Bapa - Sangat komited dalam memberikan sokongan moral Guru-guru - Memberikan kerjasama sepanjang program - Mengadakan mesyuarat perlantikan jawatankuasa	Penglibatan warga sekolah

Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan dapatan yang berbeza dengan Norrizan (2013) yang mendapati, pelaksanaan Pendidikan Sejarah didapati masih kurang lagi memberi kesan kepada pelajar dari segi pemerolehan ilmu mahupun penerapan nilai-nilai terutamanya nilai-nilai kewarganegaraan dan integrasi nasional.

Kesimpulan, Cadangan dan Implikasi

Hasil kajian ini mendapati bahawa murid-murid Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan ABC sememangnya memahami dan mengamalkan nilai patriotisme berkaitan nilai menghormati lambang-lambang negara. Dapatan kajian ini juga telah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid. Ini didorong oleh faktor murid, amalan sekolah dan pelaksanaan kurikulum Sejarah berdasarkan DSKP Sejarah Tahun 5 yang membawa kearah penerapan nilai patriotisme dalam kalangan murid-murid

Kesimpulan daripada kajian ini, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan bagi mengenal pasti kefahaman dan amalan patriotisme meliputi keseluruhan murid Tahap Dua selepas mata pelajaran Sejarah diperkenalkan pada tahun 2014 di sekolah rendah. Bahkan, aspek patriotisme yang dikaji boleh diperluaskan bukan hanya menyentuh aspek berbangga sebagai rakyat Malaysia tetapi boleh diperluaskan dengan unsur patriotisme bersemangat setia negara, bersemangat kekitaan, berdisiplin serta

berusaha dan produktif. Oleh itu, penyelidik pada masa akan datang mempunyai skop yang lebih luas untuk membuat kajian berkaitan dengan tahap patriotisme dikalangan murid-murid Sekolah Rendah. Manakala, untuk meningkatkan kefahaman dan amalan patriotisme murid-murid pengkaji mencadangkan agar guru melaksanakan pembelajaran aktif dan kreatif di dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah serta menerapkan amalan patriotisme dalam aktiviti ko-kurikulum atau mata pelajaran lain.

Implikasi kajian ini bagi mengetahui kefahaman dan amalan patriotisme dalam kalangan murid selepas mata pelajaran Sejarah diperkenalkan sejak tahun 2014. Seterusnya, kajian ini bagi menyedarkan guru-guru dan pihak pentadbir dalam usaha mereka menerapkan nilai patriotisme dalam kalangan murid. Bahkan, kajian ini juga bagi melihat peranan kandungan Kurikulum Sejarah dalam melahirkan warganegara yang lebih patriotik. Oleh itu, semua pihak memainkan peranan dalam menerapkan nilai patriotisme dalam kalangan murid,

Rujukan

- Chua Yan Piaw (2006a). *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Creswell, J.W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among five traditions*. London: Sage.
- Haminah Haji Suhaibo (1998). Kefahaman dan amalan unsur patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah atas. Kuching: Unit Sejarah, Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2002). Patriotisme Dalam Penulisan Sejarah. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Sahmsul Anuar, Zaheruddin Othman. (2016). Pembinaan bangsa Malaysia: Kajian empirikal tahap patriotisme belia. *Geografia Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10) 159 – 170.
- Mohd Puad. (2014 Oktober 25). Subjek Sejarah Tekan Kewarganegaraan, Patriotisme Dan Perlembagaan. Diakses daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2010/10/25/subjek-sejarah-tekan-kewarganegaraan-patriotisme-dan-perlembagaan-mohd-puad>
- Norrizan Binti Seman (2003). *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia (1874 hingga 2002)*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial: Universiti Malaya.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman dan amalan murid terhadap konsep Rukun Negara. Kajian juga bertujuan mengenal pasti strategi yang dilaksanakan oleh pihak sekolah ke arah penerapan amalan Rukun Negara dalam kalangan murid. Walaupun mata pelajaran Sejarah sudah diterapkan kepada murid Tahun 4, namun terdapat kajian yang mendapati murid-murid masih kurang memahami dan menghayati prinsip Rukun Negara secara menyeluruh. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kes. Pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan murid dapat menyatakan kelima-lima prinsip Rukun Negara. Murid juga menunjukkan tindakan yang tepat berkaitan dengan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian di sekolah. Dapatan kajian mendapati pihak sekolah telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan Rukun Negara. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa murid memahami dan mengamalkan kelima-lima prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian mereka. Implikasi kajian ini menunjukkan pihak sekolah perlu mengadakan pelbagai aktiviti atau program untuk menerapkan amalan Rukun Negara.

Kata kunci: amalan Rukun Negara, murid Tahun 4, pihak sekolah,

Abstract

The aims of this study are to identify students' understanding and practice on the concept of National Principles. It's also to identify the strategies implemented by the school towards the implementation of the National Principle's practice among the students. Even though the History subject has been implemented to Year 4 pupils, however the research has been conducted regarding this matter and lacking of understanding and appreciating the National Principles as a whole still exist. This study uses a qualitative approach that is case study. Data collection using interviews, observations and document analysis. The findings show that students can state the five principles of National Principles. Pupils also demonstrate the right actions that are relevant to the National Principle in daily lives at school. The findings show that the school has carried out various activities with the National Principles. In conclusion, this study shows that students understand and practice the five principles of National Principles in their daily lives. The implication of this study shows that the school should organize various activities or programs to implement the practice of National Principle.

Keywords: The practice of National Principle, Year 4 pupils, the school

Pengenalan

Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai Tahun 4 pada Tahap 2. Sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah haruslah sentiasa menerapkan elemen dimensi kewarganegaraan seperti keterikatan emosi kepada negara. Dimensi ini akan mampu melahirkan murid yang dapat menghayati prinsip Rukun Negara. Dimensi kewarganegaraan lain seperti perkongsian nilai turut menekankan sikap menyanjungi prinsip Rukun Negara. Prinsip Rukun Negara disentuh beberapa kali dalam kurikulum Sejarah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti pemahaman murid terhadap konsep prinsip Rukun Negara dan bagaimanakah murid mengaplikasikan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian mereka.

Pernyataan Masalah

Kurikulum Standard Sekolah Rendah telah menerapkan prinsip Rukun Negara dalam mata pelajaran Sejarah. Melalui mata pelajaran Sejarah, murid-murid akan dapat menghayati Rukun Negara dengan lebih menyeluruh. Mata pelajaran Sejarah telah dipekenalkan sejak dari Tahun 4 sehingga ke peringkat yang lebih tinggi khususnya di universiti. Pendedahan prinsip Rukun Negara dari bangku sekolah seharusnya menjadikan rakyat Malaysia mempunyai amalan prinsip Rukun Negara yang tinggi.

Namun pada masa kini, Rukun Negara merupakan ideologi negara yang semakin terpinggir dan dilupakan. Menurut Shaiful Harmoni (2016) komposisi lima prinsip Rukun Negara tidak lebih daripada cetakan di buku latihan dan lukisan mural di dinding sekolah. Jelaslah bahawa generasi pada masa kini kurang memahami prinsip Rukun Negara yang sebenar.

Rukun Negara semakin kurang dihayati oleh generasi pada masa kini. Buktinya menurut Ishak Sairozi (2018) kebanyakan individu hanya mengenal Rukun Negara sekadar prinsip semata-mata dan telah mengabaikan falsafah ini dengan begitu lama. Jelaslah bahawa masyarakat hanya sekadar mengetahui dan bukannya memahami. Justeru, kajian ini dibuat bagi mengenal pasti pemahaman dan amalan murid Tahun 4 di sebuah sekolah di samping mengenal pasti strategi yang diambil oleh pihak sekolah dalam mendorong ke arah penerapan amalan prinsip Rukun Negara.

Objektif dan Soalan Kajian

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti pemahaman murid Tahun 4 terhadap konsep Rukun Negara.
2. Mengkaji amalan prinsip Rukun Negara dalam kalangan murid Tahun 4.
3. Mengenal pasti strategi yang diambil oleh pihak sekolah bagi mendorong ke arah penerapan amalan prinsip Rukun Negara dalam kalangan murid.

Soalan Kajian

1. Apakah pemahaman murid Tahun 4 terhadap konsep Rukun Negara?
2. Sejauh manakah amalan prinsip Rukun Negara dalam kalangan murid Tahun 4?
3. Apakah strategi yang diambil oleh pihak sekolah bagi mendorong ke arah penerapan amalan prinsip Rukun Negara dalam kalangan murid?

Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman dan amalan murid terhadap konsep Rukun Negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pemilihan kajian kes kerana pengkaji hendak mengkaji amalan rukun Negara dalam kalangan murid Tahun 4 sahaja di sebuah sekolah dengan mendalam. Kajian ini juga menggunakan persampelan bertujuan. Peserta kajian terdiri daripada enam orang murid dan empat orang guru yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan, kajian ini menggunakan triangulasi kaedah. Kaedah yang digunakan ialah kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Ketiga-tiga instrumen ini digunakan untuk mendapatkan data mengenai pemahaman dan amalan Rukun Negara dalam kalangan murid Tahun 4 serta strategi yang dilaksanakan oleh pihak sekolah ke arah penerapan Rukun Negara.

Dapatan Kajian

1. Pemahaman Terhadap Konsep Amalan Rukun Negara

Pengkaji telah memberikan lembaran kerja berkaitan Rukun Negara bagi menguji pemahaman peserta kajian. Dapatan menunjukkan peserta kajian dapat menjawab soalan berkaitan dengan Rukun Negara dengan tepat. Jadual 1 menunjukkan tema-tema tentang pemahaman peserta kajian terhadap prinsip Rukun Negara yang pertama.

Jadual 1

Tema Pemahaman Konsep Rukun Negara

Perkara	Tema Pemahaman
Tujuan Rukun Negara	<ul style="list-style-type: none">Menyatupadukan rakyat
Kepercayaan Kepada Tuhan	<ul style="list-style-type: none">Mempercayai kewujudan TuhanMenghormati agama sendiri dan orang lain

Jadual 1 menunjukkan dua tema utama pemahaman terhadap Kepercayaan Kepada Tuhan iaitu (1) Mempercayai kewujudan Tuhan dan (2) Menghormati agama sendiri dan orang lain. Berikut adalah transkrip temu bual dengan peserta kajian. Menurut peserta kajian (PK1):

“Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan yang kukuh.”

Dapatan kajian mendapati murid menunjukkan pemahaman yang mendalam terhadap prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu Kepercayaan kepada Tuhan seperti rumusan dapatan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Tema pemahaman terhadap prinsip Rukun Negara yang kedua.

Perkara	Tema Pemahaman
Kesetiaan kepada Raja dan Negara	Kepentingan menghormati Raja

Dapatan temu bual telah menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai semangat setia kepada Raja dan Negara. Ini kerana murid menjelaskan bahawa kita tidak boleh menghina Raja kerana Raja adalah pemimpin negara (PK2). Peserta kajian turut menyatakan bahawa Raja adalah ketua agama Islam (PK6). Ini menunjukkan bahawa murid-murid memahami konsep Kesetiaan Kepada Raja dan Negara.

Dapatan temu bual dibahagikan kepada beberapa tema untuk menunjukkan pemahaman terhadap prinsip Rukun Negara yang ketiga. Jadual 3 merupakan tema pemahaman.

Jadual 3

Tema Pemahaman bagi Prinsip Rukun Negara yang Ketiga

Perkara	Tema Pemahaman
Keluhuran Perlembagaan	<ul style="list-style-type: none">• Bahasa kebangsaan adalah bahasa Malaysia.• menghormati dan bangga berbaasa Malaysia
Keluhuran Perlembagaan	<ul style="list-style-type: none">• Agama rasmi adalah agama Islam
Keluhuran Perlembagaan	<ul style="list-style-type: none">• Hak kebebasan asasi

Jadual 3 menunjukkan tema pemahaman terhadap temu bual. Tiga tema utama pemahaman terhadap Keluhuran Perlembagaan ialah (1) Bahasa kebangsaan, (2) Agama rasmi dan (3) Hak kebebasan Asasi. Hasil temu bual mendapati bahawa murid-murid mengetahui perkara asas yang terdapat dalam perlembagaan.

Selain itu, dapatan kajian mendapati bahawa murid sedar akan kepentingan mematuhi undang-undang yang terdapat di Malaysia. Peserta kajian menjelaskan bahawa negara akan aman dan makmur sekiranya kita mematuhi undang-undang yang terdapat di negara kita (PK1). Mematuhi undang-undang juga akan dapat mengurangkan jumlah penjenayah di Malaysia (PK3) dan mengelakkan negara menjadi kucar kacir (PK6).

Bagi prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan, dapatan kajian mendapati peserta kajian faham bahawa mereka harus bersopan santun dengan semua orang (PK1) walaupun berlainan agama. Perbuatan bersopan santun juga adalah penting supaya tidak berlaku pertelingkahan antara bangsa dan agama (PK4).

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Rohaizahtulamni, Sarjit dan Ahmad Tarmizi (2013) dalam "Pemahaman dan Penghayatan Rukun Negara Dalam Kalangan Belia Bandar Di Semenanjung Malaysia, yang menunjukkan bahawa belia Melayu lebih memahami Rukun Negara berbanding kaum lain. Ini menunjukkan perbezaan dalam dapatan kajian pengkaji kerana kesemua peserta kajian yang terdiri daripada pelbagai kaum menunjukkan pemahaman terhadap Rukun Negara.

2. Amalan Rukun Negara dalam kalangan Murid Tahun 4


Dapatan kajian mendapati bahawa murid mengamalkan kelima-lima prinsip Rukun Negara. Jadual 4 merupakan rumusan kepada tema tindakan amalan Rukun Negara. Keupayaan peserta kajian mengkaitkan dengan pemahaman tentang kelima-lima prinsip Rukun Negara dengan amalan seharian adalah sesuatu dapatan yang membanggakan. Di antara dapatan amalan yang dilakukan oleh peserta kajian berkaitan dengan kepercayaan kepada Tuhan ialah solat, bersedekah dan beribadat mengikut agama masing-masing. Amalan berkaitan dengan kesetiaan kepada raja dan negara pula ialah menegur rakan yang menghina Raja, dan perlu menghormati Institusi Beraja. Selain itu, dapatan juga menunjukkan amalan seperti berkomunikasi menggunakan Bahasa kebangsaan sebagai tindakan menghormati keluhuran perlembagaan, dan memahami kepelbagaian kaum dan agama dalam sekolah. Selain itu, terdapat amalan seperti mematuhi peraturan sekolah dan menyedari kepentingan mematuhi peraturan sekolah sebagai tindakan terjemahan daripada rukun Negara Kedaulatan undang-undang. Begitu juga bersikap sopan merupakan amalan berkaitan dengan kesopanan dan kesusilaan.

Jadual 4

Tema tindakan bagi kelima-lima prinsip Rukun Negara

Rukun Negara	Amalan Rukun Negara
Kepercayaan kepada Tuhan	Solat Bersedekah, Beribadat ikut agama masing-masing
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara	Menegur rakan yang menghina Raja. Menghormati Institusi Beraja
Keluhuran perlembagaan	Berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan Memahami kepelbagaian kaum dan agama dalam sesebuah sekolah
Kedaulatan Undang-undang	Mematuhi peraturan sekolah Menyedari kepentingan mematuhi peraturan sekolah
Kesopanan dan Kesusilaan	Mengamalkan sikap bersopan santun

Apabila mereka menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara yang pertama, mereka akan menghormati perbezaan agama dan kepercayaan rakan mereka. Rajah 1 menunjukkan amalan yang diamalkan oleh murid. Contohnya murid akan menjaga nama baik negara. Malah murid akan bersatu padu dengan semua rakan tanpa mengira kaum dan agama. Ini menunjukkan bahawa murid tersebut akan mengamalkan prinsip Kesetiaan Kepada Raja dan Negara.



Rajah 1: Lembaran kerja murid.

Amalan yang dilakukan oleh peserta kajian bagi Prinsip Rukun Negara kedua adalah (1) menegur rakan yang menghina Raja dan (2) menghormati Institusi Beraja. Kenyataan ini disokong dengan data temu bual. Menurut peserta kajian (PK1):

“Ya. Yang saya tahu adalah bahasa Melayu bahasa kebangsaan walaupun saya cina saya pandai menurut bahasa melayu dengan semua orang.”

Berdasarkan temu bual, jelaslah bahawa peserta kajian tersebut mengamalkan prinsip Rukun Negara yang ketiga dalam kehidupan harian. Murid-murid menggunakan bahasa Melayu dalam percakapan harian mereka di sekolah tanpa mengira kaum dan agama.

Dapatan kajian telah mendapati murid-murid mematuhi peraturan yang terdapat di sekolah. Contohnya adalah berbaris ketika membeli makanan dan mendengar arahan guru. Perbuatan mematuhi peraturan yang terdapat di sekolah menunjukkan bahawa murid mengamalkan prinsip Kedaulatan Undang-undang.

Amalan yang ditunjukkan oleh peserta kajian adalah mengamalkan sikap bersopan santun seperti bersalam, mengucapkan selamat pagi (PK1), menolong cikgu, senyum dan menghormati cikgu (PK2). Berikut merupakan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian.

“Contoh perbuatan sopan ialah menolong cikgu, senyum, menghormati cikgu.”

“Contohnya bersalam dengan cikgu mengucapkan selamat pagi.”

Berdasarkan temu bual dengan PK1 dan PK2, pengkaji mendapati mereka mengamalkan perbuatan yang sopan seperti menolong guru, senyum, menghormati guru, bersalam dengan guru dan mengucapkan selamat pagi.

Dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan dengan kajian Abdul Rahman (2010) yang menjelaskan bahawa terdapat beberapa isu yang menunjukkan bahawa masyarakat pada masa kini kurang mengamalkan Rukun Negara dalam kehidupan harian mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa peserta kajian pengkaji iaitu murid Tahun 4 mengamalkan kelima-lima prinsip Rukun Negara dan berbeza dengan dapatan kajian Abdul Rahman (2010) yang menyatakan generasi muda kurang penghayatan dan tidak mengamalkan Rukun Negara dalam kehidupan harian mereka.

3. Strategi Penerapan Amalan Rukun Negara

Antara strategi yang dapat dilihat adalah mewujudkan sudut Rukun Negara. Sudut Rukun Negara diwujudkan untuk memberi pendedahan kepada murid-murid mengenai amalan Rukun Negara. Pihak sekolah telah melaksanakan pelbagai program keagamaan. Contohnya program seperti solat hajat, *prayer for intention*, sambutan Maal Hijrah dan bacaan Yassin pada setiap hari Jumaat. Kesemua program tersebut adalah untuk menerapkan prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Selain itu, pihak sekolah turut mengadakan lawatan ke Astana. Astana merupakan tempat kediaman rasmi Yang Di-Pertua Negeri Sarawak. Pihak sekolah juga telah mengadakan sambutan Bulan Kebangsaan. Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang sambutan Bulan Kebangsaan. Fokus utama dalam sambutan Bulan Kebangsaan adalah pertandingan deklamasi sajak patriotik dalam bahasa Melayu. Hal ini adalah aktiviti tersebut berkaitan dengan prinsip Rukun Negara yang ketiga iaitu Keluhuran Perlembagaan. Seterusnya, pihak sekolah mengadakan program Perangi Dadah. Program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada murid-murid bahawa melibatkan diri dengan dadah adalah satu kesalahan dari segi undang-undang. Bagi prinsip Rukun Negara kelima, pihak sekolah tidak mengadakan sebarang aktiviti atau program yang berkaitan dengan Kesopanan dan Kesusilaan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan peserta kajian memahami dan mengamalkan kelima-lima prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian mereka. Pihak sekolah telah mengadakan pelbagai aktiviti atau program ke arah penerapan Rukun Negara dalam kalangan murid Tahun 4. Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengkaji menyenaraikan tiga cadangan penambahbaikan. Antara cadangan yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah mewujudkan kelab Rukun Negara, mengadakan kempen Cintai Bahasa Melayu dan melaksanakan kempen Budi bahasa Budaya Kita. Cadangan bagi kajian lanjutan pula adalah menganalisis faktor-faktor ke arah penerapan

Rukun Negara. Hal ini kerana kajian ini tidak mengkaji faktor luaran yang boleh mempengaruhi amalan Rukun Negara dalam kalangan murid. Faktor luaran yang dimaksudkan adalah seperti ibu bapa, masyarakat, pihak kerajaan dan pihak swasta. Terdapat beberapa implikasi kajian ini kepada pihak sekolah dan murid. Antaranya adalah menunjukkan bahawa murid memahami dan mengamalkan Rukun Negara dalam kehidupan harian. Implikasi kajian juga telah menunjukkan bahawa pihak sekolah sememangnya telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang boleh menjurus kepada penerapan amalan Rukun Negara dalam kalangan murid sekolah.

Rujukan

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010) *Rukun Negara Dalam Memperkukuhkan Ketahanan Negara*. Political Managements and Policies in Malaysia.
- Ishak Sairozi (2018), *Malaysia Kini, Pabila Rukun Negara Diabaikan* Malaysia Kini. <https://www.malaysiakini.com/letters/409978>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran*. Sejarah Tahun 4.
- Rohaizatulamni Radzlan, Sarjit S. Gill & Ahmad Tarmizi Talib (2013). *Pemahaman dan Penghayatan Rukun Negara Dalam Kalangan Belia Bandar Di Semenanjung Malaysia*. Selangor: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Shaiful Harmoni (2016) *Rukun Negara Semakin Dilupakan*. Utusan Online http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1218&pub=Utusan_Malaysia

PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH : SATU KAJIAN KES

MUHAMMAD HAZIQ BIN MANG
haziq.sejarah2015@ipgkbl.com

ABSTRAK

Pembelajaran koperatif merupakan satu set proses yang membantu pelajar berinteraksi antara satu sama lain untuk mencapai satu matlamat khusus atau mendapatkan satu hasil akhir yang berkaitan dengan isi kandungan sesuatu matapelajaran. Kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan kaedah koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah serta respon murid terhadap kaedah yang digunakan oleh guru. Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif iaitu kajian kes. Kajian ini mendapati kedua-dua peserta kajian iaitu guru Sejarah masing-masing menjalankan kaedah pembelajaran koperatif jenis *Rally Robin*, *Inside-Outside Circle*, *Mix and Match*, *Puzzle* dan main peranan dalam PdP Sejarah. Pembelajaran koperatif mempengaruhi respon murid terhadap PdP yang dijalankan oleh guru seperti memberi keseronokkan, menunjukkan minat, terlibat secara aktif, bekerjasama dalam kumpulan dan membimbing rakan dalam proses PdP. Kesimpulan kajian mempengaruhi guru untuk mempelbagaikan kaedah pembelajaran untuk diaplikasikan di dalam atau luar bilik darjah selain daripada menggunakan pendekatan tradisional dalam PdP Sejarah.

KATA KUNCI : Pembelajaran abad ke-21, pembelajaran koperatif, mata pelajaran Sejarah, *Rally Robin*, *Inside-Outside Circle*, *Mix and Match*, *Puzzle*.

ABSTRACT

Cooperative learning can be defined as a set of purposes which enables students to interact with their peers to achieve one specific goal or to obtain the final result related to the content of the particular subject. This research is intended to study the impact of cooperative method in teaching and learning of History subject as well as analysing the student's response towards the methods used by the teacher. From this research, it was found out that the cooperative learning method used by the teacher triggers the participants in a way that they respond positively by showcasing interest, showing active participation and able to work collaboratively within group activities as well as being able to guide their peers in their learning. It can be concluded that this research also benefits the teacher in a way that it enables the teacher to use a variety of approaches in the teaching that can be implemented inside and outside the classroom in terms of the teaching and learning of the History subject.

KEYWORDS: 21st century learning, cooperative learning, History subject, *Rally Robin*, *Inside –Outside Circle*, *Mix and Match*, *Puzzle*.

Pengenalan

Kemahiran abad ke-21 adalah kemahiran pembelajaran yang diperlukan oleh pelajar untuk berdaya saing pada melenium baru. Aspek yang menjadi perhatian ialah pedagogi yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut Azizi Yahya et.al (2011), Pembelajaran Koperatif merupakan satu strategi pengajaran umum yang boleh digunakan oleh guru. Ia merupakan satu pendekatan yang baik dan perlu digunakan di dalam proses PdP. Pembelajaran Koperatif meliputi salah satu aspek daripada kemahiran dalam PAK-21 iaitu dalam kemahiran kolaboratif. Dalam kemahiran kolaboratif ada menyatakan tentang pembelajaran secara kolaboratif iaitu secara berpasangan atau kumpulan. Perkara ini merujuk kepada pembelajaran berpusatkan murid iaitu melalui pembelajaran dalam kumpulan (koperatif). Menurut Slavin (1982), Pembelajaran Koperatif merujuk kepada kaedah pengajaran yang

memerlukan murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama.

Pernyataan Masalah

Menurut Abdul Razak & Asmah (2010), guru di sekolah masih lagi mengamalkan pembelajaran pemusatan guru. Pembelajaran ini menekankan guru sebagai sumber dan penyampai maklumat dalam PdP. Hanya berlaku komunikasi sehalu kerana tidak berlaku komunikasi antara murid dengan guru dan murid dengan murid. Selain itu, guru yang tidak menguasai pedagogi pengajaran dan pembelajaran cenderung menggunakan kaedah tradisional sebagai medium utama pengajaran dan pembelajaran. Ini disokong oleh Nik Ahmad (2015) yang menyatakan bahawa pelajar mudah berasa bosan apabila guru mengamalkan pengajaran sehalu yang langsung tidak memberi peluang kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat mereka. Perkara ini sekaligus membantutkan perkembangan kemahiran abad ke-21 yang sentiasa dititikberatkan oleh KPM.

Menurut Salleh (2005), ketidakupayaan pelajar dalam menguasai pengetahuan secara berterusan dan memahami topik-topik yang telah dipelajari adalah disebabkan oleh proses pembelajaran yang tidak melibatkan pelajar secara aktif. Pelajar-pelajar yang terlibat secara aktif dalam komuniti pelajar dapat menguasai pengetahuan secara berterusan. Maka satu kaedah yang dikenalpasti bagi menyediakan peluang kepada untuk memaksimumkan pembelajaran mereka adalah melalui pembelajaran kooperatif Bhavani dan Zamri (2017). Ini disokong oleh Saifulnizam dan Faridah (2017) yang mengatakan, melalui strategi-strategi pembelajaran kooperatif, murid-murid yang dahulunya tidak menunjukkan minat dalam pembelajaran menjadi lebih bersemangat dalam melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran sehingga motivasi mereka terhadap pembelajaran terus meningkat. Justeru, kajian ini dibuat bagi mengkaji pelaksanaan kaedah kooperatif dan tindak balas murid terhadap kaedah kooperatif.

Objektif Kajian

1. Mengkaji pelaksanaan Pembelajaran Kooperatif oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sebuah sekolah di Kuching.
2. Mengkaji tindak balas murid terhadap pelaksanaan Pembelajaran Kooperatif.

Soalan Kajian

1. Adakah pembelajaran kooperatif dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah?
2. Apakah tindak balas murid terhadap pendekatan kooperatif yang dilaksanakan oleh guru di sekolah?

Metodologi

Reka bentuk kajian

Menurut Yin (2009), kajian kes sesuai digunakan dalam unit yang kecil seperti sekolah, institusi atau unit sosial yang kompleks secara keseluruhan dan mendalam. Oleh itu, pengkaji memilih kaedah kualitatif reka bentuk kajian kes kerana lokasi kajian tertumpu di sebuah sekolah sahaja. Menurut Cresswell (2004), kajian yang mengkhusus kepada satu lokasi secara mendalam merupakan kajian kes. Selari dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu dilakukan ke atas sebuah sekolah sekitar Kuching. Menurut Othman Lebar (2014) kajian kes dijalankan oleh penyelidik untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes, bukan menguji sesebuah kes. Melalui kajian kes, pengkaji mendapatkan maklumat terperinci

berkaitan tajuk kajian yang telah dipilih untuk dijalankan kajian. Penggunaan kaedah kajian kes membolehkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat atau data yang penting dan terperinci tentang permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji (Creswell, 2007). Kaedah pengumpulan data dibuat melalui instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data kajian dikumpulkan menggunakan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen (Merriam, 2001). Reka bentuk kajian kes menggunakan kaedah temu bual secara mendalam bagi mendapatkan sesuatu gambaran berkenaan sesuatu kejadian.

Peserta Kajian

Peserta kajian dipilih dengan menggunakan kaedah Persampelan Bertujuan. Menurut Fraenkel dan Walen, (2007), persampelan ini amat sesuai digunakan dalam kajian kes. Menurut Chua Yan Piaw (2006), persampelan bertujuan ini merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji. Oleh itu, peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, dua orang guru Sejarah dan 12 orang murid telah dipilih sebagai peserta kajian. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut;

- i. Guru Sejarah yang telah mengajar lebih dari tiga tahun.
- ii. Guru Sejarah yang pernah menghadiri kursus atau bengkel PAK-21.
- iii. Latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda.
- iv. Murid yang diajar oleh peserta kajian.

Instrumen Kajian

Kaedah pengumpulan data dibuat melalui instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data kajian dikumpulkan menggunakan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen (Merriam, 2001). Reka bentuk kajian kes menggunakan kaedah temu bual secara mendalam bagi mendapatkan sesuatu gambaran berkenaan sesuatu kejadian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah temubual bersama dua orang peserta kajian dan peserta kajian terdiri daripada murid. Temubual diadakan secara tidak berstruktur untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan pembelajaran koperatif dan tindak balas murid terhadap Pembelajaran Koperatif. Selain itu, instrumen pemerhatian seperti catatan nota lapangan digunakan untuk proses pemerhatian PdP bagi peserta kajian A,B dan C. Akhir sekali, analisis dokumen terhadap Rancangan Pengajaran Harian (RPH) peserta kajian A dan B seterusnya lembaran kerja murid peserta kajian C dianalisis bagi mendapatkan data kajian.

Dapatan dan Perbincangan

1. Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif guru Sejarah

Jadual menunjukkan rumusan kepada pola amalan yang diperoleh hasil daripada temu bual bersama peserta kajian. Tema yang diperoleh menunjukkan peserta kajian melaksanakan pembelajaran koperatif beserta jenis-jenis koperatif yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Kategori seperti perbincangan kumpulan, kerja berkumpulan dan berpusatkan murid telah menunjukkan bahawa peserta kajian telah melaksanakan pembelajaran koperatif. Kategori seperti interaksi dan komunikasi serta kerjasama dalam kumpulan telah mengukuhkan lagi dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji. Hasil daripada temu bual juga menunjukkan jenis pembelajaran koperatif yang telah digunakan oleh peserta kajian. Antara jenis pembelajaran koperatif yang telah digunakan oleh peserta kajian ialah seperti *Rally Robin*, *Inside-Outside Circle*, *Mix and Match*, *Puzzle*, *Round Table*, Perbincangan Kumpulan dan Main peranan. Jenis-jenis koperatif ini digunakan

dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran Sejarah

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa peserta kajian ada melaksanakan Pembelajaran Koperatif dalam PdP Sejarah. Transkripsi temu bual di bawah menunjukkan Pembelajaran Koperatif dan jenis yang dilaksanakan oleh guru Sejarah. Transkrip temu bual dianalisis dengan cara mengenal pasti pola amalan seperti kerja berkumpulan, berpusatkan murid dan komunikasi. Temu bual bersama peserta kajian mendapati pelaksanaan Pembelajaran Koperatif dan jenis yang digunakan dalam proses PdP Sejarah. Peserta Kajian A (PKA) menyatakan bahawa Pembelajaran Koperatif dan jenis yang telah dilaksanakan.

Menurutnya:

“Ada digunakan kaedah pembelajaran koperatif ni. Jenis yang biasa digunakan ialah ‘Rally Robin’ atau ‘Round Robin’ dan satu lagi... ‘Think, Pair and Share’ yang biasa digunakan yang pernah diamalkan. Yang paling kerap digunakan ialah ‘Round Robin’. Haaa...saya hampir terlupa, dulu saya ada menjalankan pembelajaran luar bilik darjah (PLBD) bagi matapelajaran Sejarah. Saya menggunakan koperatif jenis ‘Inside-Outside Circle’ dalam aktiviti pembelajaran tersebut...” (PKA)

Proses pemerhatian PdP ke atas PKA telah dijalankan sebanyak empat kali. Pemerhatian mendapati PKA melaksanakan tiga jenis Pembelajaran Koperatif. Jenis Pembelajaran Koperatif yang dilaksanakan seperti *Round Robin*, *Inside-Outside Circle* dan main peranan.

Bagi Peserta Kajian B (PKB), dapatan yang sama turut diperoleh iaitu melaksanakan beberapa jenis Pembelajaran Koperatif. Menurutny:

“Lebih kurang kepada aktiviti ‘Rally Table’ atau ‘Round Table’... untuk tahun 5 saya selalu melaksanakan jenis ‘Mix and Match’, dan juga ‘Puzzle’ secara berkumpulan. Khususnya bagi topik Bendera Kita iaitu Jalur Gemilang. Seronok mereka menyusun puzzle dan melekatkan maksud tu.” (PKB)

Pemerhatian PdP ke atas PKB menyokong dapatan daripada temubual. Melalui dapatan tersebut, PKB melaksanakan pembelajaran koperatif jenis *Rally Robin*, *Mix and Match* dan *Puzzle* berkumpulan. Analisis dokumen daripada kedua-dua peserta kajian juga menunjukkan terdapat elemen PAK-21 yang digunakan seperti komunikasi, kolaborasi dan perbincangan kumpulan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian menjalankan Pembelajaran Koperatif dengan menggunakan beberapa jenis daripadanya. Perkara ini disokong melalui dapatan Roziyah Radhiah et.al (2017) yang menyatakan pembelajaran koperatif dilaksanakan dalam mengajar karangan mata pelajaran Bahasa Melayu.

2. Tindak balas murid terhadap pembelajaran koperatif

Hasil daripada temu bual bersama peserta kajian C (murid) mendapati beberapa tindak balas yang dihasilkan. Antaraya penerimaan murid dan tingkah laku positif yang dihasilkan. Transkrip temubual dianalisis dengan mengenalpasti pola perasaan seperti reaksi dan penerimaan murid. Peserta kajian C menyatakan mereka suka, minat, seronok dan tidak bosan terhadap pelaksanaan Pembelajaran Koperatif. Menurutny:

“Best... Seronok sangat. Cikgu. Kerja tak banyak. Kami banyak bincang kerja saja. Kalau main game macam susun ‘Puzzle’ dan lekat-lekat tu saya paling suka.” (PKC)

Dapatan temu bual juga dianalisis dengan mengenal pasti pola tingkah laku seperti kerjasama, tolong-menolong, tolak ansur dan terlibat secara aktif. Menurut PKC:

“Pergi lobi dan suruh kami sekelas buat 2 bulatan. 1 bulatan kecil. 1 lagi bulatan besar. Lepas tu suruh kami jawab soalan. Saya suka sebab aktiviti macam itu sebab kami semua boleh bermain sambil belajar dan bekerjasama.”

Proses pemerhatian dijalankan semasa proses PdP berlangsung. PKC menunjukkan tindak balas yang positif dalam pelaksanaan Pembelajaran Koperatif. Analisis pola perasaan mendapati peserta kajian C seronok, minat, gembira dan tidak bosan kepada pelaksanaan koperatif. Seterusnya analisis pola tingkah laku mendapati peserta kajian C menunjukkan sikap bekerjasama, tolak ansur, tolong menolong dan terlibat aktif dalam PdP. Analisis pemerhatian seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Analisis data Pemerhatian Terhadap Murid

Kategori	Tema
Best Seronok Tidak bosan Saya suka Minat	Pola Perasaan Minat
Murid aktif Murid bekerjasama Murid tolong-menolong Murid bermain sambil belajar Murid tolak ansur dalam kumpulan	Tingkhilaku Positif

Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya, peserta kajian A dan B ada melaksanakan Pembelajaran Koperatif. Dapatan ini telah menjawab soalan bagi objektif 1. Jenis pembelajaran koperatif yang digunakan seperti *Rally Robin, Round Robin, Round Table, Inside-Outside Circle, Mix and Match, Puzzle*, perbincangan dan main peranan. Melalui dapatan temubual, pemerhatian dan analisis dokumen dapat disimpulkan bahawa Pembelajaran Koperatif beserta jenis yang dilaksanakan oleh peserta kajian. Ini Terbukti melalui dapatan pemerhatian seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Analisis Data Pemerhatian Kaedah Koperatif Yang Digunakan Guru

Kategori	Tema
Perbincangan Kumpulan Kerja berkumpulan Interaksi dan Komunikasi Bekerjasama Berpusatkan Murid	Pola Amalan
Rally Robin Inside-Outside Circle Mix and Match Puzzle Round Table Main Peranan	Jenis Pembelajaran Koperatif yang digunakan

Hasil dapatan kajian oleh pengkaji juga menunjukkan peserta kajian terlibat secara aktif dalam PdP yang menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif. Keterlibatan peserta kajian dalam sesi PdP dilihat melalui penglibatan setiap kumpulan yang dibentuk oleh guru untuk menjayakan PdP pada hari tersebut. Wujud interaksi antara guru dan peserta kajian dan sesama mereka sendiri. Melalui pelaksanaan pembelajaran koperatif, dilihat peserta menunjukkan minat mereka terhadap PdP Sejarah yang dianjurkan oleh guru.

Selain itu, menurut Zahara Aziz & Suzela Bustam (2011), yang menyatakan pergantungan positif, pelajar dapat berkomunikasi, berinteraksi dan saling membantukan dalam menyelesaikan masalah pembelajaran. Pembelajaran Koperatif mewujudkan komunikasi dan interaksi dalam kalangan murid. Seterusnya, dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat Saifulnizam dan Faridah (2017) yang mengatakan Melalui strategi-strategi pembelajaran koperatif, murid-murid yang dahulunya tidak menunjukkan minat dalam pembelajaran menjadi lebih bersemangat dalam melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran sehingga motivasi mereka terhadap pembelajaran terus meningkat. Tingkah laku positif yang terhasil ini berlaku disebabkan penglibatan peserta kajian dalam aktiviti PdP secara berkumpulan. Dapatan ini selari dengan pendapat Bhavani Somasundram dan Zamri Mahamod (2017), yang berpendapat pembelajaran koperatif dilihat sebagai satu jambatan dalam aspek pengkaedahan yang dapat menerapkan nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab, hormat dan bekerjasama dalam kalangan murid.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Abd Rahman et.al (2014) dalam satu kajian tentang Pengajaran Koperatif dalam pengajaran Karangan Bahasa Melayu Menengah Atas menyatakan guru melaksanakan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan. Dalam dapatan tersebut, beliau ada menyatakan jenis-jenis kopeartif yang digunakan. Rata-rata peserta kajian sangat kerap melaksanakan lima pembelajaran koperatif iaitu Kaedah *Round Table*, Kaedah *Think Pair Share*, Kaedah *Think Pair Square*, Kaedah *Team Present to Other Team* dan Kaedah *Round Robin*. Ini menunjukkan guru menggunakan Pembelajaran Koperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Cadangan dan Implikasi

Antara langkah yang boleh diambil ialah menyediakan kursus yang mantap kepada guru-guru Sejarah. Kursus pedagogi perlulah rapi dan terancang agar latihan yang diberikan memberikan keyakinan kepada guru Sejarah untuk megaplikasikannya.

Pihak berwajib seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mesti berperanan melatih guru secara berterusan. Hal ini selari dengan Anismazini (2014) bahawa. Seterusnya, semua guru harus diberi peluang untuk menyertai kursus tersebut secara serentak atau bergilir-gilir. Menurut Kalsom (2008) senario di sekolah ialah sekolah menghadapi cabaran baru kepada penguasaan kemahiran-kemahiran guru. Kemahiran-kemahiran ini ialah seperti penggunaan teknologi maklumat dan komputer yang meluas, begitu juga perubahan-perubahan dalam perancangan kurikulum. Oleh itu, latihan dalaman merupakan jawapan kepada cabaran-cabaran tersebut. Begitu juga bagi meningkatkan kemahiran guru-guru baru malah kepada guru-guru yang telah lama bertugas pula bagi mendapatkan info baru, maka sesi latihan dalaman hendaklah diadakan sepanjang tahun.

Guru Sejarah abad ke-21 perlu menguasai subjek, pedagogi dan mahir menggunakan kemahiran literasi maklumat seperti ICT untuk mencari maklumat bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan bermakna kepada murid. Bagi memastikan kejayaan pelajar, guru harus bersedia untuk belajar secara berterusan (Rosnah, Muhammad Faizal dan Saedah Siraj, 2013; Ash & Persall, 200 dalam Norashikin, Ramli dan Foo say (2015). Di samping itu, guru juga perlu memiliki kesungguhan untuk belajar, sentiasa merefleksi diri, cuba mengaplikasi pengetahuan baharu dan berani mengambil inisiatif dan risiko dengan melakukan inovasi (Rosnah et.al, 2013). Hal ini selari dengan pandangan Rohaty (2007) dalam Ali (2002) menyatakan guru yang dikatakan berkesan menguasai subjek-subjek yang diajarnya menguasai subjek bererti menguasai konsep-konsep, teori-teori, prinsip-prinsip, fakta-fakta dan skema-skema dalam disiplin yang diajar. Hal ini selari dengan Munirah, Abdul Razak dan Noria (2015) kepelbagaian teknik pengajaran akan membangkitkan perasaan positif murid terhadap pembelajaran.

Kesimpulan

Kesimpulan dari dapatan kajian menunjukkan guru ada melaksanakan Pembelajaran Koperatif dalam PdP Sejarah. Jenis yang digunakan seperti *Rally Robin*, *Round Robin*, *Round Table*, *Inside-Outside Circle*, *Mix and Match*, *Puzzle* dan main peranan. Dapatan ini juga menunjukkan tindak balas murid terhadap pelaksanaan Pembelajaran Koperatif. Tindak balas murid seperti penerimaan dan juga tingkah laku positif yang dihasilkan seperti suka,seronok, minat, bekerjasama, tolong-menolong dan terlibat secara aktif dalam PdP guru Sejarah. Berdasarkan kepada kerangka konsep yang dibina, faktor rangsangan seperti kaedah pembelajaran memberi guru kesan kepada penerimaan dan tingkah laku murid dalam PdP Sejarah. Kajian ini, jelas menunjukkan pelaksanaan Pembelajaran Koperatif ini memberi kesan positif kepada penerimaan dan tingkah laku murid. diharapkan pada masa akan datang, guru akan memperhebatkan lagi penggunaan pembelajaran koperatif supaya memberikan kesan yang mendalam terhadap murid dan PdP Sejarah itu sendiri.

Rujukan

- Ahmad Mohamad, Rozhan M. Idrus & Abdul Rahman Othman. 1999. Penyampaian kursus dalam pendidikan jarak jauh: penggunaan program video tambahan. *Jurnal Pendidikan Jarak Jauh*, [Online]. 1(1), [Available from World Wide Web: <http://www.freewebs.com/mjdisted/pastissues.htm>]
- Anismazini, M. Z. (2014). Permainan bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab di sebuah sekolah rendah di Klang/Anismazini binti Mohd Zin (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Aziz, Z., & Bustam, S. (2011). Kesan Strategi Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Geografi Tingkatan Satu–Topik Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 1-10.

- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Baharuddin, M. H. B., Ahmad, A. R. B., & Yakub, N. M. Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Abad ke 21: Isu dan Cabaran. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 1, pp. 324-335).
- Creswell, J. W., Hanson, W. E., Clark Plano, V. L., & Morales, A. (2007). Qualitative research designs: Selection and implementation. *The counseling psychologist*, 35(2), 236-264.
- Kadir, S. A., Pihie, Z. A. L., Yaakub, N. F., Elias, H., & Tarmizi, R. A. (2006). Kesan Strategi Pembelajaran Koperatif terhadap Prestasi Pelajar dalam Pendidikan Perakaunan. *Jurnal Pendidikan*, 26, 37-61.
- Kalsom Saleh. (2008). Implikasi Latihan dalaman kepada guru-guru sekolah rendah. Tesis Sarjana Muda Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016), *Garis Panduan Sekolah Amanah*. Putra Jaya.
- Lebar, O. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan: teori dan amalan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Misri, S. B. (2014). *Keberkesanan Kaedah Koperatif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat*.
- Nik Ahmad N. N. A. (2015). *Pendidikan Kelas Abad Ke-21*. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur. Sinar Harian Sdn. Bhd Putrajaya. Yayasan Amir & LeapEd.
- Othman Lebar (2014). *Kajian Tindakan dalam Pendidikan: Teori dan Amalan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Razak, A. Idris and Nor Asmah, Salleh (2010) Pendekatan Pengajaran Yang Digunakan Oleh Guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik (Unpublished.). Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved: eprints. utm. my/11474.
- Rohaty Mohd Majzub, Maisarah Rais & Zahara Aziz. 2011. Perspective of Academically Successful Male Malaysian Students on Their Success. *World Applied Sciences Journal* 14:17-21. ISSN 1818-4952.
- Rosnah Binti Ishak, Muhammad Faizal Bin A. Ghani dan Saedah Siraj (2013) Amalan Pembelajaran dalam kalangan guru Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
- Rozita Radhiah & Abdul Rasid Jamian. 2012. Amalan pengajaran karangan guru cemerlang di dalam bilik darjah: kajian satu kes pelbagai lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 27: 51-68.
- Saifulnizam Zakaria dan Faridah Che In (2017). Keberkesanan kaedah pengajaran melalui pembelajaran koperatif: Satu kajian tindakan terhadap kursus Cost Management Accounting 2. In *e-Proceedings iCompEx17 Academic Paper*.
- Slavin, R.E (1990). "Cooperative Learning: Theory, Research and Practice". Massachusetts: Simon & Schuster Inc
- Bhavani Somasundram dan Zamri Mahamod (2017). Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian dan Motivasi Murid Sekolah Menengah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu (The Effectiveness of Cooperative Learning Towards Achievement and Students Motivation Secondary School in Malay Language Learning). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1),11-23.
- Yahaya, A., Yahaya, N., Hashim, S., Ramli, J., & Bahuri, I. S. (2011). Tinjauan Amalan Pembelajaran Koperatif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Maktab Rendah Sains MARA. *Sains Humanika*, 54(1).
- Zakariah, S. (2017, March). Keberkesanan kaedah pengajaran melalui pembelajaran koperatif: Satu kajian tindakan terhadap kursus Cost Management Accounting 2. In *e-Proceedings iCompEx17 Academic Paper*.

AMALAN DIMENSI KEWARGANEGARAAN (PERASAAN KEKITAAN) DALAM KALANGAN MURID DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH: SATU KAJIAN KES

HANNA CECELIA ANAK RAGIE

hanna.sejarah2015@ipgkbl.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan dimensi kewarganegaraan iaitu perasaan kekitaan dalam kalangan murid-murid Tahap 2 dan mengenal pasti pelaksanaan aktiviti sekolah yang mempengaruhi amalan tersebut. Dapatan kajian lepas menyatakan wujudnya masalah perkauman di sekolah dan sukar untuk membentuk perasaan kekitaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pengumpulan data dalam kajian ini diperolehi melalui kaedah temubual separa berstruktur, pemerhatian berstruktur dan analisis dokumen. Analisis data menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber. Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada murid-murid Tahap 2 yang dipilih secara rawak. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid di sekolah tersebut secara purata mengamalkan empat elemen perasaan kekitaan yang terkandung dalam Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP). Dapatan kajian juga menunjukkan amalan dan pelaksanaan aktiviti sekolah memberi kesan kepada penerapan elemen perasaan kekitaan dalam kalangan murid. Implikasi kajian memperlihatkan bahawa penerapan dimensi kewarganegaraan perasaan kekitaan memberi kesan terhadap perpaduan dan perasaan kebersamaan dalam kalangan murid.

Kata Kunci: dimensi kewarganegaraan, perasaan kekitaan, perpaduan, patriotisme

ABSTRACT

This research is done to study the practice of citizenship dimension, specifically the feeling of belonging among Year Two pupils and to identify the implementation of school activities which affected the practice. The past findings stated on the existence of racial problems in school which leads to difficulties in molding the feeling of belonging. This research is done using the qualitative approach and the research design used is case study. The data collection method for this research is in the form of semi-structured interview, structured observation and document analysis. Data analysis is done by using method triangulation and source triangulation. The respondents for his research are Year Two pupils and they were chosen randomly. The findings shows that pupils of the school on average practiced four elements of the feeling of belonging which were stated in the Standard Content and Assessment Document (DSKP). Other than that, the findings also shows that the school's practice as well as the implementation of the school's activity has affected the integration of feeling of belonging elements among pupils. The implication of this research shows that the integration of citizenship dimension, specifically the feeling of belonging has affected the unity and the feeling of togetherness among pupils.

Keywords: *citizenship dimension, feeling of belonging, unity, patriotism*

Pengenalan

Pendidikan sejarah digunakan untuk memupuk sifat-sifat positif dalam kalangan penduduk supaya kagum dengan bangsa dan sejarah negara sendiri (Mohd Samsudin & Shahrizan Shahrudin, 2012). Maka elemen kewarganegaraan diterapkan dalam kurikulum sejarah di sekolah rendah sejak tahun 2014 dalam usaha memupuk nilai patriotisme (Siti Hasnah Bandu, Mohd Mahzan Awang, & Abdul Razaq Ahmad, 2016). Selain itu, mata pelajaran Sejarah membentangkan pelbagai peristiwa dan fakta berkenaan permuafakatan pelbagai kaum pada waktu sebelum, semasa dan selepas

merdeka boleh membangkitkan semangat kebersamaan dalam kalangan setiap warganegara (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Pendidikan sejarah dilihat sebagai elemen penting untuk membentuk perasaan kekitaan. Oleh itu, amalan dimensi kewarganegaraan dalam kalangan murid telah dikaji dan kajian juga mengambil kira amalan sekolah yang memberi kesan kepada murid

Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Sejarah merupakan satu mata pelajaran baharu diperkenalkan di peringkat sekolah rendah sejak 2014 di mana pengenalan mata pelajaran ini bermatlamat untuk menerapkan pelbagai elemen sejarah khususnya dalam membentuk warganegara yang patriotik dan mempunyai semangat cinta akan negara yang tinggi. Hal ini kerana matapelajaran sejarah membangkitkan semangat kebersamaan dalam kalangan murid di negara kita (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Namun dewasa ini, kita sering mendengar tentang pertelingkahan kaum dalam kalangan murid yang berlainan kaum dan agama. Isu perkauman kini kadang-kadang dilihat menjadi bahan ejekan oleh para murid dalam bilik darjah (Suraya Wen, 2014). Ini turut disokong oleh (Hussein Ahmad & Haneza Ab. Hamid, 2015) di mana mereka mendapati bahawa masyarakat Malaysia semakin kurang penglibatan pasukan beruniform, sambutan bulan kemerdekaan yang agak hambar, penglibatan dalam jenayah jelas menunjukkan kurangnya perasaan kekitaan dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji amalan dimensi kewarganegaraan khususnya perasaan kekitaan dalam kalangan murid Tahap dua di sekolah rendah dan pelaksanaan aktiviti sekolah yang mempengaruhi amalan tersebut.

Objektif dan Soalan Kajian

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti amalan dimensi kewarganegaraan (Perasaan Kekitaan) dalam kalangan murid di sebuah sekolah rendah
2. Mengenal pasti aktiviti sekolah yang mempengaruhi amalan (Perasaan Kekitaan) dalam kalangan murid.

Soalan Kajian

1. Apakah amalan dimensi kewarganegaraan (Perasaan Kekitaan) dalam kalangan murid di sekolah?
2. Apakah aktiviti sekolah yang mempengaruhi amalan dimensi kewarganegaraan (Perasaan Kekitaan) dalam kalangan murid?

Metodologi

Secara khususnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kes kerana kajian ini bertujuan untuk meneroka secara jelas persoalan kajian (Yin, 2003). Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Peserta kajian dan lokasi kajian dipilih berdasarkan objektif dan soalan kajian yang telah ditetapkan. Peserta kajian terdiri daripada murid-murid Tahap 2 yang telah mempelajari mata pelajaran Sejarah. Pengumpulan data dibuat menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber. Pemerhatian dilakukan ke atas peserta kajian sebagai data utama dan ditriangulasi dengan temubual terhadap peserta kajian dan guru. Analisis dokumen terhadap laporan sekolah dilakukan untuk menyokong dapatan kajian.

Dapatan dan Perbincangan

Objektif 1: Mengenal pasti sejauh manakah amalan dimensi kewarganegaraan (Perasaan Kekitaan) dalam kalangan murid di sebuah sekolah rendah

Jadual 1 menunjukkan rumusan dapatan bagi objektif pertama iaitu amalan dimensi kewarganegaraan perasaan kekitaan dalam kalangan murid. Dirumuskan bahawa secara keseluruhannya murid mengamalkan kesemua elemen dalam dimensi kewarganegaraan perasaan kekitaan.

Jadual 1

Rumusan Dapatan Amalan Dimensi Kewarganegaraan Iaitu Perasaan Kekitaan Dalam Kalangan Murid

ELEMEN PERASAAN	TINGKAH LAKU KEKITAAN
Menghormati kaum	Begaul pelbagai kaum
Budaya dan Agama	Hormat amalan kaum lain seperti rakan beragama Islam tidak memakan khinzir Mengetahui amalan kaum lain Diam bila doa dibacakan Tiada masalah melakukan aktiviti kumpulan dalam kumpulan yang beragama berbeza
Berbangga dengan Hari Kemerdekaan	Penglibatan aktif dalam aktiviti kemerdekaan Gembira menyambut bulan kemerdekaan
Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan	Komunikasi guna BM dengan rakan sama Kaum Komunikasi guna BM dengan rakan lain kaum
Berbangga dengan Pencapaian Negara	Mengetahui tokoh negara Mengetahui pencapaian tertinggi tokoh negara Mengetahui perkembangan tokoh

Kajian mendapati bahawa murid di sekolah kebangsaan ABC mengamalkan amalan menghormati amalan pelbagai kaum, budaya dan agama. Pemerhatian merangkumi aspek pergaulan murid dengan rakan pelbagai kaum, pengetahuan murid tentang budaya rakan pelbagai kaum serta penerimaan mereka terhadap budaya dan agama rakan mereka. Pemerhatian dilakukan pada masa dan tempat yang berbeza untuk melihat pergaulan peserta kajian dalam kalangan rakan berlainan kaum kerana latar belakang sekolah yang terdiri daripada murid pelbagai kaum.

Peserta Kajian dilihat tidak memilih untuk berkawan sesama rakan satu kaum sahaja dan turut diperhatikan tingkah laku peserta kajian sama ada mereka menghormati amalan kaum lain terutamanya rakan di sekitar mereka. Pertuturan peserta kajian dengan rakan juga diambil kira sebagai pemerhatian di mana mereka tidak pernah menyentuh isu-isu sensitif sama ada dari sudut agama dan budaya rakan mereka. Selain itu, mereka tidak mempunyai masalah melakukan aktiviti kumpulan sama ada di bilik darjah mahupun di luar bilik darjah bersama-sama dengan rakan pelbagai kaum. Pola pemerhatian ini jelas menunjukkan bahawa peserta kajian mengamalkan pola menghormati amalan kepelbagaian kaum, budaya dan agama.

Namun terdapat kekerapan amalan yang berbeza berdasarkan pemerhatian yang dilakukan. Elemen yang pertama iaitu menghormati amalan kepelbagaian kaum, budaya dan agama dapat dilihat bahawa peserta kajian memenuhi tingkah laku bergaul dalam kalangan rakan pelbagai kaum dan menghormati amalan rakan mereka yang pelbagai kaum. Selain itu, mereka juga dilihat tidak mempunyai masalah untuk melakukan aktiviti kumpulan yang melibatkan pelbagai kaum. Seterusnya bagi elemen berbangga dengan hari kemerdekaan dapat dilihat bahawa penglibatan dalam kalangan murid adalah amat aktif dan dapat dilihat juga bahawa mereka gembira menyambut bulan kemerdekaan serta bersemangat mengibarkan bendera kebangsaan. Murid juga dilihat memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di mana mereka berkomunikasi sepenuhnya menggunakan Bahasa Melayu tanpa mengira rakan sama kaum atau berlainan kaum dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan utama. Akhir sekali bagi elemen berbangga dengan pencapaian negara yang difokuskan dalam bidang sukan memperlihatkan bahawa murid mengetahui tokoh negara dari latar belakang kaum yang berbeza malah mengetahui perkembangan serta pencapaian tertinggi mereka namun tidak semua murid mengetahui perkara tersebut.

Dapatan di atas ditriangulasikan dengan dapatan temu bual. Jadual 2 menunjukkan rumusan dapatan temu bual yang dijalankan. Beberapa tema menunjukkan dimensi kewarganegaraan (perasaan kekitaan) yang terdapat dalam kalangan murid di Sekolah ABC.

Objektif 2: Mengenal pasti aktiviti sekolah yang mempengaruhi amalan dimensi kewarganegaraan perasaan kekitaan dalam kalangan murid.

Jadual 2 menunjukkan secara rumusan bahawa sekolah menjalankan pelbagai aktiviti dalam usaha memupuk amalan dimensi kewarganegaraan iaitu perasaan kekitaan dalam kalangan murid. Bagi amalan menghormati kepelbagaian budaya dan agama, murid dilibatkan dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum seperti sukan sekolah, aktiviti kokurikulum yang melibatkan pelbagai kaum. Bagi elemen berbangga dengan hari kemerdekaan, secara keseluruhan sekolah melaksanakan bulan kebangsaan sepanjang bulan Ogos dan September dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan murid dan warga sekolah. Elemen memartabatkan bahasa Melayu pula dipupuk jelas dalam kebanyakan aktiviti sekolah. Sekolah sepanjang aktiviti menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar terutamanya semasa perhimpunan sekolah dan sukan sekolah. Pemupukan pula dikukuhkan dengan bulan bahasa Kebangsaan dan Program mingguan Bahasa Melayu melalui Bacaan Pagi yang menggalakkan lagi penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Akhir sekali, untuk elemen berbangga dengan pencapaian negara, pemupukan adalah melalui sukan sekolah dan bulan kebangsaan di mana guru menjadikan tokoh sebagai contoh dan sumber inspirasi murid. Maka murid secara tidak langsung mengetahui tentang pencapaian negara dalam bidang sukan khususnya.

Jadual 2

Rumusan Kajian aktiviti yang dilakukan oleh sekolah mempengaruhi amalan sekolah.

Elemen Perasaan	Aktiviti
Menghormati Amalan Kepelbagaian Kaum, Budaya Dan Agama	-Aktiviti pelbagai kaum - Sukan sekolah - Kokurikulum - Minggu Disiplin - Eco Fesyen - Amazing Green Race
Berbangga dengan hari kemerdekaan	-Bulan Kebangsaan -Sambutan Hari Kemerdekaan
Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan	-Bulan Bahasa Kebangsaan - Program mingguan Bahasa Melayu (Bacaan Pagi) - Sukan Sekolah - Perhimpunan
Berbangga dengan Pencapaian Negara	-Sukan Sekolah -Bulan Kebangsaan

Secara keseluruhan, dapat dilihat bahawa perasaan kekitaan ini merupakan salah satu amalan yang perlu diamalkan dalam kalangan murid. Menurut Mohd Rashid Mohd Idris (2013) menyatakan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah memberi kesedaran kepada murid untuk menggunakan Bahasa Melayu dengan betul dan akhirnya membentuk semangat patriotisme yang mana salah satu amalannya ialah perasaan kekitaan. Penglibatan murid dalam pelbagai aktiviti sekolah juga dilihat penting kerana hanya melalui toleransi dan kerjasama yang wujud dalam kalangan murid mereka tanpa sedar memupuk perasaan kebersamaan. Jelas menurut Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri &et.al (2014), menyatakan bahawa kehidupan masyarakat yang bersatu padu, harmoni, bertolak ansur, bekerjasama, bersefahaman dan bermuafakat merupakan asas kepada semangat kekitaan. Begitu juga kita melihat pencapaian negara itu satu pencapaian bersama terutamanya dalam bidang sukan dengan dasar sukan untuk perpaduan., Menurut Asmahanim Amir (2017), menyatakan bahawa melalui sukan pelajar mengenali erti perpaduanm, menghormati antara kaum malah sanggup membantu mempertahankan kedaulatan negara. Jelas bahawa dapatan kajian ini menunjukkan kesan positif dalam usaha memupuk perasaan kekitaan dalam kalangan murid di sekolah.

KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara rumusan kajian ini mendapati bahawa adalah penting untuk membentuk amalan perasaan kekitaan dalam kalangan murid terutamanya dalam membina semangat patriotisme sejak sekolah rendah lagi. Hal ini adalah salah satu usaha untuk membentuk murid yang cinta akan negara. Dapatan kajian jelas menunjukkan murid di sekolah

kajian mengamalkan amalan dimensi kewarganegaraan apabila mereka memenuhi tingkah laku yang ditetapkan dengan kekerapan yang berbeza bagi setiap elemen. Jelas bahawa penerapan dimensi kewarganegaraan dalam subjek sejarah ini relevan dengan keperluan pendidikan semasa (Mohd Samsudin & Shaharizan Shaharuddin, 2012). Kajian juga memperlihatkan bahawa aktiviti yang dilaksanakan oleh sekolah memberikan kesan terhadap pemupukan amalan murid di sekolah tersebut. Maka penting untuk sesebuah sekolah melakukan aktiviti yang memupuk elemen perasaan kekitaan dalam kalangan murid kerana menurut Latifah Abdul Majid & et.al, (2010) menyatakan bahawa pendidikan sering dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu ilmu dan juga penerapan nilai maka kualiti pendedahan peringkat awal menjadi asas kepada keseluruhan perkembangan yang akan datang. Oleh itu, sesebuah aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah perlu menerapkan semua elemen ini pada satu masa agar murid sentiasa sedar bahawa elemen tersebut adalah penting. Selain itu, penerapan oleh pihak sekolah dan guru juga adalah berkesan kerana murid menerima pembelajaran secara formal dan sistematik (Pusat Pembangunan Kokurikulum, 2005). Seterusnya untuk cadangan kajian masa depan dapat dilakukan kajian terhadap perbandingan antara sekolah luar bandar dan juga dengan bandar ataupun sekolah berbeza latar belakang murid seperti sekolah jenis kebangsaan dengan sekolah kebangsaan. Selain itu, kajian yang lebih mendalam juga dapat dilakukan terhadap sesuatu elemen secara lebih mendalam.

RUJUKAN

- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, Abdul Rahman Abdul Aziz, Sahahidan Shafie & Muhamed Nor Azman Nordin. (2014). *Laporan Akhir Kajian Terhadap Tahap Patriotisme dalam kalangan Belia Perak*. Perak: Universiti Utara Malaysia
- Asmahanim Amir. (2017. April. 19). Sukan Kukuhkan Perpaduan Kaum. Portal Berita Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses dari <http://www.ukm.my/news/Latest/News/sukan-kukuhkan-perpaduan-kaum/>
- Hussein Ahmad, & Haneza Ab. Hamid. (2015). Pengurusan Pembangunan Konsep Perpaduan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Kajian Di Klang, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan Bil 2, Isu 4*, 1-15.
- Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, & Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. (2010). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadari Special Edition*, 5165
- Mohamad Khairi Othman, & Asmawati Suhid. (2010). Penerapan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *Malim-SEA Journal of General Studies*, 117-130.
- Mohd Rashid Mohd Idris. (2013). Memartabatkan Bahasa Melayu melalui Pendidikan dan Mendepani Cabaran Globalisasi. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2017222
- Mohd Samsudin, & Shaharizan Shaharuddin. (2012). Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 116-141.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Nilai Merentas Kurikulum KBSR 1 KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia

Siti Hasnah Bandu, Mohd Mahzan Awang, & Abdul Razaq Ahmad. (2016). Penerapan Kompetensi Kewarganegaraan Dalam Kalangan Pelajar Pelbagai Etnik Peringkat Sekolah Menengah di Malaysia. *Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA 4)* (pp. 473-482). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Suraya Wen. (2014). *Kajian Mengenal Pasti Isu dan Punca Konflik yang Mempengaruhi Tahap Keharmonian Masyarakat di Malaysia Bagi Tahun 2011 dan 2012*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.

KEMAHIRAN KOLABORATIF DALAM PENGAJARAN GURU SEJARAH DAN PENERIMAAN MURID :KAJIAN KES DI SK ABC

NUR ATIQAH BINTI ALI

IPG Kampus Batu Lintang Kuching, Sarawak.

atiqah.Sejarah2015@ipgkbl.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penerapan kemahiran kolaboratif di dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah ABC dan penerimaan murid terhadap kaedah tersebut. Kajian lalu menunjukkan bahawa kaedah pengajaran guru bagi mata pelajaran Sejarah kurang menarik dan tidak menerapkan unsur kolaboratif dalam proses PdP. Ini menyebabkan murid kurang berminat terhadap mata pelajaran Sejarah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kes. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temu bual berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Analisis data menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang guru Sejarah dan enam orang murid yang diajar oleh peserta kajian. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kemahiran kolaboratif oleh guru bagi mata pelajaran Sejarah di sekolah ABC berada pada tahap sederhana namun penerimaan murid terhadap kemahiran kolaboratif adalah tinggi. Kesimpulan kajian menunjukkan wujud perbezaan antara penggunaan kemahiran kolaboratif oleh guru dan penerimaan murid terhadap kemahiran tersebut dalam mata pelajaran Sejarah. Implikasi kajian membuktikan bahawa guru dapat mempertingkatkan kualiti PdP dengan menggunakan kemahiran kolaboratif sekaligus meningkatkan penerimaan murid terhadap mata pelajaran Sejarah.

Kata kunci: *penggunaan kemahiran kolaboratif, penerimaan murid terhadap kemahiran kolaboratif*

Abstract

This study aims to identify the application of collaborative skills in the teaching of History subjects in ABC schools and the acceptance of pupils on such methods. From the literature review show that the method of teaching by the teacher for History subjects is less interesting and does not apply collaborative elements in the PdP process. This causes pupils to be less interested in History subjects. This study uses a qualitative approach that is case study. The data for this study were accumulated through structured interviews, observation and analysis of documents. Data analysis uses triangulation methods and source triangulation. The study participants consisted of three History teachers and six pupils. The findings show that the use of collaborative skills by teachers for History subjects at ABC schools is at a moderate level but pupil acceptance of collaborative skills is high. The conclusion of the study shows that there is a difference between the use of collaborative skills by teachers and pupils' acceptance of the skills in the History subject. The implication of the study proves that teachers can improve the quality of PdP by using collaborative skills as well as increasing pupils acceptance of History subjects.

Key words: *the use of collaborative skills, the acceptance of students towards collaborative skill*

PENGENALAN

Memupuk minda modal insan dengan memiliki mentaliti kelas pertama adalah satu daripada lima teras misi nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Mentaliti kelas pertama ini boleh dikaitkan dengan kemahiran, ketangkasan, ketepatan,

keberhasilan dan kreativiti dalam menyiapkan sesuatu kerja. Oleh itu, mentaliti kelas pertama ini sekaligus boleh dikaitkan dengan kemahiran 4C iaitu kemahiran kolaboratif, kritis, koperatif dan kreatif yang mesti dikuasai oleh murid. Maka dengan itu, dalam kajian kes ini akan menyentuh secara mendalam berkaitan dengan aspek kemahiran 4C yang kedua iaitu aspek kolaboratif. Smith and McGregor (1992) ada menjelaskan bahawa pembelajaran kolaboratif adalah satu istilah yang memayungi pelbagai pendekatan pembelajaran yang melibatkan usaha Intellect sesama murid atau murid-murid dengan guru.

PENYATAAN MASALAH

Dalam PdP abad ke-21 ini, amalan 4C bagi aspek kolaboratif seharusnya telah diimplimentasikan di sekolah-sekolah. Namun, masalah yang dapat dikenal pasti ialah kaedah pengajaran guru bagi mata pelajaran Sejarah masih kurang menarik dan tidak menerapkan unsur kolaboratif dalam proses PdP di dalam bilik darjah menyebabkan kurangnya penerimaan murid terhadap mata pelajaran Sejarah (Rafiza Abdul Razak, 2013). Padahal, persekitaran pembelajaran kolaboratif merupakan satu proses yang bukan sahaja membantu penglibatan aktif tetapi juga akan membantu murid meningkatkan keyakinan diri kerana ia berpotensi membentuk pembelajaran sendiri (independent learning) (Horbury, A., & Pears, H., 1994). Selain itu, Menurut Eow Yee Leng (2018), kemahiran 4C dan pembudayaan PAK-21 yang dilaksanakan adalah lebih baik daripada PdP yang bersifat konvensional. Dalam pembelajaran kolaboratif, tenaga pengajar dan murid memainkan peranan yang tertentu. Slavin (1990) menyatakan bahawa tulang belakang bagi pembelajaran kolaboratif ialah kesediaan murid untuk melibatkan diri secara aktif dan konstruktif. Justeru, kajian ini dibuat bagi mengkaji pelaksanaan kemahiran kolaboratif dalam pengajaran guru Sejarah dan penerimaan murid terhadap kaedah tersebut di sebuah sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti penggunaan kemahiran kolaboratif dalam PdP mata pelajaran Sejarah di dalam bilik darjah.
2. Mengenal pasti penerimaan murid terhadap kemahiran kolaboratif dalam pelaksanaan PdP Sejarah.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah kemahiran kolaboratif yang digunakan dalam PdP mata pelajaran Sejarah di dalam bilik darjah.
2. Bagaimanakah penerimaan murid terhadap kemahiran kolaboratif dalam pelaksanaan PdP Sejarah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Menurut Creswell (2007), reka bentuk kajian kes digunakan bersesuaian untuk menerokai bidang yang kurang diselidiki sebelum ini dan dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji. Data dikumpul melalui temubual berstruktur, pemerhatian berstruktur dan analisis dokumen bagi mengenal pasti penggunaan kemahiran kolaboratif dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah kebangsaan ABC. Pengkaji menggunakan triangulasi kaedah bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan bagi kajian ini. Data temubual ditriangulasikan dengan pemerhatian dan analisis dokumen. Peserta kajian ini dipilih dengan menggunakan persampelan kajian bertujuan. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang guru Sejarah iaitu guru major atau bukan major dalam mata pelajaran Sejarah dan enam orang murid Tahun 4 dan Tahun 5 yang diajar oleh peserta kajian. Instrumen temubual, pemerhatian dan analisis dokumen yang digunakan

melibatkan aspek pendekatan PdP guru, pengalaman, penggunaan kemahiran kolaboratif dalam bilik darjah dan penerimaan murid terhadap kemahiran ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

1. Penggunaan kemahiran kolaboratif guru dalam PdP Sejarah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian ada menggunakan kemahiran kolaboratif dalam PdP Sejarah di dalam bilik darjah. Ini dapat dibuktikan dengan kekerapan penggunaan yang berbeza-beza bagi setiap peserta kajian yang dipilih. Antara kekerapan yang dapat dikenal pasti ialah banyak, jarang, sekali sebulan dan tidak selalu. Selain daripada kekerapan penggunaan, jenis aktiviti yang melibatkan kemahiran kolaboratif seperti perbincangan kumpulan, pembentangan, aktiviti berpasangan, meneroka maklumat dan penghasilan buku skrap dapat dikenal pasti. Dapatan ini juga jelas menunjukkan dua elemen kemahiran kolaboratif yang dikaji ada dilaksanakan. Dua elemen tersebut ialah, elemen saling bergantung dalam satu kumpulan dan elemen kemahiran interpersonal dan berkumpulan dimana kedua-duanya terdapat empat item di dalamnya. Elemen-elemen dalam kemahiran kolaboratif adalah berdasarkan rujukan rubrik Kemahiran Kolaboratif Modul 7 bagi program Transformasi Sekolah 2025, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2018).

Dapatan kajian juga menunjukkan kedua-dua elemen ini dilaksanakan. Namun, bagi elemen kedua, hanya tiga item sahaja yang dilaksanakan. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan temubual bersama beberapa peserta kajian. Menurut peserta kajian A:

*“Ermmmm, **banyak sebenarnya**. Tapi berdasarkan aaaa tema dan tajuk. Macam tajuk awal-awal ni ada jugak gunakan. Contohnya untuk tajuk Sejarah cari maksud logo sekolah apa semua tu, mereka perlu **bekerjasama dengan kumpulan**, cari maksud, kena buat kajian kaedah-kaedah yang betul lah. Jadi secara langsung mereka secara kolaboratif lah. **Kerjasama**. Diterapkan terus”*

Menurut peserta kajian B dan C pula ialah:

*“Aaaa, **jarang lah**. Sebab aaaaa untuk kita satu minggu satu masa (sekali) jadi kita nak menghabiskan kurikulum jugak, dan kita nak membuat kolaboratif ini ia memakan masa. Mungkin dalam **sebulan sekali**. Macam tu lah.”*

TB02MS0306/03/19

*“**Tak juga selalu**. Kaedah kolaboratif tok kamek hanya molah **bila habis satu-satu bab**.”*

Jadual 1

Analisis pelaksanaan elemen 1 kemahiran kolaboratif peserta kajian A, B dan C sebanyak dua kali

	G1		G2		G3	
	Y	T	Y	T	Y	T
Elemen Saling bergantung dalam kumpulan. (4 item)						
1. Kerja sebagai satu pasukan	2	0	1	1	1	1
2. Membuat keputusan bersama	2	0	1	1	1	1
3. Kerjasama secara berpasangan	2	0	1	1	1	1
4. Semua ahli terlibat	2	0	1	1	1	1

Dapatan analisis borang pemerhatian di atas jelas menunjukkan bahawa guru ada menggunakan kemahiran kolaboratif semasa pelaksanaan PdP Sejarah di dalam bilik darjah. Elemen 1 kemahiran kolaboratif juga jelas dilaksanakan sepenuhnya bagi keempat-empat item apabila aktiviti yang melibatkan kemahiran kolaboratif digunakan.

Jadual 2 menunjukkan analisis pelaksanaan elemen 2 Kemahiran kolaboratif dalam kalangan peserta kajian.

Jadual 2

Analisis pelaksanaan elemen 2 kemahiran kolaboratif peserta kajian A, B dan C sebanyak dua kali

	G1		G2		G3	
	Y	T	Y	T	Y	T
Elemen Kemahiran interpersonal dan berkumpulan (4 item)						
1. Mempamerkan pemilikan bersama dan beberapa kemahiran interpersonal	2	0	1	1	1	1
2. Mendengar, berunding dan bersetuju dalam kerja kumpulan dengan berkesan	2	0	1	1	1	1
3. Mendengar, membimbing dan kerja berpasukan yang efektif	2	0	1	1	1	1
4. Idea dan kepakaran ahli digunakan secara maksimum	1	1	0	2	0	2

Bagi elemen yang kedua, melalui analisis borang pemerhatian di atas dapat dilihat dengan jelas bahawa daripada empat item di bawahnya, hanya tiga daripadanya yang dilaksanakan dengan baik. Item keempat bagi elemen kedua ini pula kurang dilaksanakan. Ini kerana melalui pelaksanaan PdP Sejarah menunjukkan murid dapat menjalankan aktiviti secara berkumpulan dengan baik. Namun, idea dan kepakaran ahli kumpulan tidak digunakan secara maksimum dan menyeluruh. Dapatan dari analisis dokumen juga turut menyokong dapatan yang diperolehi daripada proses temu bual dan pemerhatian.

Dokumen seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru telah dianalisis dan jelas menunjukkan bahawa kemahiran kolaboratif ada digunakan.

Keseluruhan dapatan kajian memperlihatkan bahawa guru mempunyai persepsi yang positif terhadap kemahiran kolaboratif. Ini dapat dilihat melalui dapatan temu bual dan hasil analisis borang pemerhatian serta dokumen. Namun, dapatan membuktikan tahap penggunaan kemahiran kolaboratif oleh guru adalah pada tahap yang sederhana. Hal ini disebabkan beberapa faktor seperti pendapat bahawa kemahiran kolaboratif ini memakan masa dan sukar untuk dilaksanakan kerana kekangan masa serta faktor kepentingan mata pelajaran.

Selain itu, setengah-setengah guru juga berpendapat bahawa kemahiran kolaboratif ini kurang sesuai untuk diterapkan secara kerap dalam proses PdP Sejarah di sekolah. Hal ini bertentangan dengan kajian Salimah Alias et.al.,(2013), yang menyatakan bahawa guru-guru bersetuju bahawa pembelajaran koperatif (salah satu kaedah yang menerapkan kemahiran kolaboratif) merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang dapat menghidupkan suasana yang menarik di dalam bilik darjah selain dapat membina sikap murid yang lebih positif dalam proses pembelajaran. Kajian Eow Yee Leng (2018) menyatakan bahawa kemahiran 4C dan pembudayaan PAK-21 yang dilaksanakan adalah lebih baik daripada PdP yang bersifat konvensional.

2. Penerimaan murid terhadap kemahiran kolaboratif dalam pelaksanaan PdP Sejarah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan murid terhadap kemahiran kolaboratif dalam pelaksanaan PdP Sejarah di dalam bilik darjah adalah baik. Ini dapat dibuktikan dengan pola perasaan dan minat serta pola tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid. Antara pola perasaan dan minat yang dapat dikenal pasti ialah **suka, seronok dan tidak bosan**. Pola tingkahlaku yang dikenal pasti pula ialah murid lebih cenderung untuk **bekerjasama, berbincang, tolong-menolong, memberi tumpuan** dan memperlihatkan **penglibatan yang aktif** dalam pelaksanaan aktiviti PdP Sejarah. Bagi mengukuhkan dapatan kajian, pengkaji menggunakan triangulasi kaedah iaitu temubual murid dan guru, pemerhatian dan analisis dokumen. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan daripada temu bual secara berkelompok yang dijalankan. Murid Tahun 5 menyatakan pandangan positif terhadap kemahiran kolaboratif. Menurut murid:

*Murid A: "Saya **suka** berkumpul, sebab emmmm **boleh berbincang**"*

*Murid B: "Aok, **grouping cikgu. Senang mok buat kerja sama-sama**"*

*Murid C: "Kmk pun **suka** berkumpul. **Best** agik dari sorang-sorang"*

Dapatan ini ditriangulasikan dengan dapatan temu bual bersama dengan peserta kajian C di mana hal ini membuktikan bahawa murid menerima baik kemahiran kolaboratif ini. Menurutny:

*"Sebab mereka **lebih suka, aktif and lebih faham** bila dengan kawan sebenarnya."*

Selain daripada temu bual, kaedah pemerhatian juga dijalankan bagi melihat penerimaan murid melalui tingkah laku yang melibatkan kemahiran kolaboratif. Hasil daripada pemerhatian yang dilakukan, murid didapati lebih fokus dan memberi tumpuan serta terlibat dengan aktif sepanjang pelaksanaan PdP Sejarah. Analisis yang dibuat terhadap hasil kerja murid juga jelas menunjukkan kemahiran kolaboratif mendapat penerimaan yang baik daripada murid serta membantu murid untuk menyiapkan tugas yang diberikan dengan baik. Jumlah kesalahan pada tugas yang diberikan juga berada pada tahap yang rendah. Kebanyakan murid dapat menjawab dengan betul bagi setiap

tugas yang dijalankan secara berkumpulan atau berpasangan. Ini membuktikan bahawa kemahiran kolaboratif diterima baik dan mampu membantu proses pembelajaran murid menjadi lebih mudah difahami, menarik dan menyeronokkan.

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa penerimaan murid terhadap kemahiran kolaboratif ini adalah pada tahap yang baik. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Norul Haida (2012) yang menyatakan bahawa kaedah pembelajaran secara berkumpulan meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran. Selain itu, perhubungan dua hala memberi kesan yang positif dalam kalangan murid kerana mereka dapat memahami isi kandungan pembelajaran yang disampaikan dengan jelas. Murid tidak merasa bosan dan lebih berminat dalam mengambil bahagian secara aktif. Suasana pembelajaran juga lebih dirasai dan memberi penekanan yang jelas terhadap semua tajuk yang mereka pelajari.

KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Secara keseluruhan, penggunaan kemahiran kolaboratif berdasarkan dua elemen yang difokuskan ada dilaksanakan oleh guru di dalam kelas bagi mata pelajaran Sejarah. Namun penggunaannya hanya pada tahap yang sederhana di mana guru menunjukkan kekerapan penggunaan yang berbeza-beza. Penerimaan murid terhadap kemahiran tersebut pula adalah pada tahap yang baik di mana dapat dilihat daripada pola perasaan minat dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan dengan jelas pelaksanaan dua elemen kemahiran kolaboratif berdasarkan aktiviti yang dijalankan oleh guru Sejarah semasa PdP di dalam bilik darjah. Elemen yang pertama dilaksanakan dengan baik iaitu elemen saling bergantung dalam kumpulan. Manakala, elemen kedua iaitu kemahiran interpersonal dan berkumpulan pula ada dilaksanakan namun tidak secara menyeluruh.

Namun, secara keseluruhannya kemahiran kolaboratif ini ada digunakan atau diterapkan oleh guru Sejarah semasa PdP dijalankan meskipun bukan pada tahap yang tinggi. Kemahiran kolaboratif ini secara positif dilihat sebagai kemahiran yang efektif untuk diamalkan bagi menjadikan proses PdP terutamanya bagi mata pelajaran Sejarah lebih menyeronokkan dan berkesan serta membantu meningkatkan pencapaian murid.

Bagi meneruskan kajian ini pada masa akan datang, terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dijalankan bagi mengembangkan atau menambah baik kajian ini. Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan bagi mengkaji kelima-lima elemen kolaboratif yang terdapat di dalam Rubrik Kemahiran Kolaboratif, Modul 7 Program TS25, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu saling bergantung dalam satu kumpulan, kemahiran interpersonal dan berkumpulan, kemahiran sosial, emosi dan silang budaya, menguruskan dinamika dan cabaran serta memanfaatkan digital untuk melihat tahap penggunaan serta pelaksanaan kemahiran kolaboratif ini secara menyeluruh dalam PdP Sejarah seperti yang digariskan dalam Kemahiran pembelajaran abad ke-21 (PAK-21).

Selain itu, satu kajian bagi melihat perbandingan antara sekolah bandar dengan luar bandar dari aspek penggunaan kemahiran kolaboratif juga boleh dijalankan untuk melihat sejauh mana wujudnya jurang yang ketara antara sekolah bandar dan luar bandar. Hasil dapatan kajian tersebut akan dapat memberi gambaran sejauh mana tahap penggunaan kemahiran kolaboratif ini diterapkan di dalam PdP di sekolah dan faktor-faktor lain yang menyebabkan wujudnya perbezaan tersebut.

Seterusnya, satu kajian bagi melihat dan mengambilkira faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan atau penerapan kemahiran kolaboratif juga boleh dijalankan. Ini bertujuan untuk melihat apakah faktor yang menyebabkan kemahiran tersebut kurang digunakan atau dilaksanakan serta turut melihat faktor yang memangkin penggunaan kemahiran tersebut di sekolah. Kajian-kajian ini akan memperlihatkan satu skop yang lebih luas berkenaan dengan penggunaan kemahiran kolaboratif ini di semasa pelaksanaan PdP Sejarah.

Implikasi daripada kajian ini membantu pengkaji untuk mengetahui dan memahami dengan lebih baik berkenaan dengan kemahiran kolaboratif yang digunakan semasa PdP dijalankan. Pengetahuan dan kefahaman yang lebih baik dan jelas ini diharapkan dapat digunakan apabila mula mengajar di sekolah kelak. Selain itu, kajian ini juga berupaya memberi pendedahan dan gambaran awal berkenaan dengan kaedah PdP yang dapat membantu meningkatkan penerimaan murid terhadap mata pelajaran Sejarah.

Kajian ini juga mampu membantu dalam meningkatkan kualiti PdP guru Sejarah di sekolah. Selain itu, turut membantu guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka terutamanya bagi guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah. Manakala implikasi terhadap murid menunjukkan bahawa kajian ini dapat membantu dalam meningkatkan penerimaan mereka terhadap mata pelajaran Sejarah. Selain itu, mereka juga akan mengetahui kaedah pembelajaran yang sesuai dan membantu mereka dalam proses PdP yang berlangsung terutama sekali bagi mata pelajaran Sejarah.

RUJUKAN

- Alias, N. S., Hussin, H., Hassan, J., Adnan, N. S. M., Othman, M. H., & Hussin, K. (2018). Perception of Teacher on Cooperative Learning. In *MATEC Web of Conferences* (Vol. 150, p. 05068). EDP Sciences.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2018). Modul 7 Program Transformasi Sekolah 2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Creswell, J. W (2007). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Horbury, A., & Pears, H. (1994). Collaborative groupwork: How infant children can manage it. *Education* 3-13, 22(3), 20-28.
- Eow Yee Leng. (2018). *Penerapan Kemahiran 4C Dan Pembudayaan Amalan Pak-21 Dalam Pdp Matematik Tingkatan 1*. DOI: 10.13140/RG.2.2.23296.07683
- Nur Salimah Alias. (2013). Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Koperatif: Proceedings of the 4th International Conference on Public Policy and Social Sciences (ICoPS). Kota Kinabalu: Sabah
- Norul Haida Redzuan. (2012). Pembelajaran secara Koperatif dalam Kelas Bahasa Melayu. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 3, 52-70.
- Rafiza Abdul razak. (2013). Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif atas Talian dalam Analisis Novel Bahasa Melayu. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* (1): 34-36.
- Smith, B. L., & McGregor, J. (1992). What is cooperative learning? In A. S. Goodsell, M. R. Maher, V. Tino, B. L. Smith, & J. McGregor (Eds.), *Collaborative learning: A sourcebook for higher education*. Washington DC: ERIC.
- Slavin, R. E. (1990). Research on cooperative learning: Consensus and controversy. *Educational leadership*, 4

AMALAN DIMENSI KEWARGANEGARAAN IAITU KETERIKATAN EMOSI KEPADA NEGARA DALAM KALANGAN MURID : SATU KAJIAN KES

Larryson Anak Roslan

IPG Kampus Batu Lintang Sarawak, Kuching Sarawak
larryson.sejarah2015@ipgkbl.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan dimensi keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan murid-murid Tahun 4 hingga Tahun 6 dan mengenalpasti usaha pihak sekolah dalam meningkatkan amalan tersebut. Dapatan kajian lepas menunjukkan penerapan elemen dan nilai yang terdapat dalam dimensi kewarganegaraan kurang meresap ke dalam golongan generasi muda pada masa kini. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu berbentuk kajian kes. Pengumpulan data dibuat melalui kaedah pemerhatian, temubual dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan amalan keterikatan emosi terhadap negara ada diamalkan dalam kalangan murid Tahun 4 hingga Tahun 6. Implikasi kajian menunjukkan pentingnya kesedaran penerapan dimensi keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan murid melalui mata pelajaran Sejarah. Kajian juga mencadangkan perlunya usaha-usaha dilakukan untuk meningkatkan amalan tersebut.

KATA KUNCI : *Dimensi kewarganegaraan, keterikatan emosi kepada negara, mata pelajaran sejarah.*

ABSTRACT

This study aims to investigate the practice of the citizenship dimension which is the emotional attachment to the nation among Year 4 to Year 6 pupils. This study also indicates the efforts of the school in cultivating the practice. The findings of previous studies show that the application of elements and values in the citizenship dimensions is less pervasive to the younger generation today. This study has been using qualitative approaches in the form of case studies. Data collection is done through observation, interview and analysis of document. The finding shows the behaviour of being emotionally attached to the nation is well-practiced among the Year 4 to Year 6 pupils. The implication of this study shows the importance of awareness in practicing the citizenship values among the younger generations through the role of History lesson in the school. This study also suggests the need for efforts to cultivate the practice of the values in citizenship dimension.

KEYWORDS : *Citizenship dimension, emotional attachment to the nation, History lesson.*

Pengenalan

Menurut Arthur dan Wright (2001), nilai kewarganegaraan ialah nilai tentang tanggungjawab seseorang warganegara terhadap negaranya sendiri serta ahli warganegara yang lain. Ianya berasaskan dua bentuk perhubungan iaitu hubungan vertikal yang melibatkan hubungan warganegara dengan negaranya dan hubungan horizontal pula melibatkan hubungan sesama warganegara. Dalam hubungan vertikal, setiap warganegara perlu bertanggungjawab terhadap negaranya.

Malaysia sangat menitikberatkan nilai kewarganegaraan dalam kalangan rakyatnya. Pendidikan menjadi wadah utama untuk menerapkan nilai kewarganegaraan, (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994). Nilai kewarganegaraan telah diterapkan sejak di peringkat sekolah rendah lagi melalui mata pelajaran seperti Pendidikan Sivik dan

Kewarganegaraan pada awalnya. Namun, mata pelajaran tersebut telah digantikan dengan mata pelajaran Sejarah di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang baharu iaitu bermula pada tahun 2014.

Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Sejarah mengandungi organisasi kurikulum yang terdiri daripada tiga tunjang utama. Pertama, kandungan kurikulum sejarah. Kedua, struktur disiplin sejarah dan yang ketiga ialah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik. Tunjang elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang ketiga pula mengandungi tujuh dimensi iaitu perkongsian sejarah, perkongsian nilai, perasaan kekitaan, perkongsian masa depan, kesetiaan, tanggungjawab warganegara dan akhir sekali keterikatan emosi kepada negara.

Secara umumnya, dimensi kewarganegaraan perlu diterapkan dalam golongan generasi muda sejak di peringkat sekolah rendah lagi melalui mata pelajaran Sejarah yang mula diajar kepada murid-murid Tahun 4 sehingga Tahun 6. Murid-murid sekolah rendah seharusnya mampu memaparkan nilai dan amalan yang menunjukkan diri mereka memiliki emosi yang terikat kepada negara.

PERNYATAAN MASALAH

Penerapan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik melalui mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang bersatu padu, berbangga sebagai rakyat Malaysia, setia kepada negara, bersemangat kekitaan, berdisiplin, aktif dan bermaklumat dalam mengamalkan dan menghayati ciri-ciri warganegara yang cemerlang (Maharom Mahmood, 2001). Hal ini turut disokong oleh Sheela Abraham (1994), di mana beliau mengatakan bahawa sudah menjadi satu tradisi bahawa sejarah diberi tanggungjawab untuk menanam nilai-nilai seperti moral, budaya dan patriotik dalam kalangan generasi muda.

Namun pada masa kini, nilai kewarganegaraan rakyat Malaysia telah semakin pudar terutamanya dalam kalangan murid sekolah dan menjadi punca kurangnya semangat patriotisme (Siti Hasnah et al. 2017). Dapatan kajian Rizal Uzir (2002) terhadap pelajar tingkatan enam mendapati selepas 13 tahun mengalami proses pendidikan di sekolah, pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap nilai kewarganegaraan longgar dan berada di tahap sederhana.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan dimensi kewarganegaraan iaitu keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan murid Tahun 4 hingga Tahun 6. Kajian ini turut melihat usaha pihak sekolah dalam meningkatkan amalan dimensi kewarganegaraan dalam kalangan murid.

Objektif kajian adalah seperti yang berikut:

1. Mengetahui amalan dimensi kewarganegaraan iaitu keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan murid Tahun 4 sehingga Tahun 6.
2. Mengetahui usaha-usaha pihak sekolah dalam meningkatkan amalan dimensi kewarganegaraan iaitu keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan murid.

Berdasarkan objektif kajian, soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah amalan dimensi kewarganegaraan iaitu keterikatan emosi kepada negara dalam murid Tahun 4 sehingga Tahun 6 di sekolah rendah?
2. Apakah usaha-usaha sekolah dalam meningkatkan amalan dimensi kewarganegaraan iaitu keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan murid?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Dalam konteks kajian ini, pemilihan kajian kes dibuat kerana kaedah ini sesuai digunakan dalam unit yang kecil seperti sekolah, institusi atau unit sosial yang kompleks secara keseluruhan dan mendalam (Yin 2009). Pengumpulan data dalam kajian ini dibuat melalui kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Hal ini kerana, pendekatan kualitatif memerlukan data yang berbentuk deskriptif, iaitu berupa kata-kata lisan serta tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati di lapangan (Taylor dan Bogdan, 1984) .

Peserta kajian telah dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) sesuai digunakan bagi memilih peserta kajian yang sudahpun memiliki nilai, ciri-ciri, kriteria ataupun pengetahuan yang ingin dikaji (Creswell dan Plano Clark, 2011). Oleh itu dalam konteks kajian ini, murid-murid Tahun 4 hingga Tahun 6 telah dipilih sebagai peserta kajian kerana mereka telah didedahkan secara langsung dengan elemen-elemen kewarganegaraan melalui mata pelajaran sejarah.

Kajian ini telah menggunakan triangulasi kaedah dan sumber untuk menentukan kebolepercayaan dan kesahan. Data temu bual ditriangulasi dengan hasil pemerhatian dan juga analisis dokumen. Hasil temu bual bersama murid disokong pula dengan hasil temu bual bersama pihak sekolah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan amalan-amalan elemen keterikatan emosi kepada negara dapat dibahagikan kepada tiga pecahan elemen iaitu menghargai identiti negara, bersyukur dengan keharmonian kaum dan berbangga dengan pencapaian negara. Jadual 1 menunjukkan murid-murid di sekolah kajian khususnya peserta kajian ada mengamalkan amalan-amalan tersebut.

Jadual 1

Amalan keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan murid Tahun 4 hingga Tahun 5.

Pecahan elemen		Dapatan
Amalan		
	Menghormati bendera kebangsaan iaitu Jalur Gemilang	Secara keseluruhannya, semua murid di sekolah kajian khususnya peserta kajian dari Tahun 4 hingga Tahun 6 ada menunjukkan amalan mengibar dan menggantung bendera Jalur Gemilang. Namun, amalan ini kurang kerap ditunjukkan kerana hanya berlaku pada Bulan Kebangsaan dan Sambutan Hari Ambang Merdeka sahaja.
Menghargai identiti negara	Menghargai bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu	Semua murid di sekolah kajian termasuk peserta kajian sangat kerap menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi yang utama di sekolah. Ini termasuklah semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan berlainan kaum mahupun sesama kaum
	Menghargai lagu kebangsaan iaitu lagu Negaraku	Secara majoritinya, murid-murid di sekolah kajian sentiasa berdiri tegak semasa menyanyikan lagu Negaraku dengan lirik yang betul. Amalan ini sangat kerap ditunjukkan oleh semua murid termasuk peserta kajian. Kebanyakan murid juga boleh menjelaskan etika menyanyikan lagu Negaraku.
Bersyukur dengan keharmonian kaum	Menghormati amalan pelbagai agama, kaum dan budaya	Secara keseluruhannya, murid-murid pelbagai kaum tiada masalah untuk bergaul tanpa menimbulkan isu-isu sensitif. Selain itu, semua murid di sekolah kajian termasuk peserta kajian kerap menyambut hari perayaan bersama-sama di sekolah.
Berbangga dengan pencapaian	Mengenali tokoh sukan negara	Peserta kajian mengenali tokoh sukan negara dan boleh menyatakan sumbangan mereka terhadap negara. Ini menunjukkan bahawa mereka berbangga dengan pencapaian negara.

Dapatan kajian juga menunjukkan sekolah kajian ada mengadakan pelbagai program dan aktiviti sebagai usaha untuk memupuk amalan keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan anak-anak muridnya. Jadual 2 menunjukkan senarai aktiviti dan program yang diadakan oleh pihak sekolah.

Jadual 2

Usaha-usaha pihak sekolah memupuk amalan keterikatan emosi kepada negara dalam kalangan murid.

Pecahan elemen	Usaha pihak sekolah dalam memupuk amalan keterikatan emosi kepada negara	Amalan murid
Menghargai identiti negara	Mengadakan Bulan Kebangsaan dan sambutan Ambang Merdeka	Murid mengibarkan bendera Jalur Gemilang.
	Mengadakan perhimpunan sekolah.	Murid berdiri tegak semasa lagu Negaraku dinyanyikan.
	Mengadakan aktiviti mendeklamasi sajak, berpantun dan sebagainya dalam bahasa Melayu .	Murid menggunakan bahasa Melayu.
Bersyukur dengan keharmonian	Mengadakan sambutan hari perayaan khas program RIMUP <ul style="list-style-type: none"> • Sambutan Tahun Baharu Cina, Sambutan Hari Gawai dan sebagainya. 	Murid pelbagai kaum bersama-sama menyambut hari perayaan di sekolah.
Berbangga dengan pencapaian negara	Guru berkongsi perihal pencapaian negara dengan murid.	Murid berbincang dengan guru tentang pencapaian negara.

Dapatan kajian sejajar dengan kajian Nazri Muslim dan Jamsari Alias (2004) yang menyatakan amalan-amalan seperti menghormati lambang-lambang negara, bertolak ansur antara pelbagai kaum dan berbangga dengan pembangunan negara sudah menunjukkan seseorang itu mempunyai keterikatan emosi kepada negara. Tambahan pula, amalan-amalan tersebut diterima dan digunapakai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) dan juga dalam kajian oleh Haminah Suhaibo (1998).

Dapatan kajian menunjukkan keputusan yang positif iaitu majoriti murid-murid di sekolah kajian ada mengamalkan dimensi kewarganegaraan iaitu keterikatan emosi kepada negara namun perkara ini tidak sejajar dengan dapatan Siti Hasnah (2017) yang mendapati bahawa nilai kewarganegaraan dalam kalangan murid sekolah semakin pudar. Hal ini mungkin disebabkan kajian Siti Hasnah (2017) melihat semua elemen kewarganegaraan manakala kajian yang telah dijalankan hanya berfokus kepada salah satu elemen kewarganegaraan sahaja.

KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan kajian merumuskan bahawa murid-murid di sekolah kajian khususnya peserta kajian dari Tahun 4 hingga Tahun 5 ada mengamalkan dimensi kewarganegaraan iaitu elemen keterikatan emosi kepada negara. Antara amalan-amalan yang ditunjukkan

ialah seperti menghormati bendera kebangsaan, menghormati lagu kebangsaan dan menghayati bahasa kebangsaan, menghormati antara pelbagai kaum, dan juga peka dengan pencapaian negara.

Kajian menimbulkan kesedaran bahawa pentingnya penerapan dimensi kewarganegaraan dalam kalangan murid sekolah dan usaha pemupukannya bukan terletak pada pendidikan sejarah sahaja namun menjadi harus menjadi tanggungjawab pihak sekolah juga.

Kajian yang seterusnya boleh dijalankan dengan meletakkan fokus kajian terhadap ketujuh-tujuh elemen kewarganegaraan yang terkandung dalam Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP) dan kajian boleh diadakan bagi melihat perbezaan amalan kewarganegaraan dalam kalangan murid sekolah bandar dan luar bandar.

RUJUKAN

- James Arthur dan Daniel Wright (2001). *Teaching Citizenship in the Secondary School*. New York: Routledge.
- John W. Creswell & Vicki L. Plano Clark (2011), *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. California : Sage Publication
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah. *Bahagian Pembangunan Kurikulum*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994. *Buku Panduan Program Pengukuhan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Maharom Mahmood. (2001). *Kurikulum Sejarah ke Arah Memperkukuh Usaha Pemupukan Semangat Patriotik dalam kalangan murid*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke arah pembentukan warganegara patriotik. 8-12 Oktober. Kuala Lumpur.
- Nazri Muslim dan Jamsari Alias (2004). *Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia*. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September. Langkawi.
- Rizal Uzir. (2002). *Nilai-nilai Kewarganegaraan dalam Kalangan Pelajar Sekolah menengah Tinggi Kajang*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan : UKM
- Sheela Abraham, (1993) *Sejarah Perkembangan Negara*, Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Hasnah binti Bandu, Mohd Mahzan bin Awang dan Abdul Razaq bin Ahmad (2017). *Penerapan Kompetensi Kewarganegaraan Melalui Pelaksanaan Pendidikan Sivik (Psk) Dan Kewarganegaraan Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Malaysia*. Fakulti Pendidikan : UKM.
- Yin, R.K. (2009). *Case study research: Design and methods. 4th Edition*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Haminah Haji Suhaibo 1998. *Kefahaman dan Amalan Unsur Patriotisme Melalui Mata Pelajaran Sejarah Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah Atas Kuching* : Unit Sejarah : Maktab Perguruan Batu Lintang.

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU SEJARAH TAHUN 5 BAGI UNIT-UNIT TERPILIH: SATU KAJIAN KES

SHELLEN SURI ANAK ANTHONY

IPG Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak
shellen.sejarah2015@ipgkbl.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru Sejarah Tahun 5 bagi unit-unit terpilih Unit 7 Yang Di-Pertuan Agong sehingga Unit 12 Bunga Kebangsaan. Kaedah pengajaran tradisional kurang relevan dengan amalan pedagogi pada Abad ke-21 ini untuk diamalkan oleh guru di sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada seorang guru Jurulatih Utama (JU) mata pelajaran Sejarah dan 5 orang murid Tahun 5 di sebuah sekolah rendah di bahagian Kuching. Data kajian diperoleh melalui kaedah temu bual, pemerhatian sesi PdP dan analisis dokumen berdasarkan analisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Sejarah cenderung menggunakan teknik penerangan, kerja kumpulan dan soal jawab dlm proses PdP Sejarah di dalam bilik darjah. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor pemilihan kaedah-kaedah PdP dari persepsi seorang guru Sejarah. Implikasi kajian ini adalah pemilihan kaedah PdP Sejarah yang menarik mempengaruhi minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah.

Kata kunci: *Kaedah, pengajaran dan pembelajaran, guru Sejarah, minat.*

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the method of teaching and learning of Year 5 History teacher of selected units for Unit 7 Yang di-Pertuan Agong until Unit 12 Bunga Kebangsaan. Traditional teaching methods are less relevant to pedagogical practices in the 21st Century to be practiced by teachers in. This study used a qualitative approach with a case study design. Participant in this study consisted of a Jurulatih Utama (JU) of History subject and 5 Year 5 pupils at a primary school in Kuching. The data were obtained through interviews, teaching and learning session observations and documents analysis based on data analysis. The findings showed that the teacher tended to use explanatory technique, group work and questioning technique in the teaching and learning process. The findings indicated that the factors of selection of methods were derived from the perception of the teacher. The implication of this study was the selection of interesting methods that affect pupils' interest in History subjects.

Keywords: *Method, teaching & learning, History teacher, interest*

PENGENALAN

Sistem pendidikan berperanan sebagai nadi kepada generasi masa hadapan dan persediaan untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan. Mata pelajaran Sejarah merupakan antara mata pelajaran yang wajib untuk murid-murid Tahap 2 di sekolah rendah sejak Tahun 2014. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Sejarah ini memberikan penekanan kepada murid-murid untuk mengetahui sejarah negara, beretika, penyemaian semangat patriotik dalam kalangan generasi muda dan konsep yang konkrit untuk mengajar fakta yang sahih kepada murid-murid. (Siti Zubaidah Bt Che Mohd Noor & Abdul Razak Ahmad, 2015). Pembelajaran mata pelajaran Sejarah ini penting supaya murid-murid mendapat pengetahuan am mengenai fakta-fakta sebenar sejarah negara kita. Selain itu, kurikulum ini juga menyentuh mengenai kemampuan seseorang guru untuk

menjadi lebih proaktif, memantapkan pemahaman guru terhadap Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang telah dinyatakan di dalam KSSR matapelajaran Sejarah. Mata pelajaran Sejarah mempunyai kebergantungan yang tinggi kepada perancangan dan kualiti seorang guru Sejarah (Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman & Nur Atiqah T. Abdullah, 2009).

PERNYATAAN MASALAH

Mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari di sekolah rendah oleh murid-murid Tahap 2 mulai Tahun 2014. Oleh itu, guru Sejarah sepatutnya menggunakan pelbagai kaedah yang menarik semasa sesi PdP di sekolah bagi membantu untuk meningkatkan pencapaian dan minat murid-murid terhadap mata pelajaran ini. Tambahan pula, sekiranya guru Sejarah tidak mempunyai kaedah-kaedah yang spesifik atau sesuai untuk unit-unit PdP Sejarah Tahun 5 maka guru akan cenderung untuk menggunakan buku teks sebagai sumber PdP mereka. Menurut (Nurhanis Binti Zamshah & Shah Johan bin Othman, 2016), mata pelajaran Sejarah menggalakkan murid-murid untuk menghafal fakta berkaitan dengan tajuk sehingga menyebabkan motivasi untuk belajar adalah kurang. Perkara ini akan menjadi sukar untuk guru yang tidak mempunyai pengetahuan asas dalam matapelajaran Sejarah dalam usaha menggunakan kaedah yang sesuai bagi topik-topik tersebut dan akan menyebabkan murid-murid kurang minat dan tidak mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan (Anuar Bin Harun Puteh, 2008).

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi unit-unit terpilih sejarah Tahun 5.
2. Mengkaji sebab-sebab pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi unit-unit terpilih sejarah Tahun 5.

SOALAN KAJIAN

Soalan-soalan kajian yang cuba dijawab berdasarkan kajian adalah:

1. Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan untuk mengajar unit-unit terpilih sejarah Tahun 5?
2. Apakah sebab-sebab pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi unit-unit terpilih sejarah Tahun 5?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Reka bentuk kajian kes digunakan kerana melibatkan komuniti yang kecil dan berorganisasi seperti guru dan murid di sekolah. (Yin, 2009). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk mengumpul data deskriptif mengenai gambaran sebenar proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk kajian kes ini ialah temubual, pemerhatian secara mendalam sesi PdP dan analisis dokumen (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Peserta kajian dalam kajian kes ini dipilih secara persampelan bertujuan (purposive sampling). Menurut (Creswell, 2015) persampelan bertujuan dibuat berdasarkan pemilihan lokasi kajian, peserta kajian selaras dengan objektif kajian penyelidikan sendiri. Peserta kajian hanya tertumpu kepada seorang Jurulatih Utama (JU) matapelajaran Sejarah dan 5 orang murid Tahun 5 di SK Tanjung Padi. Kajian ini menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Objektif 1: Mengenal pasti Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Objektif kajian 1 ialah mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi unit-unit Sejarah Tahun 5 dari Unit 7 sehingga Unit 12. Perbincangan dapatan kajian akan dibincangkan berdasarkan cara pengumpulan data iaitu temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian terhadap peserta kajian di sekolah. Jadual

Jadual 1

Senarai Semak Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Peserta Kajian

Bil.	Unit Sejarah Tahun 5	Kaedah yang digunakan oleh guru
1.	Yang di-Pertuan Agong Unit 7: Yang Di-Pertuan Agong Payung Negara	Slaid, penerangan, soal jawab, peta <i>i-Think</i> , pembentangan
2.	Identiti Negara Kita Unit 8: Jata Negara	Slaid, soal jawab, penerangan, kerja kumpulan, projek (<i>keychain</i>), pembentangan
3.	Unit 9: Bendera Berkibar	Tunjuk bendera, bercerita, soal jawab, perbincangan
4.	Unit 10: Negaraku	Nyanyian, Bercerita, perbincangan, soal jawab.
5.	Unit 11: Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan	<i>Peta i-Think</i> , soal jawab, perbincangan, nyanyian.
6.	Unit 12: Bunga Kebangsaan	Gambar, penerangan, hafalan bunga, peta ASEAN, soal jawab

Jadual 1 menunjukkan senarai semak kaedah yang digunakan oleh peserta kajian semasa mengajar Unit-unit Sejarah Tahun 5 terpilih. Kaedah PdP pada Jadual 1 diperolehi daripada dapatan temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji semasa sesi PdP berlangsung.

Dapatan temubual menunjukkan peserta kajian menggunakan kaedah tunjuk gambar melalui slaid, soal jawab, peta *i-Think* dan pentaksiran bagi mengajar Unit 7 Yang Di-Pertuan Agong Payung Negara. Dapatan ini selari dengan apa yang dicatat pada Rancangan Pelajaran Harian (RPH) dimana peserta kajian mencatatkan kaedah tunjuk gambar, perbincangan, aktiviti kumpulan, soal jawab, pembentangan dan pentaksiran untuk mengajar unit 7.

Dapatan temubual menunjukkan peserta kajian menggunakan kaedah soal jawab, slaid penerangan, kerja kumpulan, projek (*keychain*) dan pembentangan untuk mengajar unit 8 Jata Negara. Dapatan temubual ini selari dengan catatan pada RPH peserta kajian mencatatkan penggunaan kaedah perbincangan, slaid, aktiviti kumpulan, soal jawab, pembentangan dan pentaksiran. Menurut beliau:

“Saya suruh murid buat keychain lekatkan jata, bendera pada tahun lepas dan mereka akan membentangkan hasil mereka”.

Analisis dapatan temubual bagi Unit 9 Bendera Berkibar peserta kajian menggunakan kaedah perbincangan dengan menunjukkan bendera, soal jawab,


pentaksiran menggunakan kuiz. Dapatan temubual ini selari dengan RPH beliau yang dinyatakan penggunaan kaedah perbincangan dengan menunjukkan bendera, soal jawab perubahan bendera, dan pentaksiran secara kuiz.

Analisis dapatan temubual bagi Unit 10 Negaraku, beliau menggunakan kaedah nyanyian, bercerita, perbincangan dan soal jawab. Dapatan ini selari dengan RPH beliau dengan mencatat penggunaan kaedah nyanyian, perbincangan, soal jawab mengenai sejarah lagu-lagu kebangsaan.

Dapatan temubual bagi Unit 11 Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan, beliau menyatakan bahawa kaedah peta i-Think, soal jawab, perbincangan dan nyanyian digunakan. Dapatan ini selari dengan catatan pada RPH mengenai penggunaan kaedah perbincangan, soal jawab, nyanyian lagu Bahasa Jiwa Bangsa.

Dapatan temu bual bagi Unit 12 Bunga Kebangsaan, peserta kajian menggunakan kaedah gambar, penerangan, hafalan bunga dan soal jawab. Dapatan ini selari dengan RPH peserta kajian yang menggunakan kaedah penerangan, paparan gambar, hafalan bunga dan soal jawab untuk mengajar unit ini seperti di Rajah 1.

Hasil pemerhatian melalui RPH didapati selari dengan dapatan temu bual. Ini menunjukkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipilih.



Rajah 1. Rancangan Mengajar Harian Peserta Kajian

Objektif 2: Sebab-sebab Pemilihan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Objektif kajian 2 ialah mengkaji sebab-sebab pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi unit-unit Sejarah Tahun 5 terpilih. Perbincangan dapatan kajian akan dibincangkan berdasarkan cara pengumpulan data iaitu temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian terhadap peserta kajian di sekolah.

Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah PdP berdasarkan dapatan kajian ialah a) kelayakan guru, b) pengalaman guru, c) unit-unit dalam DSKP, d) murid dan e) perkembangan pedagogi terkini. Faktor kelayakan guru dalam mata pelajaran Sejarah mempengaruhi pemilihan kaedah kerana beliau mengetahui kaedah-kaedah yang sesuai untuk digunakan di dalam bilik darjah. Pengalaman mengajar selama 5 Tahun memberikan guru pengetahuan mengenai penggunaan kaedah PdP berdasarkan kesesuaian tahap kesukaran unit-unit yang ingin diajar. Penerimaan murid yang positif dalam kaedah PdP yang digunakan mempengaruhi pemilihan kaedah. Misalnya, murid meminati kaedah bercerita, soal jawab dan penerangan menyebabkan guru lebih cenderung menggunakan kaedah tersebut di dalam bilik darjah. Faktor perkembangan

pedagogi terkini menyebabkan guru menerapkan kaedah penggunaan peta *i-think*, slaid, pembentangan dan kerja kumpulan selaras dengan PAK-21.

Dapatan temubual pemilihan kaedah pengajaran untuk tema unit-unit, peserta kajian menyatakan bahawa:

“...menggunakan cara yang mudah supaya murid faham. Kita hanya akan tunjukkan benda yang wajar kita ajar kepada murid”.

Pemilihan kaedah-kaedah seperti penerangan, soal jawab, perbincangan dan pentaksiran senang untuk digunakan di dalam bilik darjah seperti di Jadual 1. Isi pelajaran akan diterangkan dengan mudah dan jelas untuk memudahkan pemahaman murid-murid. Beliau turut menjelaskan :

“Masa tak cukup jika kita menggunakan strategi satu-satu untuk mengajar di dalam RPH. Saya faham guru perlu mengamalkan amalan pdp yang baru tapi agak sukar”

Peserta kajian menjelaskan bahawa kekangan masa dan kesukaran pelaksanaan kaedah PAK-21 untuk mengajar turut merupakan antara faktor kepada pemilihan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengajar unit 7 hingga unit 12. Beliau menerangkan:

“Gallery Walk juga boleh murid mencari gambar dan membuat pembentangan. Mereka juga boleh bergerak di tempat yang mereka nak dengan syarat seorang tinggal untuk menerangkan. Ada yang berjaya dan tidak bergantung dengan murid. Ada kelas yang buat dan ada kelas yang tidak melaksanakannya. Misalnya 2 kumpulan sahaja yang buat maka Gallery Walk tidak dapat dijalankan dan akhirnya menjadi pembentangan.”

Peserta kajian menggunakan kaedah baru dan lama untuk mengajar tetapi penerimaan murid terhadap kaedah-kaedah tersebut adalah berbeza di antara kelas-kelas yang diajar.

Tema murid merangkumi penerimaan murid merupakan faktor mempengaruhi pemilihan kaedah pengajaran. Beliau menjelaskan:

“Kita nak buat PAK-21 pdp yang menarik dan fokus kepada murid. Namun murid sangat bergantung dengan guru dan murid perlu bersedia untuk bertindak sendiri.”

Peserta kajian menyatakan bahawa pelaksanaan kaedah pdp yang memerlukan pergerakan sukar di jalankan kerana saiz kelas yang kecil dan murid-murid yang masih bergantung kepada beliau dalam menjalankan aktiviti. Beliau turut menyatakan bahawa murid-murid kurang memberikan kerjasama semasa aktiviti dijalankan. Jadual 2 menunjukkan analisis senarai semak Kaedah PdP yang diminati oleh murid.

Jadual 2

Analisis Senarai Semak Kaedah PdP Guru yang Diminati Murid

No.	Temubual Kelompok	Kategori	Tema
1.	B: Batrisya (Individu) C: Sofina (Lawatan) D: Diana (Kerja kumpulan) E: Sebastian (Soal Jawab) F: Rafael (Menonton filem)	Kaedah yang diminati	Pemilihan Kaedah
2.	B: Batrisya (Bercerita) C: Sofina (Lawatan) D: Diana (Slaid) E: Sebastian (Soal Jawab) F: Rafael (Berlakon)	Kaedah yang diminati	Penerimaan murid

Jadual 2 adalah senarai semak kaedah pdp guru yang diminati murid berdasarkan temubual kelompok yang dijalankan dengan Murid 5 Pandai. Kaedah bercerita, penggunaan slaid, soal jawab merupakan antara kaedah-kaedah yang murid-murid minat apabila digunakan oleh guru.

Tambahan pula, kaedah ini hampir digunakan pada setiap sesi pdp di dalam bilik darjah semasa guru mengajar unit-unit terpilih. Dapatan temubual menunjukkan apabila murid-murid menunjukkan minat pada kaedah yang digunakan oleh guru, guru akan cenderung untuk menggunakan kaedah yang sama kerana tumpuan minat murid terhadap kaedah yang digunakan. Beliau menjelaskan:

“Nama bendera diberikan dan mereka meletakkan di papan putih. Kita boleh menyuruh mereka menyusun semula sejarah bendera dan menimbulkan minat mereka untuk belajar kerana penggunaan gambar”.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan daripada kajian ini mendapati bahawa pelbagai kaedah PdP digunakan oleh peserta kajian untuk mengajar unit-unit terpilih Tahun 5 ini. Kaedah PdP yang digunakan adalah mengikut kesesuaian bagi satu unit yang hendak diajar oleh guru di dalam bilik darjah. Peserta kajian didapati sering menggunakan kaedah-kaedah seperti penerangan, bercerita, soal jawab, kerja kumpulan dan pentaksiran dalam bentuk kuiz atau latihan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian masih menggunakan kaedah PdP yang lama semasa mengajar unit-unit terpilih di dalam bilik darjah. Dapatan ini disokong dengan kajian oleh (Anuar Ahmad & Nelson Jingga, 2015) mengenai kompetensi guru Sejarah mereka telah menyimpulkan kepelbagaian kaedah PdP Sejarah adalah seperti kaedah bercerita, lakonan, menyoal, penerangan, perbincangan, penyelesaian masalah dan sebagainya yang sering digunakan semasa sesi PdP.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini mendapati bahawa pelbagai kaedah PdP digunakan oleh peserta kajian untuk mengajar unit-unit terpilih Sejarah Tahun 5 ini. Kaedah PdP yang digunakan adalah mengikut kesesuaian bagi satu unit yang hendak diajar oleh guru di dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian masih menggunakan kaedah PdP yang lama di samping kaedah pedagogi baru seperti peta *i-Think*, pembentangan dan kerja kumpulan semasa mengajar unit-unit terpilih di dalam bilik darjah. Tuntasnya guru Sejarah boleh menggunakan pelbagai kaedah yang lama atau baru untuk mengajar unit-unit terpilih bergantung dengan kompetensi dan pengetahuan asas mereka untuk menyampaikan fakta-fakta terhadap murid-murid di dalam bilik darjah.

Minat dan penerimaan murid-murid juga mempengaruhi pemilihan kaedah yang dilaksanakan oleh guru Sejarah.

RUJUKAN

- Anuar Ahmad & Nelson Ninggan. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1-11.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman & Nur Atiqah T. Abdullah. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 53-66.
- Anuar Bin Harun Puteh. (2008). Keperluan Latihan Di Kalangan Guru-Guru Sejarah Di Sekolah Menengah Daerah Perak Tengah. 1-24.
- John. W Creswell. (2015). *Educational Research Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research (Vol. 4)*. Boston: Pearson Education.
- Nurhanis Binti Zamshah & Shah Johan bin Othman. (2016). Penggunaan Kaedah Selere Dalam Meningkatkan Penguasaan Maklumat Berkaitan Negeri-Negeri di Malaysia Dalam Kalangan Murid Tahun 6. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016*, . Universiti Utara Malaysia, Malaysia. Diakses dari <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>
- Siti Zubaidah Bt Che Mohd Noor & Abdul Razak Ahmad. (2015). Kreativiti Guru Dalam Meningkatkan Kefahaman dan Penghayatan Sejarah. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, 457-468.
- Yin, R. (2009). *Case study research: Design and methods. 4th Edition*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

PENGGUNAAN TMK DAN FAKTOR PENGHALANG DALAM PdP SEJARAH: SATU KAJIAN KES

MOHD ZULFADZLEY HELMY BIN MOHD HEJEMI

IPG Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak.
zulfadzley.sejarah2015@ipgkbl.com

ABSTRAK

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berusaha menggabungkan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai salah satu platform pengajaran dan pembelajaran di setiap peringkat pendidikan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan TMK dalam kalangan guru Sejarah dalam proses PdP mereka. Namun begitu, masih ramai guru yang tidak mahu menggunakan sumber TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kes. Peserta kajian terdiri daripada dua orang guru Sejarah yang telah mengajar Sejarah lebih dari lima tahun. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan juga analisis terhadap dokumen yang penting. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Sejarah menggunakan sumber TMK seperti Video, Audio dan bahan Grafik semasa proses pengajaran dan pembelajaran mereka namun kekerapan penggunaan masih berada pada tahap yang rendah. Dapatan juga menunjukkan faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada penggunaan TMK seperti kekurangan kemudahan, kekangan masa dan kemahiran TMK yang lemah. Implikasi kajian ini juga menunjukkan bahawa penerapan TMK dalam PdP mampu meningkatkan kualiti PdP guru tersebut. Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan guru ada menggunakan TMK dalam proses PdP mereka tetapi kekerapan penggunaan adalah rendah. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor penghalang yang telah dikenal pasti seperti kemahiran TMK yang rendah, kemudahan infrastruktur TMK yang terhad dan juga kekangan masa.

Kata kunci: *penggunaan TMK, guru Sejarah, faktor-faktor penghalang penggunaan TMK*

ABSTRACT

The Ministry of Education Malaysia (MOE) has worked to combine Information and Communication Technology (ICT) as one of the teaching and learning platforms at every level of education. Thus, this study aims to identify the tendency of ICT usage among History teachers in their teaching and learning. However, there are still many teachers who resist to use ICT resources in their teaching and learning. This study used a qualitative approach which is case study. The researcher consists of two History teachers who have taught History for more than 5 years. Data collection was gathered using interviews, observations and analysis of important documents. The findings shows that History teachers use ICT resources such as Video, Audio and Graphic materials during their teaching and learning process but the frequency is still low. Findings also show the factors that impede the use of ICTs such as lack of facilities, time constraints and weaknesses in ICT skills. The implication of this study also shows that the application of ICT in teaching and learning is able to improve the quality of teaching and learning of the teacher. In conclusion, the results show that teachers are using ICT in their teaching and learning process but the frequency is low. This is due to some identified barrier such as low ICT skills, limited ICT infrastructure and time constraints.

Key words: *the use of ICT, the History teacher, the factors preventing the use of ICT.*

PENGENALAN

Ledakan era teknologi telah menyebabkan berlaku sedikit perubahan dari aspek kaedah pengajaran guru ataupun dalam konteks penyampai ilmu. Akibat daripada itu, proses pembelajaran dan penyampaian ilmu menjadi lebih baik di semua peringkat pengajian (Anuar Ahmad et.al, 2009). Kepsatan dunia kini menyaksikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) menjadi satu bentuk alat yang boleh membantu guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran disebabkan impak dan kesan positif kepada murid-murid menyebabkan mereka minat untuk belajar. Walau bagaimanapun, kebanyakan guru sejarah masih mengamalkan pendekatan tradisional dalam PdP (Renuka Ramakrishnan dan Siti Hawa Abdullah, 2008). Keterbatasan penggunaan TMK oleh guru Sejarah dalam PdP Sejarah ini berkemungkinan berpunca daripada beberapa kekurangan seperti kurang pengetahuan tentang TMK, kurang mahir menggunakan teknologi, peralatan yang kurang lengkap dan kekangan masa (McGlenn, 2007). Walhal, pengetahuan dan kemahiran teknologi merupakan asas penting untuk melihat keberkesanan sumber digital sejarah.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian Mazyla dan Nor Fadila (2004) mendapati guru-guru tidak menggunakan TMK dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) walaupun mereka diberi kemudahan yang cukup. Ini menunjukkan bahawa ada golongan guru tidak menggunakan sepenuhnya kelebihan dan keupayaan TMK di sekolah masing-masing, walaupun kerajaan telah membekalkan peralatan dan keperluan TMK yang secukupnya. Perkara ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang mendorong guru-guru tersebut tidak menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran. Misalnya, Ting Kuang Shiung dan Woo Yoke Ling (2005) menyatakan terdapat cabaran dan masalah dalam penggunaan TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran, iaitu sikap negatif guru terhadap penggunaan TMK dan guru kurang pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan TMK untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Ekhwan Besah (2004), kebanyakan guru masih lemah dalam kemahiran komputer, iaitu sebanyak 68% guru tidak mempunyai kemahiran pengendalian komputer.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji penggunaan sumber TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru Sejarah.
2. Mengkaji faktor-faktor yang menghalang penggunaan sumber TMK dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Sejarah.

SOALAN KAJIAN

1. Sejauhmanakah guru Sejarah menggunakan sumber TMK dalam PdP mereka?
2. Apakah faktor-faktor yang menghalang penggunaan sumber TMK dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Sejarah?

METADOLOGI

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk Kajian Kes. Penggunaan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen membolehkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat atau data yang penting dan terperinci tentang

permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji (Creswell, 2007). Menurut Stake (2000), kajian kes bukan merupakan pilihan ke atas metodologi tetapi pilihan ke atas apa yang hendak dikaji. Kajian kes biasanya dijalankan sebab penyelidik berminat untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes, bukan untuk menguji sesebuah kes (Othman Lebar, 2014). Kaedah pengumpulan data dibuat melalui instrument temu bual, pemerhatian dan juga analisis dokumen.

Peserta kajian

Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*) di mana peserta kajian dipilih berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, dua orang guru Sejarah telah dipilih sebagai peserta kajian. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut;

- i. Latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda.
- ii. Guru Sejarah yang berjawatan tetap dan telah berkhidmat melebihi tempoh lima tahun.
- iii. Berpengalaman dalam mengajar Sejarah.

Instrumen kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan ialah soalan temu bual bersama dua orang peserta kajian. Temu bual diadakan secara semi struktur di mana soala berstruktur diadaptasi dari kajian oleh Renuka Ramakrishnan dan Siti Hawa Abdullah (2012). Soalan secara tidak berstruktur juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang tahap penggunaan TMK oleh guru Sejarah dan juga faktor-faktor menghalang penggunaan. Selain itu, instrumen pemerhatian seperti catatan nota lapangan digunakan untuk proses pemerhatian PdP peserta kajian dan juga senarai semak pemerhatian ke atas kemudahan TMK yang ada di sekolah. Akhir sekali, analisis dokumen Rancangan Pengajaran Haran (RPH) peserta kajian dan juga rekod Log Masuk Makmal Komputer juga dianalisis. Bagi tujuan kesahan, segala instrument yang digunakan disahkan dan disemak oleh Pakar Bidang Sejarah. Setiap data yang diperolehi dibuat secara kandungan dan dikodkan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Objektif 1: Penggunaan TMK oleh guru Sejarah

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa peserta kajian ada menggunakan unsur TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Transkripsi temu bual di bawah menunjukkan kaedah yang digunakan oleh guru Sejarah dan juga penggunaan unsur TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah. Transkrip temu bual dianalisis dengan cara mengenalpasti pola amalan seperti penggunaan, jenis penggunaan serta kekerapan penggunaan. Temubual bersama peserta kajian mendapati peserta kajian ada menggunakan unsur TMK dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Menurutnyanya:

“Ya, memang saya ada guna cuma jarang. Kadang-kadang sebulan sekali, kadang-kadang 2 bulan sekali. Memang banyak halangan dalam nak menggunakan TMK ni dalam kelas.”

Proses pemerhatian PdP ke atas peserta kajian A telah dijalankan sebanyak empat kali. Hasil pemerhatian mendapati PKA hanya menggunakan TMK sekali daripada empat kali proses pemerhatian. Sumber TMK yang digunakan dalam PdP tersebut ialah video.

Bagi Peserta Kajian B (PKB), dapatan yang sama turut diperolehi iaitu TMK jarang digunakan dalam PdP mereka. Menurutnyanya:

“Ya, memang saya akan menggunakan TMK dalam proses pdp saya tapi tidak selalu. Kadang kalau tajuk sesuai saya guna, boleh kata 1 kali sebulan lah. Sebab selalu ada halangan masa nak guna”

Proses pemerhatian ke atas PdP PKB juga menyokong dapatan daripada temu bual di mana sepanjang proses pemerhatian dibuat, hanya sekali TMK digunakan dalam proses PdP. Sumber yang digunakan ialah audio. Analisis dokumen terhadap RPH kedua-dua peserta kajian juga mendapati bahawa elemen TMK ada dinyatakan namun jenis sumber dan kaedah pelaksanaan tidak dinyatakan dengan jelas.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua peserta kajian menggunakan TMK dalam proses mereka tapi analisis yang dibuat mendapati bahawa tahap penggunaan adalah pada peringkat yang rendah. Hal ini disokong melalui dapatan Nazamuddin Alias (2004) ke atas guru-guru Sains di bahagian Kuching yang mendapati bahawa tahap penggunaan TMK guru adalah pada tahap sederhana sahaja. Tahap penggunaan yang rendah ini disebabkan oleh beberapa kekangan yang wujud dan hampir dilalui oleh kebanyakan guru-guru di sekolah.

Hasil temu bual bersama murid dapat menyokong secara langsung dapatan temu bual yang diperolehi bersama peserta kajian A dan B. Tema kekerapan penggunaan yang rendah dikenalpasti dan ini menyokong dapatan yang mengatakan bahawa peserta kajian ada menggunakan TMK dalam Sejarah namun kekerapan pada tahap yang rendah.

Temubual bersama kumpulan murid yang diajar oleh PK A dan PK B juga mendapati bahawa kedua peserta kajian memang ada menggunakan TMK namun jarang dan tahap kekerapan yang rendah. Menurut mereka:

“M4 : Pernah cikgu

M1 & M2 : Ada jugak cikgu sikit

M3 : Kadang-kadang cikgu”

Melalui dapatan temubual ini juga menunjukkan jenis-jenis unsur TMK yang selalu atau pernah digunakan oleh peserta kajian sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah. Peserta kajian mengatakan pernah menggunakan sumber seperti Video, Lagu dan juga bahan grafik. Menurutnyaa:

“Hmm.. Saya bergantung kepada kesesuaian kandungan yang hendak diajar pada haritu. Sebagai contoh, jika kita nak mengajar tentang sesuatu yang memerlukan murid berimajinasi atau memahami konsep, saya akan gunakan video dan sedikit permainan. Kadang-kadang saya gunakan lagu juga untuk suruh murid menyanyi seperti lagu kebangsaan dan lagu lain. Tapi saya boleh katakana, saya guna video, lagu dan gambar kadang-kadang. Hari tu, saya mengajar murid tahun 4 tentang zaman ais batu, saya suruh murid tengok video, dan mereka dapat faham dan membayangkan bagaimana suasana pada zaman ais batu tersebut.”

Berdasarkan transkrip temu bual tersebut, di dapati beberapa contoh sumber TMK yang digunakan oleh peserta kajian ialah seperti video, audio (lagu), animasi pendek dan juga bahan grafik. Salah seorang peserta kajian menyatakan bahawa beliau pernah menggunakan video sebagai bahan untuk mengajar murid tahun 4 tentang tajuk zaman ais batu. Menurut beliau, murid jadi lebih seronok untuk belajar dan juga respon yang aktif dari murid-murid. Selain itu, elemen lagu juga ada digunakan oleh peserta kajian semasa dalam proses pdp mereka, terutamanya tajuk-tajuk bagi tahun 5, iaitu Identiti Negara Kita,

di mana murid akan mempelajari tentang lagu kebangsaan, bunga kebangsaan dan lain lagi. Sumber lain yang digunakan oleh peserta kajian ialah seperti bahan grafik yang boleh dipaparkan secara terus melalui komputer ataupun secara bercetak dan juga menggunakan animasi pendek. Sumber animasi pendek berkaitan subjek Sejarah banyak boleh didapati melalui *Youtube*, seperti animasi peristiwa pembukaan kota Melaka, pertarungan antara Hang Tuah dan Hang Jebat dan banyak lagi.

Hasil temubual bersama kumpulan murid juga mendapati bahawa antara sumber yang pernah digunakan oleh peserta kajian A dan B ialah video, audio, dan gambar-gambar. Menurut mereka:

"M1 : Video, gambar-gambar M2 : Kami buka internet cikgu

M3 : Kami cari maklumat dalam internet cikgu, ada tengok video dan lagu"

Jadual 3 menunjukkan rumusan pola tema yang diperolehi daripada peserta kajian selepas temu bual. Beberapa tema yang diperolehi menunjukkan peserta kajian menggunakan TMK dalam pengajaran Sejarah di sekolah rendah.

Jadual 3

Kategori dan pola tema dapatan data temu bual mengenai penggunaan TMK dalam PdPc Sejarah

Kategori	Tema
jarang sekali sebulan kadang- kadang	Pola kekerapan
video audio animasi grafik	Sumber TMK yang digunakan

Bagi pola kekerapan, didapati peserta kajian memang menggunakan unsur TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah. Perkara ini dapat dilihat melalui perkataan "*ya*", "*ada guna*", "*ada tapi jarang*" menunjukkan guru memang menggunakan unsur TMK cuma kekerapan yang berbeza. Pola kekerapan penggunaan tersebut juga dapat dilihat melalui perkataan "*jarang*", "*sekali sebulan*" dan "*kadang- kadang*". Responden turut menyatakan faktor yang menjadi penyebab mereka agak susah untuk menggunakan TMK dalam proses pdp mereka. Hasil dari temu bual juga, dapat dilihat jenis unsur TMK yang sering atau pernah digunakan dalam mengajar mata pelajaran Sejarah. Antara unsur TMK yang digunakan ialah video, lagu, animasi video dan grafik menarik. Pemilihan unsur TMK yang digunakan adalah berdasarkan kepada kesesuaian kandungan dan juga keperluan pdp.

Objektif 2: Faktor penghalang penggunaan TMK dalam PdP Sejarah

Hasil dari temu bual bersama peserta kajian, beberapa factor telah dikenal pasti sebagai faktor yang menghalang penggunaan TMK dalam PdP Sejarah. Antaranya ialah kemudahan dan infrastruktur TMK yang terhad, kekangan masa dan juga kemahiran TMK guru yang lemah. Peserta kajian A menyatakan faktor seperti peralatan TMK yang tidak mencukupi serta masa yang tidak cukup sebagai faktor utama menghalang penggunaan tersebut. Menurutnya:

"Antaranya ialah saya ambil contoh di sekolah ni, LCD tak cukup. Hal ini kerana bilik yang hanya ada LCD 2 sahaja iaitu Makmal Komputer dan juga bilik PLC.

Bukan itu sahaja, masalah lain yang saya lihat ialah, jumlah waktu mengajar yang banyak dan juga masa diperlukan untuk persiapan” (PKA).

Bagi peserta kajian B (PKB) pula, faktor seperti kemahiran TMK yang lemah serta kemudahan yang terhad telah dikenal pasti dalam analisis temu bual. Menurutnya;

“Masalah utama ialah saya kadang nak cari bahan tak pandai, saya tahu cari video di ‘youtube’ sahaja dan nak guna makmal atau bilik PLC pun susah sebab subjek TMK memang pdp di sana dan bilik PLC pula khas untuk subjek Math dan Science. Kadang nak buat group activity guna notebook dekat kelas pun susah, sebab notebook 1Malaysia dekat makmal komputer banyak yang rosak.”

Proses pemerhatian yang dibuat terhadap kemudahan TMK yang ada di sekolah juga mendapati bahawa kemudahan yang ada di sekolah terhad dan tidak mencukupi untuk keperluan PdP guru. Proses pemerhatian dijalankan menggunakan senarai semak dan analisis adalah seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Kemudahan TMK yang ada di sekolah

Peralatan	Kuantiti	Catatan
LCD	3	(Makmal Komputer dan Bilik PLC)
Komputer	10	(Makmal Komputer)
<i>Notebook 1M</i>	20	5 rosak
Pembesar Suara	1	(Makmal Komputer dan Bilik PLC)

Kajian yang dilakukan oleh Muriatun Mohd Said (2010) di beberapa sekolah menengah dalam daerah Segamat juga menunjukkan bahawa kekangan menggunakan TMK disebabkan oleh guru yang kurang berkemahiran dalam TMK. Kajian oleh Norijah Mohamed *et al.* (2014), Sandra Rahman *et al.* (2013) dan Ting Kuang Shiung *et al.* (2005) juga menyokong dapatan kajian ini dimana guru-guru masih berhadapan dengan masalah dari sudut kurang kemahiran dalam menggunakan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas mereka.

Selain itu, menurut Norijah Mohamed *et al.*, (2014) dan Ting Kuang Shiung *et al.*, (2005), kekurangan peralatan dan juga prasarana teknologi merupakan salah satu masalah untuk menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan yang serupa dapat dilihat melalui kajian oleh (Sandra Rahman *et al.*, 2013; Yahya Othman & Roselan Baki, 2015; Norijah Mohamed *et al.* 2014) menyatakan bahawa guru menghadapi masalah masa dalam menghabiskan silibus pengajaran yang telah ditetapkan disamping waktu mengajar yang banyak.

KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kesimpulan dari dapatan kajian menunjukkan guru ada menggunakan TMK dalam proses PdP mereka tapi kekerapan penggunaan adalah rendah. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor penghalang yang telah dikenalpasti seperti kemahiran TMK yang rendah, kemudahan infrastruktur TMK yang terhad dan juga kekangan masa dari segi masa mengajar dan juga proses persediaan sebelum PdP. Dapatan kajian juga menunjukkan beberapa sumber TMK yang telah digunakan oleh guru Sejarah seperti video, audio dan bahan grafik. Berdasarkan kepada kerangka konsep yang dibina, faktor rangsangan seperti kemudahan TMK, kemahiran guru menggunakan TMK jelas memberi kesan kepada tahap penggunaan TMK oleh guru Sejarah. Melalui kajian ini, dapat dilihat bahawa rangsangan adalah sangat lemah seperti kemudahan yang terhad serta kemahiran TMK guru yang lemah menyebabkan tahap penggunaan juga berada pada tahap yang rendah. Justeru, masalah ini perlu diatasi bagi memastikan tahap penggunaan TMK dalam PdP Sejarah dapat ditingkatkan.

Dalam proses transformasi pendidikan, TMK telah menjadi salah satu sumber utama dan ditekankan penggunaannya terutama dalam proses PdP. Dalam usaha tersebut, pihak kementerian juga perlu berusaha meningkatkan taraf dan kualiti kemudahan serta infrastruktur TMK di sekolah agar dapat memenuhi aspirasi pendidikan abad ke-21 (Robiah Sidin dan Nor Sakinah Mohamad, 2007). Melalui dapatan ini, jelas bahawa faktor kemudahan yang terhad menjadi faktor utama kepada kekangan guru untuk menggunakan TMK dalam proses PdP mereka. Penyediaan kemudahan TMK yang mencukupi di sekolah pasti akan dapat meningkatkan kualiti PdP guru disamping meningkatkan prestasi dan pencapaian murid-murid di sekolah tersebut (Zainudin Abu Bakar, Mohd Safarin Noordin dan Aide Hatib, 2011).

Memandangkan kajian ini mempunyai batasanannya tersendiri maka beberapa kajian lanjutan dicadangkan. Satu kajian berfokuskan kepada tahap penggunaan TMK oleh guru-guru Sejarah di sekolah luar Bandar. Melalui dapatan tersebut, dapat dibuat satu perbandingan bagi melihat perbezaan tahap penggunaan TMK antara sekolah bandar dan juga sekolah di luar bandar. Walaupun dapatan kajian ini dapat memberikan gambaran dan maklumat yang lengkap serta terperinci, namun peserta kajian masih lagi terhad dan tidak dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar. Oleh itu, satu kajian boleh dibuat dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi meninjau tahap penggunaan TMK oleh guru Sejarah di sekolah-sekolah rendah di negeri Sarawak pula.

Kajian ini diharap dapat meningkatkan lagi tahap penggunaan sumber TMK yang pelbagai di dalam proses PdP Sejarah. Guru boleh mencuba pelbagai jenis sumber TMK yang lain yang dapat membantu meningkatkan kualiti PdP mereka. Bukan itu sahaja, guru-guru boleh meningkatkan kemahiran TMK mereka dengan menghadiri kursus-kursus, bengkel-bengkel yang percuma ataupun berbayar bagi meningkatkan penguasaan dan kemahiran mereka dalam bidang TMK. Selain itu, dari segi kemudahan dan infrastruktur TMK di sekolah, pihak KPM perlu bekerja keras bagi memastikan kemudahan dan infrastruktur TMK yang mencukupi di sekolah bagi tujuan PdP.

RUJUKAN

- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman dan Nur Atiqah Tengku Abdullah. (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru Sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 53-66.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Ekhwan Besah (2004). Kemahiran Guru Sekolah Kebangsaan Daerah Batu Pahat Menggunakan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Tesis Sarjana. Skudai: UTM

- Mazyla Mokthar. (2004). *Aplikasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Ict) Dalam Meningkatkan Pengajaran Dan Pembelajaran Oleh Guru Teknikal (Awam, Elektrik Dan Jentera) Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Selangor*. Johor: UTM.
- McGlinn, M. (2007). (Using the "Documenting the American South" Digital Library in the social studies: A case study of the experiences of teachers in the field). *Contemporary Issues in Technology and Teacher Education*, 7(1), 529-553.
- Muriatun Mohd Said (2010). *Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru Kanan Sekolah Menengah Daerah Segamat*. Universiti Malaysia Sarawak: Tesis Sarjana.
- Nazamuddin Alias. (2004). Taksiran Keperluan Penguasaan Teknologi Maklumat Di Kalangan Guru Sains Dalam Perkhidmatan. *Jurnal Penyelidikan MPBL (Jilid 5)*.
- Norijah Mohamed, Haslina Hassan dan Mohd Nor Zamani Abu Hassan. (2014). Tahap kesediaan Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran Terhadap Murid-Murid Pra Sekolah : Satu Tinjauan. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN (Vol.31, 2014)*.
- Othman Lebar (2014). *Kajian Tindakan dalam Pendidikan: Teori dan Amalan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa dan Siti Hawa Abdullah. (2014). Kesan penggunaan sumber sejarah digital terhadap kemahiran pemikiran sejarah. In: 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014), 23 - 27 August 2014, Alor Setar, Kedah, Malaysia.
- Robiah Sidin dan Nor Sakinah Mohamad. (2007). ICT dalam pendidikan: prospek dan cabaran dalam pembaharuan pedagogi. *Jurnal pendidikan*, Vol. 32, 132- 152.
- Sandra Rahman, Abu Bakar Nordin dan Norlidah Alias. (2013). Penggunaan ICT Merentas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) : Tinjauan Di Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik - Oktober 2013, Bil. 1 Isu 4*. 60-75.
- Stake, R. E. (2000). Case Studies. In N. K. Denzin, & Y. S. Lincoln (Eds.), *Handbook of Qualitative Research (pp. 435-453)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Ting Kuang Shiung dan Woo Yoke Ling. (2005). Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru sekolah menengah teknik dan vokasional: Sikap guru, peranan ICT dan kekangan/cabaran penggunaan ICT. *Majalah Seminar Pendidikan*. Vol.1, 25-35.
- Yahya Othman dan Roselan Baki. (2015). *Aplikasi Komputer Dalam Pengajaran Bahasa : Penguasaan Guru dan Kekangan dalam Pelaksanaan*. 1st International Malaysian Educational Technology Convention.
- Zainudin Abu Bakar, Mohd Safarin Noordin dan Aide Hatib. (2011). Penguasaan Kemahiran Ict Dalam Kalangan Guru: Suatu Analisis Kritikal Kepustakaan. Seminar Serantau Perguruan Ugama (hlm. 30-37). Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

PELAKSANAAN PROGRAM RANCANGAN INTEGRASI MURID UNTUK PERPADUAN DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH: SATU KAJIAN KES

NOR FARINA BINTI ZULKIPLI
IPG Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak
farina.sejarah2015@ipgkbl.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) di sebuah dan kesannya terhadap integrasi murid di sekolah tersebut. RIMUP merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai kaum. Namun masih terdapat jurang perpaduan yang ketara di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kes. Pengumpulan data kajian ini diperolehi melalui pemerhatian berstruktur, temu bual separa struktur dan analisis dokumen. Analisis data menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber. Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada murid Tahun 4 hingga Tahun 6 yang dipilih mengikut tujuan kajian. Dapatan kajian menunjukkan sekolah tersebut mematuhi peruntukan yang termaktub dalam pekeliling RIMUP. Sekolah tersebut berjaya melaksanakan lima daripada enam kegiatan yang digariskan dalam pekeliling tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan pelaksanaan RIMUP ini memberikan kesan positif terhadap murid melalui penerapan lima elemen integrasi yang terkandung dalam RIMUP. Implikasi kajian ini menunjukkan pelaksanaan RIMUP ini dapat memupuk integrasi murid pelbagai kaum di sekolah.

Kata kunci : *Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP), perpaduan, integrasi*

ABSTRACT

This study aims to identify the implementation of Pupils Integration for Unity Plan (PIUP) in its and its effect on student integration in the school. PIUP is one of the efforts of the Ministry of Education to increase unity among students of various races but there is still a significant unity gap in Malaysia. This study uses a qualitative approach through case study. The data collection was obtained through structured observation, semi structural interview and document analysis. Data analysis uses triangulation methods and source triangulation. Participants in this study consist of Year 4 to Year 6 pupils selected according to the study objectives. The findings show that the school complies with the provisions set forth in the PIUP circular. The school successfully implemented five of the six activities outlined in the circular. The findings also show that the implementation of PIUP has a positive affects on students through the application of five elements of integration contained in PIUP. The implication of this study shows that the implementation of PIUP can nurture the integration of multi-racial students in schools.

Keywords: Pupils Integration for Unity Plan (PIUP), unity, integration

PENGENALAN

Integrasi nasional amat penting untuk menjamin keharmonian dalam negara yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum seperti Malaysia. Menyedari pentingnya peranan sistem pendidikan dalam menyediakan persekitaran untuk sosialisasi sebilangan besar golongan muda di negara kita maka aspek perpaduan dan integrasi telah diperkasakan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkasakan satu Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) sebagai satu langkah proaktif untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid.

PERNYATAAN MASALAH

Pelaksanaan RIMUP bertujuan untuk memupuk semangat integrasi nasional murid sejak kecil lagi agar generasi baru akan mengetahui keperluan perpaduan dalam hidup bermasyarakat di Malaysia. Namun, dapatan kajian Rusimah Sayuti, Mohd Ainuddin & Salma Ishak (2004) mendapati bahawa skor antara kaum cenderung kepada positif iaitu 57% namun 43% masih lagi cenderung kearah negatif. Manakala laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2018), menunjukkan bacaan Indeks Ketegangan Masyarakat pada tahun 2017 meningkat kepada 21%. Tahap hubungan etnik dalam kalangan pelajar dari segi kehidupan seharian pelajar, kegiatan pembelajaran pelajar dan kegiatan kokurikulum pelajar adalah pada tahap sederhana (Cheow Yin Thay, 2008). RIMUP merupakan program yang wajib dilaksanakan di sekolah untuk merapatkan hubungan etnik murid pelbagai kaum di Malaysia. Oleh itu, kajian ini mengupas secara lanjut berkenaan pelaksanaan RIMUP di sebuah sekolah rendah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengetahui pelaksanaan aktiviti program RIMUP di sekolah kajian.
2. Mengetahui kesan program RIMUP terhadap integrasi murid Tahun 4 hingga Tahun 6.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk memenuhi soalan:

1. Apakah pelaksanaan aktiviti program RIMUP di sekolah kajian?
2. Apakah kesan program RIMUP terhadap murid Tahun 4 hingga Tahun 6 di sekolah kajian?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kajian kes digunakan kerana kajian kes sesuai untuk menerokai bidang yang kurang diselidiki sebelum ini dan dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji (Cresswell, 2002). Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual semi struktur, pemerhatian berstruktur dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian ini menggunakan persampelan bertujuan iaitu peserta kajian dipilih berdasarkan objektif kajian. Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada murid Tahun 4 hingga 6 yang telah mengikuti program RIMUP selama tiga tahun berturut-turut. Temu bual dijalankan terhadap murid Tahun 4 hingga 6, para pentadbir sekolah dan pelaksana RIMUP. Manakala kaedah pemerhatian terhadap peserta kajian dan analisis dokumen RIMUP dilaksanakan bagi menyokong data temu bual. Kajian ini menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Objektif 1: Mengetahui pelaksanaan aktiviti dalam program RIMUP di sekolah kajian.

Jadual 1 menunjukkan aktiviti RIMUP yang telah diadakan di sekolah yang dikaji. Pelbagai program telah diadakan bagi memastikan elemen yang dikehendaki dalam pelaksanaan RIMUP berjaya dicapai.

Jadual 1

Aktiviti RIMUP mengikut kegiatan

Kegiatan	Aktiviti
Kecemerlangan Akademik	- Ceramah Motivasi Tahun 6
Kokurikulum	- Gawai Raya - Kem Bestari Solat (RIMUP Kelompok) - Hari Kebangsaan
Sukan dan Permainan	- sukaneka dan pertandingan bola jaring(kelompok) - Sukan Sekolah
Meningkatkan patriotisme	- Aktiviti Mengibarkan Jalur Gemilang - Pertandingan Poster - Kelas Patriotik - Kembara Sejarah
Khidmat Masyarakat	- Gotong royong

Dapatan kajian menunjukkan sekolah ini melaksanakan lima daripada enam kegiatan khas RIMUP yang diperuntukkan dalam buku panduan RIMUP 2005 iaitu kegiatan kecemerlangan akademik, kokurikulum, sukan dan permainan, meningkatkan patriotisme dan khidmat masyarakat. RIMUP dijalankan sepanjang tahun di bawah pengelolaan Penolong Kanan Kokurikulum di sekolah ini.

Berdasarkan Jadual 1, aktiviti yang dilaksanakan di bawah kegiatan kecemerlangan akademik adalah ceramah motivasi untuk murid Tahun 6 yang diadakan secara tahunan. Pihak sekolah biasanya akan menjemput guru pakar untuk memberikan ceramah kepada murid Tahun 6. Kegiatan kokurikulum menurut buku panduan RIMUP adalah merangkumi semua sambutan yang diadakan di sekolah, aktiviti kebudayaan dan aktiviti yang melibatkan perkhemahan serta aktiviti kelab persatuan dan unit beruniform. Sekolah ini biasanya melaksanakan sambutan Gawai Raya, Kem Bestari Solat sebagai salah satu aktiviti RIMUP kelompok yang dilaksanakan pada tahun 2017 dan sambutan Hari kebangsaan. Selain itu, dalam kegiatan sukan dan permainan sekolah ini mengadakan sukan tahunan sebagai aktiviti RIMUP mereka. Sukaneka dan pertandingan bola jaring juga turut dijalankan sebagai pengisian kepada RIMUP kelompok bersama dengan SJKC A DAN SK A pada tahun 2014. Aktiviti yang dijalankan dalam kegiatan meningkatkan patriotisme adalah aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang, pertandingan poster, kelas patriotik dan kembara sejarah. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan rasa cinta kepada negara dalam kalangan murid sekolah. Kegiatan khidmat masyarakat amat kurang dilaksanakan di sekolah ini iaitu hanya aktiviti gotong royong dilaksanakan sebagai salah satu aktiviti RIMUP sekolah.

Secara rumusannya, sekolah kajian ini berjaya melaksanakan hasrat kerajaan yang menginginkan setiap sekolah di Malaysia menganjurkan program RIMUP di bawah kegiatan kegiatan khas yang digariskan dalam pekeliling RIMUP.

Objektif 2: Mengkaji kesan RIMUP terhadap integrasi murid Tahun 4 hingga Tahun 6.

Jadual 2 menunjukkan beberapa tema yang diperoleh kesan aktiviti RIMUP terhadap integrasi murid Tahun 4 dan 6. Berdasarkan Jadual 2, program RIMUP memberikan kesan positif terhadap integrasi peserta kajian berdasarkan lima dimensi integrasi yang digariskan oleh Ramli Basri (2010). Lima dimensi tersebut adalah Integrasi Umum (IU), Intergrasi Belajar (IB), Integrasi Bina Negara dan Patriotisme (IBNDP), Integrasi Budaya dan Adat Resam (IBDAR) serta Integrasi Masyarakat Prihatin (IMP).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa RIMUP berjaya memberikan kesan positif terhadap IU peserta kajian di mana mereka memenuhi kesemua elemen dalam IU. Peserta kajian dilihat mampu berkenalan dengan rakan berbeza kaum, bergaul mesra dengan kawan pelbagai kaum, bekerjasama dalam setiap aktiviti dan saling menghormati sesama warga sekolah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa RIMUP berjaya memberikan kesan positif terhadap IU peserta kajian di mana mereka memenuhi kesemua elemen dalam IU. Peserta kajian dilihat mampu berkenalan dengan rakan berbeza kaum, bergaul mesra dengan kawan pelbagai kaum, bekerjasama dalam setiap aktiviti dan saling menghormati sesama warga sekolah.

Peserta kajian memenuhi elemen-elemen dalam IB iaitu perkongsian pengetahuan, bekerjasama dan saling membantu sekiranya terdapat rakan yang memerlukan bantuan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Walau bagaimanapun mereka kurang memenuhi elemen minat belajar kerana faktor kaedah pengajaran yang digunakan. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa RIMUP memberikan kesan positif terhadap tiga elemen dalam IB namun kurang memberikan kesan terhadap elemen minat belajar.

Jadual 2

Kesan RIMUP terhadap integrasi murid Tahun 4 hingga 6

Dimensi Integrasi	Elemen	Dapatan
Integrasi Umum (IU)	<ul style="list-style-type: none">- Berkenalan dengan rakan- Bergaul mesra dengan kawan pelbagai kaum- Bekerjasama- Hormat menghormati	- X
Integrasi Belajar (IB)	<ul style="list-style-type: none">- Perkongsian pengetahuan- Bekerjasama- Saling membantu- minat belajar	- X * kecuali minat belajar
Integrasi Bina Negara dan Patriotisme (IBNDP)	<ul style="list-style-type: none">- Rukun Negara- Perpaduan- Isu sensitif- Lagu Negaraku- Lagu patriotik- Tarikh kemerdekaan- Lambang negara	- X*kecuali lambang negara
Integrasi Budaya dan Adat Resam (IBDAR)	<ul style="list-style-type: none">- Alat muzik tradisional- Permainan tradisional- Pakaian tradisional- Makanan tradisional- Perayaan	- X* kecuali alat muzik tradisional
Integrasi Masyarakat Prihatin (IMP)	<ul style="list-style-type: none">- Gotong royong- Saling membantu orang susah- Penjagaan alam sekitar	- X*penjagaan alam sekitar

Selain itu, RIMUP dilihat memberikan kesan positif terhadap enam daripada tujuh elemen dalam dimensi IBNDP iaitu Rukun Negara, keperluan perpaduan, isu sensitif, lagu Negaraku, lagu patriotik dan tarikh kemerdekaan. Namun, elemen lambang negara kurang dipenuhi oleh peserta kajian. Ini disebabkan oleh aktiviti yang dijalankan kurang menekankan elemen ini.

Kesan RIMUP terhadap IBDAR ialah positif terhadap lima daripada enam elemen IBDAR. Peserta kajian memenuhi elemen permainan tradisional, pakaian tradisional, makanan tradisional dan perayaan namun tidak pada elemen alat muzik tradisional. Elemen ini tidak di penuhi peserta kajian kerana aktiviti yang dilakukan kurang menyentuh elemen ini.

Kesan terhadap integrasi yang terakhir boleh dilihat daripada segi IMP peserta kajian. Dapatan kajian menunjukkan RIMUP memberikan kesan positif terhadap dua daripada tiga elemen dalam IMP iaitu gotong royong dan membantu orang yang memerlukan. Namun, mereka tidak memenuhi elemen penjagaan alam sekitar.

Kesimpulannya, RIMUP ada memberikan kesan positif terhadap integrasi murid Tahun 4 hingga 6 namun terdapat elemen yang kurang diberikan perhatian sehingga ianya tidak dipenuhi oleh mereka.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian jelas menunjukkan program RIMUP yang dianjurkan di sekolah mampu memberikan kesan positif terhadap integrasi murid Tahun 4 hingga Tahun 6. RIMUP yang dijalankan perlulah mengandungi aktiviti yang menepati kegiatan khas dalam buku panduan RIMUP agar impian untuk meningkatkan integrasi nasional dapat dicapai. Aktiviti RIMUP ternyata berupaya memupuk perpaduan dan integrasi dalam kalangan pelajar berbilang kaum. Namun beberapa penambahbaikan perlu dilakukan. (Hasnal Husna Hussein & Mohd Syarifudin Abdullah, 2018). Aktiviti yang dilaksanakan mampu memberikan peluang kepada murid untuk berinteraksi dengan rakan mereka yang mempunyai latar belakang kaum dan budaya yang berbeza seterusnya meningkatkan integrasi nasional antara mereka. Menurut Rahayu Ariffin (2014), aktiviti dalam RIMUP mengeratkan integrasi kaum dalam kalangan rakan- rakan yang berlatar belakang kaum, agama dan budaya yang berlainan. Namun, aktiviti yang dilaksanakan di sekolah kajian kurang memberikan tumpuan kepada setengah-setengah elemen dalam dimensi integrasi tersebut menyebabkan elemen tersebut tidak dipenuhi oleh murid. Aktiviti yang dirancang perlulah mengikut tujuan yang hendak dicapai supaya kesannya dapat dirasakan oleh semua pihak.

KESIMPULAN

Program RIMUP merupakan salah satu faktor pemupukan integrasi murid pelbagai kaum di Malaysia kerana sekolah berperanan penting untuk menjayakan setiap aktiviti yang dirancang sehingga berjaya. Setiap aktiviti yang dirancang perlu mempunyai elemen integrasi yang boleh dicapai oleh setiap murid di sekolah tersebut. Pelaksanaan aktiviti tersebut mampu menyumbang kearah peningkatan integrasi antara mereka. Implikasi kajian ini menunjukkan pihak sekolah berkenaan dengan program RIMUP dan menambahbaik elemen integrasi dalam setiap aktiviti yang akan dilaksanakan.

RUJUKAN

- Cheow Yin Thay. (2008). *Tahap Hubungan Etnik: Kajian di Kalangan Pelajar Mengikuti Kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), Sesi Pengajian 2007–2008, Semester 2 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Creswell, J. (2002). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating and Qualitative research*. Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall
- Hasnal Husna Hussein, & Mohd Syarifudin Abdullah. (2018). Keberkesanan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (Rimup) Dalam Memupuk Kesepaduan Sosial. *MANU*, 33-49.
- Ramli Basri. (2011). Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Program RIMUP KPM dalam *Seminar Perencanaan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) Peringkat Kebangsaan Tahun 2011*. Putrajaya: UPM.
- Rahayu Ariffin. (2004). *Persepsi Pelajar dan Guru Terhadap Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan di Sekolah Menengah, Kuala Lumpur, Sesi Pengajian 2003–2004, Semester 2 di Universiti Putra Malaysia, Serdang*. Selangor: Universiti Putra Malaysia

Rusimah Sayuti, Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, & Salma Ishak. (4-6 September 2004). Kajian hubungan kaum di kalangan pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)* (pp. 1-11). Langkawi: Unpublished.

**PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)
DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SEJARAH DI
SEKOLAH RENDAH: SATU KAJIAN KES**

MELVIRO MICKY

IPG Kampus Batu Lintang, Sarawak

melviromicky@gmail.com

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan unsur KBAT dalam pembelajaran dan pengajaran Sejarah bagi kelas Tahun 4 serta menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT di sebuah sekolah di Kuching. Mata pelajaran Sejarah merupakan suatu subjek yang baharu diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2014. Oleh itu, pelaksanaan KBAT dalam mata pelajaran tersebut masih kurang diamalkan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pengumpulan data dibuat melalui kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada dua orang guru dan enam orang murid Tahun 4 yang dipilih secara rawak. Dapatan kajian menunjukkan guru Sejarah menerapkan unsur KBAT dalam PdP melalui teknik penyoalan dan lembaran kerja. Dapatan kajian juga turut mengenal pasti dua faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT di sekolah. Implikasi kajian menunjukkan guru Sejarah di sekolah ini sering menerapkan elemen KBAT pada tahap menilai tetapi bergantung kepada faktor luaran dan dalaman yang telah dikenal pasti dalam kajian.

Kata Kunci : *Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), guru Sejarah, Pembelajaran dan pengajaran Sejarah, faktor pelaksanaan*

ABSTRACT

The study aims to identify the implementation of higher order thinking skills (HOTS) element in the teaching and learning of History for the Year 4 class while also analyzing the factor of the implementation of HOTS in one school around Kuching. History is a subject that was newly introduce by the Ministry of Education of Malaysia in the year 2014 and the implementation of the subject matter is still in unsatisfactory levels. This research incorporates the qualitative approach in its research design. The collection of data was done through interviews, observations and document analysis. The research participants consist of two teachers and six Year 4 pupils that was chosen at random. The findings of this research had shown that the History subject teacher did implement HOTS element in teaching and learning through questioning and worksheets. The research findings have also identify the two factors that affects the implementation in the school. The impacts of the research shows that the History subject teacher in the school frequently implements the HOTS element in the evaluation stage.

KEYWORDS: Higher Order Thinking Skill (HOTS), History teacher, Learning and Teaching of History, Implementation factors.

PENGENALAN

Menurut Chew (2017), kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah kemahiran yang memerlukan keupayaan untuk mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, merefleksikan dan menghubungkan dengan situasi semasa. Penekanan KBAT dalam sistem Pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula pada Tahun 1993 (Othman, 2011). Proses pelaksanaan KBAT di Malaysia adalah bersumberkan Taksonomi Bloom dan diubahsuai oleh Lorin Anderson menerusi empat hierarki teratas iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), melalui transformasi kurikulum Pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 memberi penekanan utama terhadap KBAT yang berupaya melahirkan generasi mempunyai keupayaan dalam pemikiran kritis dan kreatif. Pengertian ini kurang mendapat tempat di sekolah apabila kebanyakan guru kurang melaksanakan transformasi Pendidikan tersebut (Daud, 2016). Guru kurang mempraktikkan amalan KBAT di sekolah terutamanya dalam subjek Sejarah kerana terdapat beberapa kekangan yang wujud daripada masalah murid serta daripada guru itu sendiri.

Menurut Isnon, & Badusah, (2017), guru kurang mengamalkan amalan KBAT kerana kebanyakan guru belum bersedia untuk mengubah gaya pembelajaran mereka kepada pembelajaran yang berunsurkan KBAT. Kemampuan murid untuk menjawab soalan KBAT juga menjadi satu kekangan buat guru untuk melaksanakan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah.

PERNYATAAN MASALAH

Telah dinyatakan dalam KSSR bahawa penekanan KBAT dalam sistem Pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula pada Tahun 1993. Oleh itu, guru pada zaman sekarang sepatutnya sudah menguasai penggunaan KBAT dan mampu mengaplikasikan unsur-unsur KBAT kepada murid (Ali, Cheng & Hussin, 2014). Pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah seharusnya mempunyai unsur KBAT seperti yang telah dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Namun begitu, dari segi pelaksanaannya, khasnya bagi matapelajaran Sejarah unsur KBAT masih kurang diamalkan (Ali, Cheng & Hussin, 2014). Perkara ini mungkin berlaku kerana mata pelajaran Sejarah baru sahaja diwujudkan pada Tahun 2014 dan ini menyebabkan guru sukar untuk menerapkan nilai KBAT kepada murid. Dapatan menunjukkan bahawa murid yang kurang berupaya untuk menjawab soalan berbentuk KBAT juga merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan KBAT sukar dilaksanakan di sekolah.

Merujuk kepada fenomena yang berlaku ini, kajian ini hanya mengukur elemen KBAT yang diterapkan oleh guru Sejarah selepas tamatnya Pembelajaran dan Pengajaran terhadap murid Tahun 4 di sebuah sekolah sahaja.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada guru melaksanakan KBAT dalam PdP Sejarah di sekolah dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam PdP Sejarah di sekolah.

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk :

1. Mengetahui sama ada guru melaksanakan KBAT dalam PdP Sejarah di sekolah.
2. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam PdP Sejarah di sekolah.

Secara khususnya, soalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah guru melaksanakan KBAT dalam PdP Sejarah di sekolah?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam PdP Sejarah di sekolah?

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian kes yang berbentuk kualitatif. Hal ini demikian kerana kajian kes ini mengkaji faktor pelaksanaan kemahiran KBAT dalam PdP Sejarah dan kajian ini sangat memerlukan data kualitatif seperti temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Pengumpulan data dalam kajian ini dikumpulkan melalui kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen bagi mendapatkan data deskriptif seperti kata-kata lisan serta tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat dilihat oleh pengkaji (Taylor dan Bogdan, 1984).

Peserta kajian telah dipilih secara persampelan bertujuan. Peserta kajian terdiri daripada dua orang guru serta enam orang murid Tahun 4 yang telah dipilih secara rawak bagi mendapatkan data kajian. Murid Tahun 4 dipilih kerana mereka baru sahaja diperkenalkan dengan amalan KBAT apabila mereka baru berpindah dari tahap satu kepada tahap dua. Instrument yang digunakan dalam kajian ini adalah temubual semi struktur, borang pemerhatian semi struktur dan analisis kandungan.

Kajian ini telah menggunakan triangulasi kaedah dan sumber untuk menentukan kebolepercayaan dan kesahan. Data temu bual ditriangulasi dengan hasil pemerhatian dan juga analisis dokumen. Hasil temu bual bersama murid pula disokong dengan hasil temu bual bersama pihak sekolah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Objektif 1: Mengenal pasti pelaksanaan KBAT dalam PdP Sejarah

Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya pelaksanaan KBAT oleh guru Sejarah mengikut elemen KBAT yang ingin diterapkan oleh guru kepada murid Tahun 4 iaitu elemen menganalisis, mencipta dan menilai. Jadual 1 menunjukkan guru Sejarah serta murid Tahun 4 melaksanakan KBAT dengan menjadikan Standard Prestasi dalam DSKP sebagai rujukan elemen KBAT.

Dapatan menunjukkan guru banyak menggunakan penyoalan dan lembaran kerja ke arah aras menilai mengikut domain taksonomi kognitif Bloom dan Anderson, 2001 daripada pemerhatian yang dilakukan. Selain itu, aras mencipta dan menganalisis semasa proses pelaksanaan PdP Sejarah. Analisis terhadap pemerhatian juga mendapati trend di mana murid dapat menyelesaikan tugas di dalam lembaran kerja aras menganalisis, mencipta dan menilai namun apabila diajukan soalan aras menilai, menunjukkan murid agak lemah menjawab soalan tersebut.

Ini mungkin dipengaruhi oleh bagaimana aktiviti dilaksanakan. Semasa menjawab lembaran kerja, murid melaksanakan tugas dengan perbincangan bersama rakan sebaya. Oleh itu, faktor murid boleh menjawab tugas aras KBAT dalam lembaran kerja dipengaruhi oleh bimbingan rakan sebaya. Namun, ketika diajukan soalan KBAT, murid perlu menjawab sendiri soalan tersebut. Ini menjadikan terdapat murid yang lemah dalam menjawab soalan tersebut.

Jadual 1

Pelaksanaan KBAT oleh guru Sejarah dalam PdP di dalam Kelas Tahun 4.

Standard Prestasi	Elemen	Cara Penerapan KBAT	Dapatan
Murid boleh menguasai maklumat tentang Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka untuk diteladani.	Menganalisis	Lembaran Kerja	Majoriti murid boleh menguasai maklumat tentang Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka untuk diteladani melalui hasil analisis kandungan iaitu hasil kerja murid.
Murid boleh menzahirkan idea yang rasional tentang warisan kesultanan Melayu Melaka dengan institusi beraja.	Mencipta	Lembaran Kerja	Majoriti murid boleh menzahirkan idea yang rasional tentang warisan kesultanan Melayu Melaka dengan institusi beraja melalui bimbingan daripada guru dan lembaran kerja yang diberikan.
Murid boleh membuat penilaian pengetahuan tentang peranan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka dan dihubungkan dengan kehidupan masa kini.	Menilai	Lembaran Kerja	Kebanyakan murid mampu menjawab lembaran kerja yang diberikan. Murid boleh membuat penilaian pengetahuan tentang peranan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka dan dihubungkan dengan kehidupan masa kini.
Murid boleh membuat penilaian pengetahuan tentang peranan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka dan dihubungkan dengan kehidupan masa kini.	Menilai	Soalan	Dapatan menunjukkan penurunan dari segi prestasi murid apabila jumlah murid yang boleh menjawab soalan yang diberikan adalah berkurangan daripada sebelumnya.
Murid boleh membuat penilaian tentang Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka dan dihubungkan dengan kehidupan masa kini.	Menilai	Soalan	Dapatan menunjukkan bahawa murid lemah dalam menjawab soalan KBAT dengan menggunakan kaedah soalan.

Dapatan juga menunjukkan peserta kajian kerap menggunakan lembaran kerja dan penyoalan dalam melaksanakan elemen KBAT semasa proses PdP.

Objektif 2: Faktor-faktor Mempengaruhi Pelaksanaan KBAT dalam PdP Sejarah.

Dapatan kajian juga menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam PdP Sejarah di sekolah. Jadual 2 menunjukkan tema, kategori dan dapatan yang merangkumi faktor pelaksanaan KBAT ini ke dalam PdP Sejarah. Terdapat tiga faktor dalaman yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru. Faktor

pertama ialah persediaan guru, beban guru dan kompetensi guru seperti yang dibincangkan dalam Jadual 2.

Faktor dalaman berkaitan kesediaan guru ialah bagi pelaksanaan KBAT, guru perlu bersedia dengan aktiviti dan bahan penyoalan sedangkan buku teks yang disediakan adalah soalan aras rendah. Faktor seterusnya ialah beban guru. Beban guru yang terlalu banyak termasuk kerja pengkeranian serta terlibat dengan pelbagai program menyebabkan guru kekurangan masa untuk penyediaan pelaksanaan elemen KBAT di dalam kelas. Selain itu, faktor kompetensi merupakan di antara faktor yang sangat penting kerana latihan membantu guru dalam penyediaan pelaksanaan KBAT.

Faktor luaran pula terdiri daripada faktor murid sendiri. Terdapat dua faktor luaran berkaitan murid iaitu kemampuan murid. Oleh itu, tahap aras kognitif yang hendak digunakan dalam pelaksanaan PdP adalah bergantung kepada tahap murid tersebut. Guru perlu mengambil kira kemampuan murid dalam kesediaan pelaksanaan PdP Sejarah kerana perlu mengambil kira kepelbagaian murid. Faktor luaran kedua berkaitan dengan murid ialah komitmen murid. Murid yang menunjukkan komitmen tinggi akan berusaha menyelesaikan tugas aras KBAT berbanding murid yang mempunyai komitmen rendah. Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam memotivasikan murid bagi mencapai aras tersebut.

Faktor luaran yang seterusnya ialah sekolah. Peranan pemimpin sekolah sangat penting dalam pelaksanaan KBAT. Galakan dan dorongan serta latihan kepada guru perlu dibuat selalu agar guru-guru mahir dalam pelaksanaan KBAT tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Sejarah melaksanakan KBAT ke dalam PdP mereka dengan menerapkan tiga elemen KBAT iaitu mencipta, menganalisis dan menilai. Guru Sejarah cenderung menggunakan elemen KBAT menilai kerana elemen tersebut mudah untuk diaplikasikan oleh guru melalui teknik penceritaan kepada murid. Dapatan ini sejajar dengan kajian Haron, Badusah & Mahamod (2016), yang menyatakan murid lebih senang belajar KBAT melalui teknik penceritaan.

Dapatan kajian sejajar dengan kajian Vadsala'Vadsala & Vadivalu (2015), yang menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT ini ke dalam PdP adalah terdiri daripada faktor dalaman yang merangkumi guru, dan faktor luaran yang merangkumi murid serta pihak sekolah. Guru merupakan aspek pertama tiang kejayaan pelaksanaan KBAT ini dan pernyataan ini disokong oleh kajian Kassim & Zakaria (2015).

Jadual 2.

Faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam PdP Sejarah di sekolah.

Tema	Kategori	Dapatan
Faktor Dalaman	Guru Sejarah	Terdapat tiga faktor pelaksanaan KBAT guru Sejarah yang dapat dikenal pasti dalam semasa menjalankan kajian ini. Faktor yang pertama terdiri daripada persediaan guru. Faktor yang kedua pula adalah beban tugas guru yang banyak sehinggakan guru mempunyai kesukaran dalam melaksanakan KBAT ini. Faktor yang ketiga pula adalah dari segi kompetensi guru itu sendiri.
	Murid Tahun 4	Terdapat dua faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam PdP Sejarah di sekolah melalui kategori murid. Faktor yang pertama adalah kemampuan murid tersebut. Faktor yang kedua pula adalah dari segi komitmen murid.
Faktor Luaran	Sekolah	Guru Besar memberikan galakan kepada setiap guru di sekolah X termasuklah guru Sejarah untuk melaksanakan KBAT ini ke dalam PdP mereka. Sekolah memberikan kerjasama kepada guru Sejarah dalam melaksanakan KBAT ini dari segi bahan serta sumbang saran idea kepada guru Sejarah.

KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru Sejarah melaksanakan KBAT dalam PdP mereka dengan menggunakan ketiga elemen KBAT iaitu mencipta, menilai dan menganalisis. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru Sejarah cenderung untuk mengaplikasikan elemen KBAT menilai terhadap murid. Dari segi murid pula, murid lebih berupaya menjawab soalan berbentuk KBAT melalui kaedah lembaran kerja yang diberikan oleh guru.

Kajian ini dilakukan adalah untuk mendedahkan faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT guru Sejarah di sekolah. Terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi pelaksanaan ini tetapi kajian ini menunjukkan bahawa guru merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT ini.

Diharapkan kajian ini dapat diteruskan dengan mengkaji semua guru Sejarah di sebuah sekolah rendah dengan mengkaji proses PdP guru Sejarah serta semua murid tahap dua yang terdiri daripada Tahun 4, 5 dan 6.

RUJUKAN

- Ali, D. F., Cheng, L. Y., & Hussin, M. N. K. (2014). Persepsi guru-guru terhadap sistem KBSR dan KSSR: Satu Kajian tinjauan dari aspek kurikulum, kesediaan guru dan pelaksanaannya. *Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan*.
- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). A Taxonomy for learning, teaching, and assesing. *A Revision of Blom's Taxonomy of Educational Objektif*. New York: Addison Wesley Longman. Inc.
- Chew, B. G. (2017). *Pengetahuan dan pengaplikasian kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru teknik dan vokasional*. Tesis Kedoktoran, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

- Daud, N. B. M., Ahmad, A. R., & Yakub, N. M. (2016). Pembelajaran berteraskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 1, pp. 352-360).
- Haron, A. R., Badusah, J., & Mahamod, Z. (2016). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Salak Didik dengan elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 53-60.
- Isnon, H., & Badusah, J. (2017). Kompetensi guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-65.
- Kassim, N., & Zakaria, E. (2015). Integrasi kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 3(1), 1-12.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Diakses dari www.moe.gov.my
- Othman, F., & Rahman, S. (2011). Kepentingan penyebatan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam *Pembentangan Seminar Serantau ke* (Vol. 5).
- Taylor, S. J., & Bogdan R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second Edition. Toronto: John Wiley and Sons.
- Vadsala'Vadsala, A., & Vadivalu, P. (2015). Persepsi dan masalah yang dihadapi oleh guru Sains dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* .Vol. 2, pp. 1077-1082.